

**Kertas Perintah CMD.22 Tahun 2020
MALAYSIA**

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**TINJAUAN FISKAL DAN
ANGGARAN HASIL KERAJAAN
PERSEKUTUAN 2021**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Ekonomi,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881
e-mel: bfe@treasury.gov.my

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.


Edisi 2021 diterbitkan pada 6 November 2020.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.treasury.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Negara di seluruh dunia telah memperkasakan usaha sejak awal 2020 demi memerangi pandemik COVID-19 yang telah menjurus kepada krisis kemanusiaan dan kesihatan global paling mencabar dalam sejarah. Sebilangan besar negara telah melaksanakan langkah pembendungan seperti sekatan rentas sempadan dan kuarantin bagi mengekang penularan yang lebih meluas. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali dalam melaksanakan pelbagai tindakan bagi melindungi rakyat. Penutupan kebanyakan sektor ekonomi selama hampir dua bulan telah menyebabkan perniagaan dan pekerjaan berada di tahap yang berisiko. Implikasi penularan COVID-19 telah mengganggu operasi perniagaan sekaligus menjejaskan aliran hasil dan pendapatan seterusnya memberi impak kepada kehidupan rakyat.

Kebanyakan kerajaan termasuk Malaysia terus berjuang menyeimbangkan usaha untuk menyelamatkan nyawa serta melindungi kehidupan rakyat dan memelihara ekonomi negara. Faktor luaran termasuk kelembapan perdagangan global dan ketidakstabilan harga minyak mentah juga telah meningkatkan keperluan intervensi dasar fiskal bagi menyokong pemulihan ekonomi. Mendepani ancaman terhadap kesihatan dan ekonomi yang tidak pernah terjadi sebelum ini bukanlah satu tugas yang mudah. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dengan melaksanakan segera polisi yang dinamik sebagai tindak balas dalam tempoh yang mencabar ini.

Kerajaan sedang memacu negara mengharungi situasi yang mencabar ini dengan mengambil pendekatan yang berfokus kepada strategi 6R iaitu *Resolve* (Ketegasan), *Resilient* (Ketahanan), *Restart* (Memulakan Semula), *Recovery* (Pemulihan), *Revitalise* (Memperkasa) dan *Reform* (Menyusun Semula). Di ambang memasuki fasa kelima, Kerajaan kekal fokus untuk melengkapkan perjalanan negara dari fasa *Restart* (Menjana Semula) ke fasa *Recovery* (Pemulihan) melalui pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan bagi mendorong pertumbuhan negara. Langkah fiskal dan bukan fiskal bernilai RM305 bilion atau sekitar 20% daripada KDNK telah disuntik ke dalam ekonomi melalui inisiatif di bawah pakej rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN.

Dalam jangka masa sederhana, dasar dan inisiatif akan dirumuskan dalam konteks 'kebiasaan baharu' dalam persekitaran pasca-COVID-19. Belanjawan 2021 akan terus fokus kepada aspek melindungi kehidupan dan kebajikan rakyat, memperkasa dan memacu ekonomi, mempergiat pembangunan luar bandar dan wilayah, meningkatkan agenda digitalisasi dan memantapkan


penyampaian perkhidmatan awam. Pandemik COVID-19 juga telah mewujudkan kebiasaan baharu yang membawa perubahan dramatik terhadap cara kita bekerja dan berinteraksi. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk mewujudkan ekosistem yang boleh membantu pekerja untuk kembali bekerja, dengan menggalakkan penggunaan teknologi yang lebih memudahkan pembelajaran dalam talian dan bekerja dari rumah. Selaras dengan peranan utama yang dipikul oleh Kerajaan, memupuk pemulihan dan memacu pertumbuhan yang baharu akan memerlukan kolaborasi yang lebih besar daripada banyak pihak berkepentingan, yang merupakan pemimpin pelbagai organisasi dari sektor korporat ke institusi. Walaupun bagaimanapun, rakyat Malaysia telah menunjukkan cara yang luar biasa sepanjang tempoh yang mencabar di negara ini. Gerakan seperti #KitaJagaKita telah menyaksikan rakyat Malaysia berganding bahu dengan NGO dan syarikat bagi bersama-sama membantu rakyat Malaysia.

Dalam menghadapi perubahan semasa, adalah sangat penting bagi memastikan sumber fiskal negara digunakan untuk memacu pelaburan dengan tujuan utama untuk melindungi kehidupan rakyat, menyokong perniagaan dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan percaya bahawa tindak balas dasar fiskal pada ketika ini adalah tindakan yang tepat kerana telah wujudnya keperluan yang mendesak untuk memastikan inisiatif rangsangan yang besar dan rancangan pemulihan ekonomi dilaksanakan dengan segera. Walaupun defisit belanjawan cenderung untuk meningkat pada tahun 2020, Kerajaan berpandangan bahawa inisiatif PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN akan dapat memastikan bahawa Malaysia memiliki kemampuan dan kapasiti untuk menyejajarkan pemulihan pasca-COVID. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus fokus untuk memelihara disiplin fiskal demi mempertahankan kekuatan sistemik dan kebertanggungjawaban kewangan awam. Kerajaan juga komited untuk meningkatkan reformasi struktur dan institusi, memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan dan tadbir urus yang lebih cekap demi kelangsungan dan ketahanan jangka masa panjang ekonomi Malaysia.

Dalam mengharungi tempoh yang sukar ini, kita mesti mempergiat usaha untuk terus membangun, mengekalkan dan meningkatkan kepercayaan serta keyakinan rakyat demi kebaikan bersama. Sebagai sebuah negara, kita sudah menghadapi pelbagai krisis sebelum ini, dan Alhamdulillah, kita mampu mengatasi kesemua kesukaran dengan jayanya. Tindak balas dasar yang berhemat dan tidak konvensional ditambah lagi dengan kesungguhan rakyat dalam menghadapi cabaran telah membuktikan kemampuan negara ini untuk menjadi lebih kuat. Oleh itu, saya yakin bahawa setiap rakyat Malaysia akan kekal teguh dan bersatu demi mencipta masa depan yang lebih baik dan cerah untuk negara. Insya-Allah.



TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
6 November 2020



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan krisis kesihatan di seluruh dunia yang merencatkan pertumbuhan global dan seterusnya menjejaskan perniagaan dan kegiatan ekonomi domestik pada 2020. Dalam memelihara dan melindungi nyawa yang tidak ternilai, Kerajaan telah mengambil langkah ketat untuk mencegah wabak dengan melaksanakan pelbagai peringkat kawalan pergerakan. Walaupun langkah ini telah berjaya mengawal penularan COVID-19, pelaksanaan sekatan ke atas aktiviti harian rakyat telah menjejaskan aliran barangan dan perkhidmatan serta memberi impak kepada rantai bekalan ekonomi domestik. Akibatnya, operasi perniagaan merudum dan aliran tunai turut terjejas sehingga memberi kesan kepada ekonomi secara keseluruhannya. Permintaan ekonomi dijangka merosot berikutan jangkaan pemberhentian pekerja dan peningkatan pengangguran yang seterusnya menjejaskan pendapatan isi rumah.

Kerajaan secara proaktif telah bertindak pantas dengan melaksanakan beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang secara kolektif membentuk rangsangan ekonomi terbesar dalam sejarah Malaysia. Empat pakej iaitu – PRIHATIN (RM250 bilion), PRIHATIN PKS+ (RM10 bilion), PENJANA (RM35 bilion) dan KITA PRIHATIN (RM10 bilion) – secara keseluruhannya bernilai RM305 bilion merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal dengan suntikan fiskal langsung sebanyak RM55 bilion. Intervensi dasar fiskal dan monetari yang dilaksanakan bertujuan melindungi nyawa dan kehidupan rakyat, membantu aliran tunai perniagaan serta menyokong dan menjana semula ekonomi.

Parlimen telah meluluskan Akta baharu bagi mewujudkan Kumpulan Wang COVID-19 iaitu kumpulan wang amanah khusus untuk melaksanakan semua langkah fiskal di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Akta ini juga berperanan untuk memastikan disiplin fiskal, akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaksanaan langkah pakej rangsangan. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyemak semula sasaran defisit 2020 daripada 3.2% kepada 6% daripada KDNK. Penting dinyatakan bahawa kesemua langkah ini dibiayai melalui pinjaman dalam negeri dan had statutori hutang baharu telah ditingkatkan secara sementara kepada 60% daripada KDNK berbanding had semasa 55%. Akta ini hanya berkuat kuasa sehingga akhir 2022 apabila tahap hutang dijangka berkurang ke tahap sebelum krisis, iaitu setelah ekonomi pulih dan kembali ke arah landasan pertumbuhan.

Dengan objektif untuk memulihkan dan menjana semula ekonomi, Kerajaan akan terus melindungi rakyat dan kehidupan mereka serta menyokong fasa Memperkasa Ekonomi (*Revitalisation*) dalam Belanjawan 2021. Belanjawan ini telah distruktur berlandaskan empat tema – menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Saya yakin bahawa Belanjawan ini akan menyokong momentum pemulihan ekonomi dan menjamin kesejahteraan rakyat di samping meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam.

Memandangkan kesan pandemik ini dijangka berlanjutan sehingga 2021, defisit fiskal disasarkan untuk berkurang kepada 5.4% daripada KDNK. Kerajaan akan meneruskan konsolidasi fiskal setelah ekonomi pulih daripada krisis COVID-19. Melalui agenda reformasi fiskal, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal berkurang di bawah 4% daripada KDNK dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang. Sasaran ini akan dicapai melalui langkah seperti penambahbaikan dalam sistem kutipan hasil semasa serta meluaskan asas hasil Kerajaan. Dalam masa yang sama, Kerajaan telah mencapai kemajuan dalam usaha rasionalisasi untuk meningkatkan kecekapan operasi dan menambah baik pengurusan kos. Akta Tanggungjawab Fiskal sedang digubal untuk meningkatkan disiplin dan tadbir urus pengurusan fiskal dalam memastikan kewangan awam yang mantap dan mampan.

Penerbitan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan bertujuan meningkatkan ketelusan dalam menyampaikan maklumat dasar fiskal Kerajaan kepada rakyat. Penerbitan ini berserta laporan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan akan memberi pemahaman yang menyeluruh mengenai operasi fiskal dan kewangan awam meliputi semua peringkat Kerajaan dan syarikat awam.


Kekuatan asas dan daya tahan ekonomi kita telah diuji pada 2020. Walau bagaimanapun, tempoh yang amat getir ini memberi peluang berharga untuk melaksanakan *rebalancing act*, melakukan yang terbaik dengan sumber sedia ada, dan juga memastikan pertumbuhan mampan pada masa hadapan. Insya-Allah, dalam mengatasi cabaran ini, akan ada banyak lagi peluang untuk Kerajaan membina semula dan memperkukuh asas fiskal dan kewangan negara kita pada tahun mendatang.




SENATOR TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ
6 November 2020

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman

² Tidak termasuk simpanan luar jangka

³ Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAIAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (Kilometer persegi) AREA (Square kilometres)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia ¹ Peninsular Malaysia ¹		Sarawak		Sabah ²	
330,548	132,104		124,450		73,994	
	2019		2020 ⁶		2021 ⁷	
PENDUDUK (juta) <i>POPULATION (million)</i>	32.4		32.7		33.1	
PENGELUARAN DALAM NEGERI <i>DOMESTIC PRODUCTION</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015) <i>Gross Domestic Product (constant 2015 prices)</i>	1,421,454	4.3	1,357,731	-4.5	1,450,830	6.5 - 7.5
Pertanian <i>Agriculture</i>	101,549	2.0	100,344	-1.2	105,086	4.7
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	101,438	-2.0	93,568	-7.8	97,404	4.1
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	316,320	3.8	306,845	-3.0	328,215	7.0
Pembinaan <i>Construction</i>	66,266	0.1	53,859	-18.7	61,340	13.9
Perkhidmatan <i>Services</i>	820,069	6.1	789,379	-3.7	844,554	7.0
Duti import <i>Import duties</i>	15,812	-1.2	13,736	-13.1	14,231	3.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) <i>Gross Domestic Product (current prices)</i>	1,510,693	4.4	1,439,374	-4.7	1,568,104	8.6 - 9.6
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam <i>Final consumption expenditure: Public</i>	176,673	2.2	179,779	1.8	183,713	2.2
Swasta <i>Private</i>	903,720	8.7	899,102	-0.5	987,240	9.8
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³ <i>Gross fixed capital formation: Public³</i>	94,374	-9.7	85,546	-9.4	100,337	17.3
Swasta <i>Private</i>	252,471	2.7	222,026	-12.1	239,853	8.0
Perubahan inventori dan barangan berharga <i>Changes in inventories and valuables</i>	-28,957	-	-27,679	-	-25,502	-
Eksport barangan dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	985,283	-0.7	842,053	-14.5	916,286	8.8
Import barangan dan perkhidmatan <i>Imports of goods and services</i>	872,871	-2.5	761,454	-12.8	833,823	9.5
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA <i>NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE</i>						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015) <i>Gross National Income (constant 2015 prices)</i>	1,398,921	4.8	1,344,443	-3.9	1,427,963	6.2
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) <i>Gross National Income (current prices)</i>	1,470,426	4.9	1,415,688	-3.7	1,526,546	7.8
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) <i>Gross National Savings (current prices)</i>	368,738	-2.5	328,349	-11.0	334,965	2.0
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) <i>Per Capita Income (current prices, RM)</i>	45,212	4.4	43,350	-4.1	46,101	6.3

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN <i>FEDERAL GOVERNMENT FINANCE</i>	2019		2020 ⁸		2021 ⁹	
	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>
Hasil <i>Revenue</i>	264,415	13.5	227,270	-14.0	236,900	4.2
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	263,343	14.0	226,720	-13.9	236,540	4.3
Baki semasa <i>Current balance</i>	1,072	-	550	-	360	-
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	52,570	-4.9	49,000	-6.8	68,200	39.2
Kumpulan Wang COVID-19 <i>COVID-19 FUND</i>	-		38,000	-	17,000	-55.3
Baki keseluruhan <i>Overall balance</i>	-51,498		-86,450		-84,840	
% KDNK <i>% of GDP</i>	-3.4		-6.0		-5.4	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	44,755		87,051		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	6,977		-303		-	
Perubahan aset ⁴ <i>Change in assets⁴</i>	-234		-298		-	
		% KDNK <i>% GDP</i>		% KDNK <i>% GDP</i>		
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵ <i>Federal Government Debt⁵</i>	792,998	52.5	874,276	60.7	-	-
Hutang dalam negeri <i>Domestic debt</i>	764,233	50.6	845,026	58.7	-	-
Bil Perbendaharaan <i>Treasury bills</i>	4,500	0.3	24,000	1.7	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	338,800	22.4	360,266	25.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	394,133	26.1	436,660	30.3	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	26,800	1.8	24,100	1.7	-	-
Pinjaman luar pesisir <i>Offshore borrowings</i>	28,765	1.9	29,250	2.0	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	23,347	1.5	23,895	1.6	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	5,418	0.4	5,355	0.4	-	-

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

² Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2020, data adalah sehingga akhir September 2020

⁶ Anggaran

⁷ Unjuran

⁸ Anggaran disemak

⁹ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

¹ Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur and Federal Territory of Putrajaya

² Includes the Federal Territory of Labuan

³ Includes investment of public corporations

⁴ (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

⁵ For 2020, data is at end-September 2020

⁶ Estimate

⁷ Forecast

⁸ Revised estimate

⁹ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

Note: Total may not add up due to rounding

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENGANTAR	iii
PRAKATA	v
BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021	vii
MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN	ix
AKRONIM DAN SINGKATAN	xiii
SEKSYEN 1 PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL	
Perspektif Keseluruhan	3
Cabaran Fiskal Dalam Mendepani Pandemik COVID-19	4
Rencana – Pendirian Fiskal Dalam Menyokong Pertumbuhan Ekonomi - Tindak Balas Dasar Menghadapi Krisis COVID-19	5
Kedudukan Fiskal 2020	10
Tinjauan 2021	11
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2021-2023	12
Sisipan – Status Terkini Penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal	13
Kesimpulan	14
SEKSYEN 2 HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	19
Hasil 2020	19
Tinjauan 2021	21
Kesimpulan	22
SEKSYEN 3 PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	27
Perbelanjaan 2020	27
Kumpulan Wang COVID-19	30
Sisipan – Kumpulan Wang COVID-19	31
Tinjauan 2021	33
Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	36
Kesimpulan	37
SEKSYEN 4 PENGURUSAN HUTANG	
Perspektif Keseluruhan	41
Pembiayaan	41
Hutang Kerajaan Persekutuan	44
Sisipan – Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020	46
Rencana – Pengurusan Hutang Semasa Krisis dan Pasca-Pemulihan	51
Hutang Luar	58
Hutang Sektor Awam	59
Tinjauan 2021	59
Kesimpulan	60
SEKSYEN 5 RISIKO FISKAL DAN LIABILITI	
Perspektif Keseluruhan	65
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	65
Jaminan Kerajaan	66
1Malaysia Development Berhad	67
Liabiliti Lain	68
Kesimpulan	68
SEKSYEN 6 SEKTOR AWAM DISATUKAN	
Sektor Awam Disatukan	73
Kerajaan Am	74
Kerajaan Negeri	75
Syarikat Awam Bukan Kewangan	76

JADUAL

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	3
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	12
Jadual 2.1.	Hasil Kerajaan Persekutuan	21
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Komponen	28
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor	30
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	42
Jadual 4.2.	Garis Panduan Perundangan dan Pentadbiran Hutang	45
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen	49
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang	50
Jadual 4.5.	Hutang Luar	58
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	59
Jadual 5.1.	Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	65
Jadual 5.2.	Penerima Utama Jaminan Kerajaan	66
Jadual 5.3.	Komitmen Jaminan	67
Jadual 5.4.	Hutang 1MDB	68
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	73
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	74
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	75
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan SABK Disatukan	76

RAJAH

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	15
Rajah 1.2.	Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	15
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	15
Rajah 1.4.	Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2020	15
Rajah 2.1.	Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	23
Rajah 2.2.	Hasil Sebagai Peratusan KDNK	23
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor	38
Rajah 3.2.	Jumlah Perbelanjaan Mengikut Kementerian dan Agensi	38
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen	38
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus Mengikut Sektor	38
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor	38
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan	38
Rajah 4.1.	Terbitan Mengikut Tempoh Matang	61
Rajah 4.2.	Nisbah BTC MGS dan MGII	61
Rajah 4.3.	Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS	61
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif MGS	61
Rajah 4.5.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	61
Rajah 4.6.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang	62
Rajah 4.7.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	62
Rajah 4.8.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Baki Tempoh Matang	62
Rajah 4.9.	Bayaran Khidmat Hutang	62
Rajah 4.10.	Profil Kematangan Hutang	62
Rajah 5.1.	Jaminan Pinjaman Berkumpul	69
Rajah 5.2.	Profil Kematangan Jaminan Pinjaman	69
Rajah 5.3.	Jaminan Pinjaman Mengikut Sektor	69
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Berkumpul Mengikut Sektor	69
Rajah 6.1.	Aset dan Liabiliti SABK	76

STATISTIK KEWANGAN AWAM

169

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2021

189

AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
BNM	Bank Negara Malaysia	LAKSANA	Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi antara Agensi Nasional
BPN	Bantuan Prihatin Nasional	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
bps	mata asas	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
BSH	Bantuan Sara Hidup	MAA	Persatuan Automotif Malaysia
BTC	bidaan kepada terbitan	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
CITA	cukai pendapatan syarikat	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
CKHT	cukai keuntungan harta tanah	MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
CPS	sektor awam disatukan	MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
DE	perbelanjaan pembangunan	MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
DMO	Pejabat Pengurusan Hutang	MRT	Transit Aliran Massa
DSC	bayaran khidmat hutang	MSC	Koridor Raya Multimedia
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal	MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia
GG	jaminan kerajaan	MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa	MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana
IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa	OE	perbelanjaan mengurus
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar	OPR	Kadar Dasar Semalaman
KHAZANAH	Khazanah Nasional Berhad	PBLT	PBLT Sdn. Bhd.
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia	PDRM	Polis Diraja Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia	PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
KVDT	Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang		
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		

AKRONIM DAN SINGKATAN

PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad	PRIHATIN PKS+	Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	PSU	Program Subsidi Upah
PITA	cukai pendapatan petroleum	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	SABK	Syarikat Awam Bukan Kewangan
PKS	perusahaan kecil dan sederhana	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PPP	kerjasama awam swasta	SRR	Keperluan Rizab Berkanun
PPR	Program Perumahan Rakyat	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PRE	Pakej Rangsangan Ekonomi	TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat		

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3 PERSPEKTIF KESELURUHAN

4 CABARAN FISKAL DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

Rencana - Pendirian Fiskal Dalam Menyokong
Pertumbuhan Ekonomi - Tindak Balas Dasar
Menghadapi Krisis COVID-19

10 KEDUDUKAN FISKAL 2020

11 TINJAUAN 2021

12 RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA 2021-2023

Sisipan - Status Terkini Penggubalan Akta
Tanggungjawab Fiskal

14 KESIMPULAN

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal berkesan yang dapat mengimbangi antara keperluan pertumbuhan dengan kemampuan fiskal sangat penting bagi Malaysia dalam mencapai kestabilan makroekonomi dan kewangan awam yang kukuh. Oleh itu, pendirian fiskal perlu lebih fleksibel dan beroperasi berdasarkan strategi cukai dan perbelanjaan yang berkesan bagi memacu hala tuju pembangunan negara. Pendirian tersebut penting terutamanya ketika Malaysia menangani kesan pandemik COVID-19 yang belum pernah terjadi sebelum ini yang telah menjejaskan ekonomi dan perdagangan global. Dalam situasi ini, tindak balas pantas oleh Kerajaan dalam merangka langkah kitaran balas fiskal yang menyeluruh dan berkesan

sangat diperlukan untuk mengatasi krisis dengan pantas di samping membina daya tahan ekonomi dalam jangka masa sederhana.

Pandemik ini telah memaksa kebanyakan negara termasuk Malaysia melaksanakan langkah kawalan pergerakan atau perintah berkurung untuk mencegah peningkatan penularan wabak. Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 untuk melindungi nyawa rakyat. Oleh kerana matlamat menyelamatkan nyawa menjadi keutamaan, PKP tetap dilaksanakan meskipun memberi kesan terhadap ekonomi. Penutupan kebanyakan sektor ekonomi selama hampir tiga bulan telah menyebabkan banyak perniagaan menghadapi masalah kewangan

JADUAL 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2019 – 2021

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)		
	2019	2020 ³	2021 ⁴	2019	2020 ³	2021 ⁴	2019	2020 ³	2021 ⁴
Hasil	264,415	227,270	236,900	13.5	-14.0	4.2	17.5	15.8	15.1
Perbelanjaan mengurus	263,343	226,720	236,540	14.0	-13.9	4.3	17.4	15.7	15.1
Baki semasa	1,072	550	360				0.1	0.0	0.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	54,173	50,000	69,000	-3.4	-7.7	38.0	3.6	3.5	4.4
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,603	1,000	800	103.4	-37.6	-20.0	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	52,570	49,000	68,200	-4.9	-6.8	39.2	3.5	3.4	4.3
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	-	38,000	17,000			-55.3		2.6	1.1
Baki keseluruhan	-51,498	-86,450	-84,840				-3.4	-6.0	-5.4
Baki primer²	-18,565	-51,505	-45,840				-1.2	-3.6	-2.9

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020, untuk membiayai suntikan langsung fiskal oleh Kerajaan Persekutuan bagi pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi.

² Tidak termasuk bayaran khidmat utang

³ Anggaran disemak

⁴ Anggaran bajet tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

dan berisiko menamatkan operasi. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan pemberhentian pekerja seterusnya memberi kesan kepada kehidupan rakyat. Dalam usaha mengurangkan kesan terhadap ekonomi domestik, Kerajaan telah mengumumkan beberapa siri pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang pada awalnya bernilai RM295 bilion atau 20% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Inisiatif tersebut yang merangkumi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) menunjukkan dasar intervensi proaktif oleh Kerajaan dalam usaha menangani kesan krisis di pelbagai peringkat pemulihan.

Pakej PRIHATIN berjumlah RM250 bilion yang merangkumi PRE telah diperkenalkan untuk melindungi ekonomi, rakyat dan perniagaan. Selain itu, bagi terus membantu perniagaan kecil dan sederhana yang terjejas Kerajaan telah melancarkan pakej PRIHATIN PKS+ yang berjumlah RM10 bilion. Pada 5 Jun 2020, Pakej PENJANA telah diumumkan dengan peruntukan bernilai RM35 bilion memberi fokus dalam memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi melibatkan suntikan langsung fiskal daripada Kerajaan berjumlah RM45 bilion atau 3.1% daripada KDNK yang akan dibiayai melalui pinjaman dalam negeri. Kerajaan juga telah menubuhkan kumpulan wang amanah iaitu Kumpulan Wang COVID-19 khusus untuk menyelaras, melaksanakan dan memantau semua langkah fiskal di bawah pakej ini

Selain itu, pada 23 September 2020, Kerajaan telah mengumumkan tambahan RM10 bilion di bawah pakej KITA PRIHATIN untuk menambah baik inisiatif sedia ada di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA. Sebahagian besar langkah yang diperkenalkan dalam pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi ini

berjangka masa pendek akan memberi kesan minimum terhadap kedudukan fiskal Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Cabaran Fiskal dalam Mendepani Pandemik COVID-19

Krisis COVID-19 telah memberi cabaran lebih besar dalam menguruskan kewangan awam selain meningkatkan pendedahan risiko fiskal. Antara faktor risiko utama termasuk kemerosotan ekonomi yang berlarutan, tempoh pandemik yang berpanjangan dan harga minyak mentah yang lebih rendah. Keadaan ini menyebabkan kutipan hasil lebih rendah manakala perbelanjaan yang lebih tinggi diperlukan untuk merancakkan semula ekonomi melalui langkah kitaran balas. Cabaran tersebut akan meningkatkan tahap hutang dan boleh mengganggu sementara haluan konsolidasi fiskal jangka masa sederhana.

Kerajaan telah berjaya melaksanakan usaha konsolidasi defisit fiskal dalam dekad yang lalu. Kedudukan defisit fiskal yang tinggi pada paras 6.7% daripada KDNK pada 2009 semasa awal Krisis Kewangan Global telah berjaya dikurangkan lebih daripada separuh kepada 2.9% pada 2017. Pencapaian ini merupakan hasil daripada inisiatif pembaharuan fiskal bersepadu termasuk langkah meningkatkan dan mempelbagaikan sumber hasil, mengoptimalkan perbelanjaan seperti rasionalisasi subsidi serta menguruskan hutang dengan berkesan. Pembaharuan ini memberi ruang fiskal tambahan yang membolehkan Kerajaan bertindak balas semasa tempoh kecemasan. Pencapaian ini juga menunjukkan Kerajaan berkeupayaan untuk meneruskan usaha konsolidasi fiskal, memperkukuh kewangan awam dan menguruskan hutang dalam situasi semasa sehingga ekonomi kembali pulih dan kukuh.

RENCANA


Pendirian Fiskal dalam Menyokong Pertumbuhan Ekonomi – Tindak Balas Dasar menghadapi krisis COVID-19

Pengenalan

Wabak Koronavirus 2019 (COVID-19) telah mencetuskan krisis kesihatan global, seterusnya merencatkan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan sehingga kini virus tersebut telah merebak ke kebanyakan negara di seluruh dunia, menjangkiti lebih dari 37 juta orang dengan jumlah kehilangan nyawa melebihi satu juta. Krisis yang belum pernah terjadi sebelumnya telah menyebabkan negara terkesan mengambil tindakan dengan melaksanakan perintah kawalan pergerakan dan kuarantin bagi membendung penularan virus tersebut. Bagi menangani wabak ini, Malaysia memberi keutamaan kepada kedua-dua aspek kesihatan dan ekonomi. Mengambil pendekatan yang sistematik, Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 bagi meratakan lengkung penularan COVID-19, seterusnya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020. Setelah tujuan ini dicapai, ekonomi secara beransur-ansur telah dibuka dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun 2020 hingga akhir tahun. Hasilnya, Malaysia secara amnya telah berjaya membendung penyebaran pandemik COVID-19 dan mengekang kadar kematian di sekitar 1% daripada jumlah kes positif.

Walaupun PKP telah berjaya mengawal penularan virus ini, namun kegiatan perdagangan dan ekonomi terjejas dengan teruk sehingga mengganggu aliran tunai perniagaan serta pendapatan isi rumah. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)¹ mengunjurkan ekonomi global akan mengalami kemelesetan pada tahun 2020 dengan KDNK menyusut sebanyak 4.4% berbanding unjuran asal berkembang 3.3% manakala KDNK Malaysia pula dianggarkan menurun sebanyak 6%. Kesan negatif COVID-19 memerlukan tindak balas dasar segera daripada Kerajaan untuk melindungi golongan yang mudah terjejas dan merangsang pemulihan ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan telah membuat keputusan yang berani dalam mengimbangi antara menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat serta ekonomi.

RAJAH 1. Tinjauan Ekonomi Dunia



¹ World Economic Outlook, October 2020: A Long and Difficult Ascent


Tindak Balas Dasar Fiskal Malaysia terhadap Krisis Ekonomi Masa Lalu

Semasa krisis, intervensi Kerajaan melalui dasar fiskal dan monetari penting bagi mengurangkan impak. Dalam hal ini, kebanyakan negara akan mengambil langkah kitaran balas bagi mengurangkan kesan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan sejarah, Malaysia telah membuktikan kemampuan untuk menangani pelbagai krisis yang mempengaruhi ekonomi. Semasa Krisis Kewangan Asia 1997/1998, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi untuk merancakkan kembali ekonomi domestik yang dibiayai melalui sumber dalaman berikutan kedudukan fiskal Kerajaan yang kukuh setelah mencatat lebihan fiskal selama lima tahun berturut-turut. Sebanyak RM7 bilion atau 2.5% daripada KDNK disuntik ke dalam ekonomi sebagai langkah kitaran balas. Baki keseluruhan pada tahun 1998 mencatatkan defisit 1.8% KDNK daripada lebihan 2.4% pada tahun sebelumnya.

Malaysia telah terjejas disebabkan pertumbuhan global yang perlahan berikutan krisis Kejatuhan Elektronik Global dan serangan 11 September pada tahun 2000/2001. Kerajaan terus melaksanakan langkah rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion atau 2.1% daripada KDNK untuk mengatasi kesan krisis. Pada tahun 2003, wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan Perang Iraq mempengaruhi pemulihan ekonomi dunia. Peristiwa ini memaksa Kerajaan melaksanakan pakej *pre-emptive* berjumlah RM7.3 bilion atau 2% daripada KDNK. Beberapa siri pakej rangsangan ekonomi ini terus meningkatkan paras defisit kepada sekitar 5% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan segera pakej rangsangan tersebut, ekonomi pulih dengan mengukuh dan berkembang pada purata tahunan pada 6% dalam tempoh 2003-2007. Walaupun pelbagai langkah telah diambil sebelum ini dan meningkatkan paras defisit, Kerajaan seterusnya melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan berjaya mengurangkan semula defisit fiskal kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2007.


Menjelang Krisis Kewangan Global 2008/2009, dasar fiskal kembali memainkan peranan utama dalam menstabilkan kesan kelembapan ekonomi global terhadap ekonomi domestik. Kerajaan memperkenalkan dua pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion atau 9.4% daripada KDNK yang menumpukan pada melindungi pekerjaan, menyediakan latihan kemahiran dan latihan semula, memudah cara kegiatan sektor swasta serta meringankan beban golongan mudah terjejas. Hasilnya, defisit fiskal meningkat mendadak ke 6.7% daripada KDNK pada akhir tahun 2009. Selepas krisis, Kerajaan meneruskan langkah konsolidasi dan berjaya mengurangkan defisit fiskal lebih rendah pada 2.9% daripada KDNK pada tahun 2017.

RAJAH 2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pertumbuhan KDNK, 1993 – 2020



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 3. Pakej Rangsangan Fiskal



Oleh itu, dalam menangani pelbagai krisis ekonomi dalam tempoh 1998-2009, Kerajaan telah memanfaatkan sepenuhnya alat dasar fiskal, disokong oleh dasar monetari dan langkah pentadbiran untuk melindungi ekonomi negara dan memastikan kesejahteraan rakyat. Secara keseluruhan, langkah kitaran balas fiskal sekitar RM88 bilion atau 12% daripada KDNK telah disuntik ke dalam ekonomi. Keadaan ini menggambarkan kemampuan negara untuk menghadapi krisis seterusnya bangkit semula disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan kemampuan institusi yang efektif.

Krisis Covid-19 dan Pakej Rangsangan 2020

Memasuki dekad baru 2011-2020, Kerajaan terus melaksanakan reformasi fiskal melalui inisiatif pengurusan kewangan awam yang berani. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan termasuk memperluas dan mempelbagaikan asas hasil serta menerapkan rasionalisasi perbelanjaan dan pengurusan hutang yang berhemah. Usaha ini telah memberikan fleksibiliti fiskal kepada Kerajaan untuk menangani krisis COVID-19 yang telah menjejaskan rakyat dan ekonomi keseluruhannya.

Bagi mengatasi krisis semasa pada 2020, Kerajaan telah memperkenalkan strategi 6R: *Resolve* (Ketegasan), *Resilient* (Ketahanan), *Restart* (Memulakan Semula), *Recovery* (Pemulihan), *Revitalise* (Memperkasa) dan *Reform* (Menyusun Semula). Kerajaan fokus melaksanakan strategi di setiap peringkat melalui pelaksanaan beberapa pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan, iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan KITA PRIHATIN.

Pada bulan Mac, Kerajaan telah memperkenalkan pakej PRIHATIN berjumlah RM250 bilion termasuk suntikan langsung fiskal pada RM25 bilion yang memberi fokus dalam menyediakan sokongan segera bagi melindungi kehidupan dan membantu aliran tunai perniagaan. Antara langkah tersebut termasuk pemberian bantuan tunai langsung kepada isi rumah secara bersasar, melindungi pekerjaan, menyediakan dana untuk menyokong perniagaan, peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan dan pemberian moratorium pinjaman selama 6 bulan untuk individu dan perniagaan, terutama PKS.

Bantuan Prihatin Nasional (BPN) merupakan bantuan tunai secara bersekali sahaja atau *one-off* bertujuan meringankan beban rakyat yang dijangka memanfaatkan sekitar 10 juta penerima dengan peruntukan RM11.2 bilion. Selain itu, Program Subsidi Upah (PSU) telah diperkenalkan untuk membantu majikan mengekalkan pekerja yang dijangka memberi manfaat kepada 3.3 juta pekerja. Peruntukan tambahan sebanyak RM1.5 bilion disalurkan untuk sokongan penjagaan kesihatan dan pembelian peralatan perubatan bagi mengekang penularan COVID-19. Kerajaan juga memperkenalkan i-Lestari iaitu inisiatif bernilai RM40 bilion oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membolehkan pencarum mengeluarkan wang sehingga RM500 sebulan daripada dana persaraan. Institusi perbankan juga telah menawarkan moratorium bayaran balik pinjaman bank selama enam bulan bernilai RM100 bilion kepada syarikat, PKS dan individu untuk meringankan beban aliran tunai. Sebagai tambahan, pada 6 April 2020, pakej PRIHATIN PKS+ telah dilancarkan untuk terus menyokong PKS dengan suntikan langsung fiskal berjumlah RM10 bilion. Pakej ini melibatkan penambahbaikan PSU dan pengenalan Geran Khas PRIHATIN (GKP).

Pada 5 Jun 2020, Kerajaan melancarkan PENJANA bernilai RM35 bilion bagi menjana semula ekonomi dalam jangka masa pendek. Pakej PENJANA memberi tumpuan kepada tiga teras iaitu memperkasa rakyat, menyokong perniagaan dan merangsang ekonomi. Bagi memperkasa rakyat, pelbagai langkah telah dirangka untuk melindungi pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan. Kerajaan antara lain telah menyediakan peruntukan untuk program pengambilan pekerja, meningkatkan kemahiran dan latihan serta menambah baik PSU bagi memastikan perniagaan bersedia untuk beroperasi semula.

JADUAL 1: Pakej Rangsangan dan Pelan Pemulihan Ekonomi 2020

PAKEJ	JUMLAH KESELURUHAN		SUNTIKAN LANGSUNG FISKAL	
	RM BILION	% KDNK	RM BILION	% KDNK
PRIHATIN	250.0	17.4	25.0	1.7
<i>PRE</i>	19.7	1.4	3.2	0.2
<i>PRIHATIN</i>	230.3	16.0	21.8	1.5
PRIHATIN SME+	10.0	0.7	10.0	0.7
PENJANA	35.0	2.4	10.0	0.7
JUMLAH KECIL	295.0	20.5	45.0	3.1
KITA PRIHATIN	10.0	0.7	10.0	0.7
JUMLAH	305.0	21.2	55.0	3.8

Nota: Perbelanjaan tambahan yang melebihi RM45 bilion melalui Kumpulan Wang COVID-19 perlu dibentangkan di Parlimen
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Teras kedua memberi fokus kepada mengekalkan operasi perniagaan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam persekitaran kebiasaan baharu. Langkah tersebut termasuk bantuan kewangan kepada perniagaan melalui skim seperti pembiayaan PKS dan mikro, pembiayaan pelancongan dan Pembiayaan Mudah Bumiputera. Sebagai tambahan untuk meringankan beban kewangan perniagaan, insentif cukai disediakan untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 dan penghapusan penalti atas kelewatan pembayaran cukai.

Teras ketiga yang bertujuan untuk merangsang ekonomi memberi penekanan kepada usaha mempercepat proses pemulihan ekonomi. Sektor pelancongan yang merupakan sektor paling terjejas akibat pandemik COVID-19 akan diberikan sokongan sistematik terutamanya melalui pelbagai insentif cukai dan bantuan kewangan bagi memastikan sektor ini dapat menerima dan mengembangkan operasi dalam landskap kebiasaan baharu. Insentif juga disediakan untuk subsektor harta tanah dan automotif untuk membantu merangsang dan meningkatkan aktiviti subsektor. Di samping itu, insentif ini akan turut meringankan beban kewangan kepada pembeli rumah dan kereta penumpang.

Pada 23 September 2020, Kerajaan telah mengumumkan tambahan RM10 bilion untuk menambah baik inisiatif sedia ada seperti BPN, GKP serta PSU yang lebih bersasar. Pakej ini merangkumi peruntukan tambahan sebanyak RM7 bilion untuk BPN, RM2.4 bilion untuk PSU dan RM600 juta untuk GKP. Peruntukan ini sebahagiannya akan dibiayai melalui pinjaman.

Secara keseluruhan, krisis COVID-19 telah memaksa Kerajaan untuk melaksanakan pendirian fiskal mengembang. Langkah ini bertujuan untuk membiayai langkah kitaran balas bagi merangsang ekonomi dan mempercepat proses pemulihan. Pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang berjumlah 20% daripada KDNK telah disuntik dalam ekonomi. Suntikan langsung fiskal tersebut menggambarkan perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan bagi mengurangkan impak krisis COVID-19.

Impak Pakej Rangsangan dan Pelan Pemulihan Ekonomi

Pelaksanaan PKP oleh Kerajaan telah menyebabkan gangguan ketara terhadap aktiviti ekonomi pada suku kedua 2020. Walau bagaimanapun, ekonomi dijangka beransur pulih pada separuh kedua tahun ini berdasarkan keupayaan Kerajaan mengekang kes COVID-19. Perkembangan ini telah membolehkan Kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan secara berperingkat dan membenarkan lebih banyak sektor

kembali beroperasi. Langkah dasar fiskal dan dasar monetari akomodatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada masa yang sama telah mengurangkan kesan buruk COVID-19 terhadap ekonomi Malaysia. Pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dijangka dapat meningkatkan permintaan agregat dan mengekalkan pekerjaan. Langkah PRIHATIN dan PENJANA dianggarkan dapat meningkatkan ekonomi lebih 4.0 mata peratusan dan menyumbang 3.5 mata peratusan kepada pertumbuhan guna tenaga.

Dalam Belanjawan 2020, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal 3.2% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira suntikan fiskal tambahan untuk melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi di samping anggaran KDNK dan harga minyak mentah yang lebih rendah, defisit fiskal dijangka meningkat kepada 6% daripada KDNK. Unjuran defisit yang lebih tinggi ini berdasarkan andaian purata harga minyak mentah yang lebih rendah iaitu USD40 setong berbanding anggaran asal USD62 setong, kehilangan hasil dalam bentuk insentif cukai diserap sebahagiannya oleh dividen tambahan dan bayaran khas, penjimatan perbelanjaan serta semakan semula peruntukan sedia ada. Walau bagaimanapun, semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej PRIHATIN dan PENJANA merupakan perbelanjaan secara bersekali sahaja atau *one-off* yang tidak akan membebankan kewangan Kerajaan dalam jangka masa sederhana. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan unjuran defisit yang lebih rendah pada purata 4.5% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana. Unjuran defisit yang lebih rendah dijangka mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi dan memastikan kedudukan fiskal dan paras hutang Kerajaan kekal terkawal dan mampan.

Pengubalan Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Krisis COVID-19 memerlukan tindak balas dasar fiskal yang luar biasa bagi menangani krisis dengan berkesan. Justeru, disiplin fiskal perlu dilonggarkan sementara setelah mengambil kira keperluan yang lebih mendesak untuk meringankan beban rakyat, menyokong perniagaan dan merancakkan semula ekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan telah menggubal akta baharu untuk memastikan pembiayaan dan pelaksanaan pakej PRIHATIN dan PENJANA dilaksanakan dalam lingkungan perundangan sedia ada.

Akta tersebut yang dikenali sebagai Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 telah diluluskan oleh Parlimen pada 21 September 2020 dan akan terus terpakai sehingga 31 Disember 2022. Akta ini membolehkan Kerajaan mendapatkan pinjaman atau dana tambahan sehingga 5% daripada KDNK dalam tempoh tiga tahun di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pembiayaan Kerajaan 1983. Pada masa yang sama, had statutori hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan daripada KDNK telah dinaikkan sementara daripada 55% kepada 60%.

Selari dengan enakmen Akta ini, Kerajaan juga telah menubuhkan kumpulan wang amanah yang dikenali sebagai Kumpulan Wang COVID-19. Di bawah Akta ini, terimaan daripada pinjaman boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang ini bagi membiayai program di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA. Penubuhan Kumpulan Wang ini dapat memastikan semua inisiatif di bawah pakej rangsangan ekonomi tersebut dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Inisiatif tersebut juga dipantau dan dilaporkan oleh Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi antara Agensi Nasional (LAKSANA) di bawah Kementerian Kewangan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif secara berkesan oleh semua kementerian dan agensi Kerajaan di seluruh negara.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan ancaman serius terhadap kesihatan manusia dan menyebabkan kejutan yang teruk terhadap ekonomi global. Kebanyakan negara telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bagi mengurangkan kesan pandemik. Secara umum, Kerajaan telah berusaha untuk mengimbangi antara keperluan untuk menyelamatkan nyawa dengan keperluan melindungi kehidupan rakyat dan ekonomi. Bagi Malaysia, campur tangan dasar fiskal yang disokong oleh

dasar monetari yang akomodatif sangat penting dalam melindungi rakyat dan juga ekonomi yang telah dibina dan dibangunkan sejak enam dekad yang lalu. Justeru, kepatuhan terhadap disiplin fiskal telah diberi kelonggaran sementara memandangkan terdapat keperluan mendesak untuk menguruskan krisis. Berdasarkan pencapaian terdahulu, Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana setelah krisis berakhir dan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal demi memastikan dasar fiskal jangka masa panjang yang mampan.

Rujukan

Bank Dunia (2020). *“Surviving the Storm” Malaysia economic monitor (Jun 2020)*, World Bank, Washington, DC 2020 International Bank for Reconstruction and Development/The World Bank

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Booklet Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA)*. Dicapai pada 10 Julai 2020 daripada <https://www.treasury.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Prihatin rakyat economic stimulus package (PRIHATIN)*. Dicapai pada 10 Julai 2020 daripada <https://www.treasury.gov.my>

Pertubuhan Kesihatan Dunia (2020). *Coronavirus disease (COVID-19), weekly epidemiological update*. Dicapai pada 20 Oktober 2020 daripada <https://www.who.int>

Tabung Kewangan Antarabangsa (2020). *World economic outlook, Oktober 2020*. Dicapai pada 29 Julai 2020 daripada <https://www.imf.org>

Kedudukan Fiskal 2020

Prestasi kutipan hasil dijangka menerima kesan negatif berikutan aktiviti ekonomi domestik yang lebih perlahan dan anggaran harga minyak mentah yang lebih rendah susulan pandemik COVID-19. Pengurangan kutipan hasil yang dianggarkan sekitar 20% berbanding anggaran belanjawan sebahagiannya akan ditampung oleh dividen tambahan dan bayaran khas daripada entiti Kerajaan seperti Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Khazanah Nasional Berhad (KHAZANAH) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Jumlah unjuran hasil disemak lebih rendah iaitu RM227.3 bilion atau 15.8% daripada KDNK berbanding anggaran belanjawan sebanyak RM244.5 bilion.

Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan dijangka meningkat sebanyak 6% atau RM17.7 bilion kepada RM314.7 bilion berbanding anggaran belanjawan sebanyak RM297 bilion.

Peningkatan bersih ini berpunca daripada suntikan rangsangan fiskal dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM38 bilion dan diimbangi oleh penjimatan daripada perbelanjaan sebanyak RM20.3 bilion. Penjimatan ini diperolehi daripada semakan semula program dan projek sedia ada serta pengurangan perbelanjaan daripada anggaran belanjawan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM9.3 bilion merupakan penjimatan perbelanjaan mengurus (OE) merangkumi subsidi bahan api, bekalan dan perkhidmatan serta pemberian kepada badan berkanun manakala RM11 bilion pula diperolehi daripada pengurangan perbelanjaan pembangunan (DE) berikutan semakan dan penjadualan semula pelaksanaan beberapa projek susulan penguatkuasaan PKP.

Perbelanjaan mengurus dijangka berkurang sebanyak 5.9% kepada RM226.7 bilion berbanding anggaran asal sebanyak RM241 bilion terutamanya berikutan penjimatan dan klasifikasi semula beberapa item berkaitan

pembangunan. Perbelanjaan pembangunan dijangka berkurang 11% kepada RM50 bilion berbanding anggaran belanjawan RM56 bilion setelah mengambil kira pengurangan perbelanjaan dan klasifikasi semula beberapa item berkaitan pembangunan daripada OE. Perbelanjaan untuk pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi di bawah Kumpulan Wang COVID-19 yang baharu berdasarkan kepada jangkaan penyaluran peruntukan sebanyak RM38 bilion dan baki peruntukan akan dibawa ke tahun berikutnya.

Secara keseluruhan, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada 6% daripada KDNK dengan mengambil kira langkah suntikan ekonomi dan unjuran KDNK serta kutipan hasil yang lebih rendah. Oleh itu, baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang dianggarkan mencatat defisit lebih tinggi iaitu 3.6% daripada KDNK.

Tinjauan 2021

Dalam tempoh peralihan krisis ke fasa pemulihan pada 2021, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan beberapa langkah pemulihan untuk merencanakan semula ekonomi, melindungi kesejahteraan rakyat dan menyokong aktiviti perniagaan. Kerajaan akan beralih daripada pemberian bantuan secara pukal kepada bantuan secara bersasar melalui inisiatif yang ditumpukan untuk memenuhi keperluan asas rakyat, mengekalkan pekerjaan dan memastikan kelangsungan perniagaan. Selain itu, Belanjawan 2021 merupakan permulaan untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan negara dalam persekitaran kebiasaan baharu. Peruntukan akan disalurkan secara lebih bersasar kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi untuk memastikan nilai faedah terbaik. Kerajaan akan terus membuat pelaburan dalam projek infrastruktur awam bagi menyokong ekonomi dan merencanakan pertumbuhan dalam tempoh yang mencabar ini.

Pada 2021 hasil Kerajaan Persekutuan dianggar berjumlah RM236.9 bilion atau 15.1% daripada KDNK. Unjuran hasil yang lebih tinggi ini

disumbangkan oleh jangkaan peningkatan kutipan hasil cukai kepada RM174.4 bilion manakala hasil bukan cukai dianggar RM62.5 bilion. Jumlah perbelanjaan dianggar sebanyak RM322.5 bilion atau 20.5% daripada KDNK. Jumlah OE dianggar bernilai RM236.5 bilion dan DE sebanyak RM69 bilion manakala baki RM17 bilion untuk Kumpulan Wang COVID-19. Sebahagian besar OE diperuntukkan untuk emolumen, bayaran khidmat hutang serta bekalan dan perkhidmatan. Peruntukan DE pula bertujuan memacu dan mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur awam dengan lebih berkesan terutamanya bagi membiayai pengangkutan dan ketersambungan seperti Transit Aliran Massa 2 (MRT2), Lebuhraya Pan Borneo dan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) serta pendidikan dan latihan khususnya pembinaan semula sekolah daif. Selain itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang besar untuk projek yang sedang dilaksanakan termasuk pembinaan makmal patologi dan perolehan peralatan perubatan bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti dan mudah diakses. Pelaksanaan program dan projek akan terus diselaraskan dengan agenda pembangunan negara berlandaskan pembangunan mampan.

Kerajaan akan memastikan pelaksanaan pantas pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Antara program dan projek di bawah Kumpulan Wang ini termasuk Program Subsidi Upah, konsolidasi program bantuan tunai di bawah Bantuan Prihatin Nasional (BPN), projek infrastruktur berskala kecil serta program jaminan bekalan makanan.

Defisit fiskal 2021 dijangka berkurang kepada 5.4% daripada KDNK walaupun setelah mengambil kira pakej rangsangan ekonomi tambahan dalam Belanjawan dengan defisit primer dianggar mencatat 2.9%. Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk mengurangkan paras defisit secara berperingkat dalam jangka masa sederhana dan meneruskan semula trajektori konsolidasi fiskal tanpa menjejaskan momentum pemulihan ekonomi dan agenda pembangunan jangka masa panjang.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2021-2023

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) menyediakan unjuran makro-fiskal bagi tempoh tiga tahun. Penetapan sasaran hasil dan perbelanjaan dijadikan sebagai panduan untuk hala tuju fiskal jangka masa sederhana Kerajaan. Oleh itu, MTFF merupakan alat penting dalam pengurusan dasar fiskal bagi menggalakkan disiplin fiskal, memastikan agihan sumber secara optimum dan menyediakan unjuran melangkaui lingkungan perancangan tahunan.

Unjuran MTFF 2021 – 2023 mengambil kira kepada andaian makroekonomi dan fiskal terkini termasuk kesan krisis COVID-19. Setelah mengambil kira faktor tersebut, andaian MTFF disemak semula berdasarkan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar dalam lingkungan 4.5% hingga 5.5% (pertumbuhan KDNK nominal: 5.5% – 6.5%), harga minyak mentah dalam lingkungan USD45 hingga USD55 setong dan pengeluaran minyak sebanyak 580,000 tong sehari dalam tempoh tersebut.

Dalam jangka masa sederhana, jumlah hasil dijangka mencatat RM731 bilion atau 14.7% daripada KDNK dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh hasil bukan petroleum yang dianggarkan berjumlah RM609.7 bilion atau 12.3% daripada KDNK. Hasil berkaitan petroleum diunjurkan RM121.3 bilion atau 2.4% daripada KDNK. Kerajaan akan terus meningkatkan kutipan hasil dengan meneroka sumber hasil baharu, memperluas asas hasil, menambah baik pentadbiran cukai dan lebih penting, mengguna pakai Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS).

Jumlah siling indikatif termasuk peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 bagi perbelanjaan tiga tahun dianggar berjumlah RM959.8 bilion atau 19.3% daripada KDNK. Peruntukan OE diunjur sebanyak RM730.3 bilion atau 14.7% daripada KDNK manakala DE sebanyak RM212.5 bilion atau 4.3% daripada KDNK. Siling indikatif ini memberi panduan yang menyeluruh kepada kementerian dan agensi dalam proses perancangan belanjawan untuk

memastikan pengurusan fiskal lebih bersasar dan berdisiplin.

Oleh itu, defisit fiskal keseluruhan disasarkan pada purata 4.5% daripada KDNK untuk tempoh tiga tahun manakala hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada paras yang terkawal. Dalam tempoh MTFF, Kerajaan akan terus menyokong pemulihan dan peningkatan keupayaan ekonomi ke arah pertumbuhan yang berdaya tahan dan mampan. Dasar fiskal akan menyokong pelaksanaan inisiatif tersebut di samping mengukuhkan kewangan awam dan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal.

JADUAL 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2021 – 2023

	2021 - 2023	
	RM BILION	BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)
Hasil	731.0	14.7
Bukan Petroleum	609.7	12.3
Berkaitan Petroleum	121.3	2.4
Perbelanjaan mengurus	730.3	14.7
Baki semasa	0.7	0.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	212.5	4.3
Tolak: terimaan balik pinjaman	2.0	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	210.5	4.2
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	17.0	0.3
Baki keseluruhan	-226.8	-4.5
Baki Primer	-102.8	-2.1
Asas andaian:		
Pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5 - 5.5	
Pertumbuhan KDNK nominal (%)	5.5 - 6.5	
Harga minyak mentah (USD setong)	45 - 55	
Pengeluaran minyak (tong sehari)	580,000	

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai suntikan langsung fiskal oleh Kerajaan Persekutuan bagi pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi
Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SISIPAN

Status Terkini Penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal

Pendahuluan

Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) merupakan salah satu inisiatif pembaharuan dalam mengukuhkan institusi fiskal melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan kewangan awam. Tujuan utama penggubalan akta ini untuk memastikan kedudukan kewangan awam yang lebih kukuh serta kemampuan fiskal jangka masa sederhana dan panjang selain menyokong kestabilan ekonomi negara. Kerajaan telah mengumumkan komitmen untuk menggubal FRA pada 2021 semasa pembentangan Belanjawan 2019.

FRA akan digubal berdasarkan amalan terbaik undang-undang tanggungjawab fiskal (FRL) antarabangsa. Banyak negara termasuk Australia, Brazil, Chile, Ireland, New Zealand, Thailand dan United Kingdom telah memperkenalkan undang-undang khusus untuk membuat kawalan ke atas pengurusan kewangan awam. Antara prinsip dan amalan terbaik pengurusan fiskal yang bertanggungjawab meliputi penetapan peraturan fiskal; pengurangan hutang awam ke tahap yang berhemah; pengendalian lebihan baki semasa dan nilai bersih; pengurusan risiko fiskal dan penetapan kadar cukai mudah diramal dan stabil.

RAJAH 1. Contoh prinsip dan amalan terbaik pengurusan fiskal yang bertanggungjawab



Sumber: *Manual of Fiscal Transparency*, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Status Semasa

Bermula pada 2019, Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan dengan objektif utama untuk menerajui dan memandu hala tuju pembangunan FRA. Ahli Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara, Unit Perancang Ekonomi, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Jawatankuasa Pemandu bertanggungjawab untuk memberikan panduan mengenai analisis dan penilaian berkaitan dengan FRA serta mengusulkan draf perundangan. Jawatankuasa ini turut membincangkan isu dasar yang merangkumi elemen dan kerangka FRA serta ketelusan dan akauntabiliti.

Kementerian Kewangan juga telah bekerjasama dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mendapatkan bantuan teknikal mengenai FRA. Bengkel perkongsian pengetahuan telah dijalankan oleh IMF pada Februari 2020 untuk mengenal pasti amalan terbaik antarabangsa yang sesuai untuk diterapkan di Malaysia. Pasukan IMF juga telah bertemu dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Parlimen untuk mendapatkan pandangan mengenai FRA.

RAJAH 2. Elemen utama FRA yang boleh dipertimbangkan



Kesimpulan

FRA merupakan salah satu elemen penting dalam inisiatif pembaharuan fiskal yang akan memberikan panduan ke arah pengurusan kewangan awam yang lebih berdisiplin dan berhemah. Penggubalan FRA sangat penting mengambil kira hasrat Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus dan ketelusan fiskal agar sesuai dengan amalan terbaik antarabangsa. Pada masa ini, Kerajaan mengadakan libat urus dan perbincangan dengan agensi utama domestik dan antarabangsa untuk meneroka pelbagai pilihan dalam penggubalan FRA.

Rujukan


Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2001). *Manual of Fiscal Transparency*. Dicapai pada 17 Oktober 2020 daripada <https://www.imf.org>

Kesimpulan


Kerajaan akan terus memenuhi tanggungjawab utama untuk menjaga kepentingan negara terutamanya dalam keadaan yang mencabar ini. Bagi menangani cabaran hebat yang telah memberi kesan kepada ekonomi dan rakyat, Kerajaan telah bertindak pantas dengan melaksanakan langkah kitaran balas melalui beberapa siri pakej rangsangan dan

pelan pemulihan ekonomi. Tindak balas segera fiskal ini kritikal bagi memastikan ekonomi mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk kembali melonjak dengan pantas selepas tempoh pemulihan. Justeru, inisiatif pembaharuan fiskal iaitu penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal, pembangunan MTRS dan rangka kerja belanjawan jangka sederhana turut diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan kemampuan dan akauntabiliti Kerajaan demi memperkukuh kewangan awam.


RAJAH 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



RAJAH 1.2. Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan




RAJAH 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



Nota: 2020: Anggaran disemak
 2021: Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.4. Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2020



¹ Mengambil kira semakan semula KDNK nominal yang lebih rendah

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

19 PERSPEKTIF KESELURUHAN

19 HASIL 2020

21 TINJAUAN 2021

22 KESIMPULAN

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan krisis ekonomi yang memberi impak ketara kepada perniagaan dan kehidupan di seluruh dunia. Bagi mengurangkan kesan pandemik kepada Malaysia, Kerajaan telah melaksanakan langkah kitaran balas melalui pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi pada 2020. Usaha ini bertujuan mengurangkan impak krisis COVID-19 terhadap perniagaan, isi rumah dan individu, antaranya melalui bantuan tunai langsung, moratorium bayaran balik pinjaman dan langkah cukai.

Jumlah hasil dijangka terjejas dengan ketara dipengaruhi oleh pengurangan terimaan perniagaan, perdagangan dan pelancongan berikutan sekatan pergerakan di seluruh dunia yang telah mengurangkan perdagangan global dan mengehadkan pergerakan individu. Di samping itu, hasil daripada cukai pendapatan dan kutipan duti turut berkurang berikutan harga minyak mentah yang rendah. Walau bagaimanapun, dasar fiskal berkembang dijangka dapat menyokong dan merencanakan aktiviti ekonomi domestik serta membantu aliran tunai perniagaan seterusnya mengurangkan impak krisis dan menyokong pemulihan.

Hasil 2020

Pada 2020, hasil Kerajaan Persekutuan diunjur berkurang sebanyak 14% kepada RM227.3 bilion (2019: RM264.4 bilion) disebabkan kutipan cukai yang lebih rendah. Meskipun terdapat impak COVID-19 dan purata harga minyak mentah yang dianggar lebih rendah iaitu USD40 setong, namun kutipan cukai dijangka terus menjadi penyumbang utama pendapatan Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kutipan sebanyak RM153.3 bilion atau 67.4% daripada jumlah keseluruhan hasil

iaitu lebih rendah daripada purata lima tahun sebelumnya iaitu 75.8%. Sehubungan itu, jumlah hasil sebagai peratusan kepada KDNK dijangka lebih rendah iaitu 15.8% dengan hasil cukai sebanyak 10.6% manakala hasil bukan cukai 5.2%.

Cukai langsung yang merangkumi 50.6% daripada jumlah hasil dijangka berkurang sebanyak 14.6% kepada RM115.1 bilion (2019: RM134.7 bilion). Kutipan daripada semua komponen cukai langsung diunjur berkurang terutamanya disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang perlahan telah menjejaskan pendapatan perniagaan dan individu di samping anggaran harga minyak mentah yang rendah. Cukai pendapatan syarikat (CITA) yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah hasil dianggar lebih rendah kepada RM59.4 bilion (2019: RM63.7 bilion) iaitu pengurangan sebanyak 21% berbanding anggaran asal RM75.5 bilion. Pengurangan ini disebabkan oleh pendapatan perniagaan yang lebih rendah kerana aktiviti ekonomi yang perlahan selaras dengan kawalan pergerakan global dan tindakan pencegahan. Di samping itu, pengurangan kutipan hasil sebahagiannya disebabkan oleh pengumuman beberapa langkah cukai di bawah pakej rangsangan ekonomi. Langkah tersebut termasuk penangguhan bayaran cukai untuk semua perniagaan dalam sektor pelancongan sehingga Disember 2020, penundaan bayaran cukai dari April hingga Jun 2020 untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta lanjutan tempoh insentif cukai untuk elaun modal dipercepat ke atas perbelanjaan modal bagi mesin dan peralatan. Langkah cukai lain termasuk pengecualian duti setem perjanjian jual beli serta pembiayaan rumah, pelepasan cukai pendapatan individu untuk perbelanjaan perjalanan domestik, dan pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan pelupusan dari 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021.

Cukai pendapatan individu dijangka berkurang sebanyak 4% kepada RM35.9 bilion berbanding anggaran asal sebanyak RM37.4 bilion. Faktor utama yang menjejaskan prestasi kutipan termasuk pemberhentian pekerja yang lebih tinggi serta pengurangan gaji dan tawaran cuti tanpa gaji oleh majikan untuk mengurus aliran tunai dan memastikan kelangsungan perniagaan. Cukai pendapatan petroleum (PITA) diunjur berkurang dengan ketara sebanyak 58.9% kepada RM8.5 bilion (2019: RM20.8 bilion) seiring dengan anggaran purata harga minyak mentah yang rendah iaitu USD40 setong dan permintaan yang lebih perlahan. Kutipan cukai langsung lain termasuk duti setem dan CKHT dianggar lebih rendah iaitu RM8.2 bilion berikutan pengumuman pengecualian cukai dalam pakej rangsangan ekonomi.

Cukai tidak langsung yang menyumbang 16.8% daripada jumlah keseluruhan hasil dianggar berkurang sebanyak 19.4% kepada RM38.1 bilion berbanding anggaran asal RM47.3 bilion dengan semua komponen dijangka mencatat kutipan lebih rendah. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang mencatat RM24.5 bilion (2019: RM27.7 bilion) dengan kutipan cukai jualan diunjur berkurang 21.4% kepada RM12.1 bilion (2019: RM15.4 bilion). Ini selaras dengan inisiatif Kerajaan memberikan pengecualian cukai ke atas pembelian kereta penumpang yang dipasang dalam negara dan kereta yang diimport sepenuhnya di bawah pakej PENJANA. Kutipan duti eksais dianggarkan berjumlah RM8.5 bilion (2019: RM10.5 bilion) iaitu pengurangan sebanyak 19.1% disebabkan penangguhan operasi oleh sebahagian besar kilang pemasangan kenderaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac hingga Mei 2020. Purata harga minyak mentah yang dijangka lebih rendah iaitu USD40 setong pada 2020 serta jumlah eksport yang lebih rendah dijangka menyebabkan pengurangan duti eksport sebanyak 28.8%

kepada RM0.8 bilion (2019: RM1.1 bilion). Di samping itu, langkah pengecualian cukai lain yang diumumkan di bawah pakej rangsangan ekonomi termasuk cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan ke atas penginapan hotel dijangka menjejaskan kutipan cukai tidak langsung.

Hasil bukan cukai diunjur mencatat RM74 bilion (2019: RM83.8 bilion) terutamanya disumbangkan oleh dividen PETRONAS yang lebih tinggi iaitu RM34 bilion dengan RM10 bilion merupakan bayaran khas, terutamanya daripada pelupusan pelaburan pada 2019. Kerajaan telah menerima RM3.5 bilion dari Bank Negara Malaysia dan dijangka menerima dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM2 bilion. Di samping itu, bayaran khas sebanyak RM5 bilion telah diterima daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan tahun semasa. Selain itu, terimaan daripada lesen dan permit dijangka berkurang sebanyak 8.7% kepada RM13.2 bilion (2019: RM14.5 bilion) disebabkan oleh terimaan royalti petroleum yang lebih rendah.

Hasil berkaitan petroleum dijangka berkurang sebanyak 40.3% kepada RM50 bilion (2019: RM83.8 bilion) pada 2020 terutamanya disebabkan oleh pengurangan dividen khas bagi tujuan bayaran balik tunggakan cukai dan PITA sebanyak RM8.5 bilion serta royalti RM4.2 bilion berikutan pengurangan harga minyak mentah dunia. Oleh itu, peratusan hasil berkaitan petroleum juga dijangka berkurang daripada 31.7% pada 2019 kepada 22% pada 2020. Dengan mengambil kira impak ketara daripada kelembapan ekonomi, **hasil bukan petroleum** dijangka berkurang sebanyak 1.8% kepada RM177.3 bilion (2019: RM180.6 bilion) yang diimbangi oleh bayaran khas daripada entiti Kerajaan. Hasil bukan petroleum dijangka meningkat 0.3 mata peratusan kepada 12.3% daripada KDNK berbanding 2019 (12%).

JADUAL 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan 2019 - 2021

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2019	2020 ¹	2021 ²	2019	2020 ¹	2021 ²	2019	2020 ¹	2021 ²
Hasil cukai	180,566	153,260	174,370	3.7	-15.1	13.8	68.3	67.4	73.6
Cukai langsung	134,723	115,105	131,870	3.6	-14.6	14.6	51.0	50.6	55.7
antaranya:									
CITA	63,751	59,385	64,596	-4.1	-6.8	8.8	24.1	26.1	27.3
Individu	38,680	35,906	42,439	18.6	-7.2	18.2	14.6	15.8	17.9
PITA	20,783	8,551	13,000	3.5	-58.9	52.0	7.9	3.8	5.5
Cukai tidak langsung	45,843	38,155	42,500	4.1	-16.8	11.4	17.3	16.8	17.9
antaranya:									
SST	27,668	24,533	27,900	7.7	-11.3	13.7	10.5	10.8	11.8
Duti eksais	10,511	8,507	8,768	-2.5	-19.1	3.1	4.0	3.7	3.7
Duti import	2,733	2,035	2,050	-5.7	-25.5	0.7	1.0	0.9	0.9
Duti eksport	1,126	802	922	-31.0	-28.8	15.0	0.4	0.4	0.4
Hasil bukan cukai	83,849	74,010	62,530	42.5	-11.7	-15.5	31.7	32.6	26.4
antaranya:									
Lesen dan permit	14,499	13,237	12,736	3.4	-8.7	-3.8	5.5	5.8	5.4
Pendapatan pelaburan	60,058	48,666	36,775	88.3	-19.0	-24.4	22.7	21.4	15.5
Jumlah hasil	264,415	227,270	236,900	13.5	-14.0	4.2	100.0	100.0	100.0
(%) KDNK	17.5	15.8	15.1						

¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2021

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan signifikan kepada prestasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh penguncupan pendapatan korporat dan individu serta pelaksanaan pengecualian cukai secara sementara untuk meringankan beban aliran tunai dan menyokong perniagaan. Walau bagaimanapun, tahun 2021 dijangka menjadi tempoh peralihan daripada fasa pemulihan kepada fasa pencapaian potensi pertumbuhan dalam kebiasaan baharu. Dalam hal ini, Kerajaan menjangka peningkatan dalam kutipan hasil cukai dan hasil keseluruhan kembali kepada paras sebelum krisis. Ekonomi dijangka pulih sepenuhnya dalam jangka masa sederhana.

Hasil Kerajaan Persekutuan 2021 diunjur melonjak sebanyak 4.2% kepada RM236.9 bilion atau 15.1% daripada KDNK disokong oleh peningkatan pertumbuhan ekonomi dan prospek perniagaan. Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh kutipan **hasil cukai** yang lebih tinggi dengan anggaran peningkatan sebanyak 13.8% kepada RM174.4 bilion. Hasil cukai merangkumi 11.1% daripada KDNK manakala hasil bukan cukai mencatat 4%.

Kutipan **cukai langsung** dijangka meningkat sebanyak 14.6% kepada RM131.9 bilion iaitu 55.7% daripada jumlah hasil. Kutipan hasil yang lebih tinggi dijangka sebahagian besarnya disumbangkan oleh CITA, PITA dan cukai pendapatan individu. Terimaan CITA yang merupakan penyumbang utama

cukai langsung dan jumlah hasil diunjur melonjak sebanyak 8.8% kepada RM64.6 bilion. Peningkatan ini selaras dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik dan jangkaan peningkatan pendapatan disokong oleh usaha berterusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk meningkatkan pengauditan dan pematuhan cukai. Selain itu, PITA dijangka melonjak sebanyak 52% disumbangkan oleh peningkatan permintaan dan anggaran harga minyak mentah yang lebih tinggi iaitu USD42 setong. Kutipan cukai pendapatan individu dianggar lebih tinggi mencatat RM42.4 bilion disumbangkan oleh prospek pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan upah yang mampan. Hasil daripada cukai langsung lain termasuk duti setem, CKHT dan cukai lain dijangka meningkat sebanyak 7% kepada RM8.8 bilion.

Kutipan **cukai tidak langsung** dijangka melonjak 11.4% kepada RM42.5 bilion terutamanya disumbang oleh kutipan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang lebih tinggi. Pada 2021, kutipan SST diunjur mencatat RM27.9 bilion iaitu peningkatan sebanyak 13.7% disumbangkan oleh perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi. Di samping itu, duti eksais dijangka meningkat sebanyak 3.1% kepada RM8.8 bilion selaras dengan peningkatan permintaan kenderaan bermotor. Persatuan Automotif Malaysia (MAA)¹ mengunjurkan pengeluaran keseluruhan industri bagi kenderaan meningkat 17% pada 2021 selaras dengan pengenalan model baharu serta promosi berterusan oleh sektor automotif. Duti eksport diunjur kekal stabil iaitu RM0.9 bilion.

Hasil bukan cukai diunjur berkurang sebanyak 15.5% kepada RM62.5 bilion pada 2021 terutamanya disebabkan oleh hasil pendapatan pelaburan yang lebih rendah. Terimaan dividen daripada PETRONAS dan Khazanah dijangka mencatat RM18 billion dan RM1 billion. Di samping itu, Kerajaan akan terus menerima bayaran khas daripada KWAP berjumlah

RM5 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Lesen dan permit dianggar berkurang 3.8% kepada RM12.7 bilion. Walau bagaimanapun, royalti petroleum dijangka mencatat RM4.3 bilion selaras dengan purata harga minyak mentah yang lebih tinggi. Selain itu, kutipan lesen kenderaan bermotor dijangka merekod RM3.1 bilion selaras dengan jangkaan peningkatan pendaftaran kenderaan.


Selaras dengan usaha berterusan untuk mengurangkan kebergantungan kepada **hasil berkaitan petroleum**, peratusan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah hasil diunjur berkurang sebanyak 16% pada 2021. Hasil berkaitan petroleum dijangka lebih rendah iaitu RM37.8 bilion atau 2.4% daripada KDNK berbanding RM50 bilion atau 3.5% pada 2020. Justeru, **hasil bukan petroleum** dijangka meningkat sebanyak 12.3% kepada RM199.1 bilion.

Kesimpulan


Kerajaan akan terus memperkukuh dan memaksimum kutipan hasil cukai dan meningkatkan keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai. Antara strategi tersebut termasuk usaha memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor informal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan. Di samping itu, pakej insentif cukai akan diselaras dan terus diperkukuh agar lebih bersasar berdasarkan pendekatan faedah-kos dan impak lebih tinggi. Justeru, Kerajaan Persekutuan akan menambah baik strategi kutipan hasil dalam jangka masa sederhana berdasarkan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) demi memastikan kewangan awam yang kukuh.

¹ Persatuan Automotif Malaysia. Kajian pasaran separuh pertama 2020. Dicapai daripada <http://www.maa.org.my/news.html>

RAJAH 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum
(% kepada jumlah hasil)



RAJAH 2.2. Hasil Sebagai Peratusan KDNK



¹Anggaran disemak

²Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 3

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

27 PERSPEKTIF KESELURUHAN

27 PERBELANJAAN 2020

**30 KUMPULAN WANG
COVID-19**

Sisipan - Kumpulan Wang COVID-19

33 TINJAUAN 2021

**36 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PERSEKUTUAN**

37 KESIMPULAN

SEKSYEN 3

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 global telah memaksa kebanyakan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas bagi mengurangkan impak krisis. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tindak balas dasar secara serta-merta melalui penyediaan suntikan fiskal yang signifikan untuk merangsang ekonomi. Langkah dasar fiskal berkembang melalui peruntukan tambahan dan pelonggaran cukai sangat penting untuk melindungi kehidupan rakyat, menyokong perniagaan dan mengurangkan impak kejatuhan aktiviti ekonomi berikutan krisis.

Kerajaan telah bertindak secara proaktif dengan melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dengan pantas bagi menangani krisis yang melibatkan kos terbesar dalam sejarah fiskal Malaysia. Keupayaan untuk melaksanakan langkah ini disokong oleh ketersediaan ruang fiskal berikutan usaha konsolidasi fiskal sejak 2009 dan kecairan dalam pasaran domestik yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan tambahan. Kerajaan akan memberi fokus mengagihkan perbelanjaan bagi tujuan merangsang ekonomi, meningkatkan pembinaan keupayaan negara melalui pembangunan infrastruktur, melindungi kebajikan rakyat dan menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif. Selain itu, Kerajaan akan terus mengkaji semula program bukan keperluan dan menyusun semula keutamaan perbelanjaan berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa negara. Kerajaan juga akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan melalui penilaian teliti ke atas faedah, kos dan risiko program di samping mengurangkan ketirisan perbelanjaan.

Meskipun krisis COVID-19 telah menjejaskan agenda pembaharuan fiskal Kerajaan, namun Kerajaan kekal komited untuk meneruskan

langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana. Semua langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan serta pelan pemulihan ekonomi bersifat jangka pendek dan tidak akan membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Prinsip ketelusan dan tadbir urus baik perlu diamalkan sepanjang pelaksanaan langkah fiskal tersebut memandangkan pakej ini melibatkan dana awam yang besar. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 untuk melaksanakan dan memantau semua langkah secara komprehensif.

Perbelanjaan 2020

Krisis COVID-19 berpanjangan telah mendorong Kerajaan melaksanakan dasar fiskal berkembang yang lebih luas. Tindak balas serta-merta dan proaktif bagi menangani COVID-19 melibatkan beberapa siri pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM295 bilion merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, RM45 bilion merupakan suntikan fiskal langsung. Pakej tersebut termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) yang diumumkan pada Februari diikuti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada Mac, Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) pada April dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Jun. Selain itu, KITA PRIHATIN dengan peruntukan RM10 bilion telah diumumkan pada September untuk terus menambah baik langkah sedia ada iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas PRIHATIN dan Program Subsidi Upah (PSU). Langkah di bawah pakej dan pelan pemulihan ekonomi ini bersifat bersekali sahaja atau *one-off* dan sementara bertujuan melindungi kehidupan rakyat, menyokong perniagaan dan merencanakan ekonomi negara.

Peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi 2020 disemak semula lebih tinggi kepada RM314.7 bilion daripada anggaran awal belanjawan RM297 bilion. Peningkatan bersih RM17.7 bilion diperoleh daripada suntikan rangsangan fiskal dianggarkan pada RM38 bilion dan penjimatan perbelanjaan berjumlah RM20.3 bilion. Penjimatan ini diperoleh daripada semakan semula program dan projek sedia ada serta pengurangan dalam perbelanjaan disebabkan penjimatan dalam perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan projek yang perlahan dalam tempoh kawalan pergerakan. Sekitar 55% atau RM11 bilion daripada keseluruhan penjimatan merupakan kurangan dalam perbelanjaan pembangunan DE manakala bakinya iaitu RM9.3 bilion penjimatan dalam perbelanjaan mengurus (OE) iaitu pengurangan dalam subsidi bahan api; perkhidmatan dan bekalan; dan pemberian kepada badan berkanun.

Peruntukan perbelanjaan 2020 yang disemak semula tanpa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dianggarkan berjumlah RM276.7 bilion. Daripada jumlah ini, OE

merangkumi RM226.7 bilion atau 15.8% daripada KDNK manakala DE RM50 bilion atau 3.5% daripada KDNK. Selepas ditolak perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan yang merangkumi 27.8% daripada jumlah perbelanjaan, sektor sosial terus menerima peruntukan terbesar iaitu 37.9% atau 7.3% daripada KDNK diikuti sektor ekonomi (16.2%; 3.1% daripada KDNK), keselamatan (10.9%; 2.1% daripada KDNK) dan pentadbiran am (7.2%; 1.4% daripada KDNK).

Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan OE pada 2020 disemak semula lebih rendah sebanyak 5.9% atau RM14.3 bilion kepada RM226.7 bilion daripada peruntukan asal RM241 bilion. Semakan lebih rendah ini sebahagiannya berikutan penjimatan terutamanya bagi subsidi bahan api disebabkan oleh penurunan harga minyak mentah dunia dan pengurangan pemberian kepada badan berkanun yang mempunyai rizab tinggi. Selain itu, penjimatan juga diperoleh daripada perbelanjaan perkhidmatan dan

JADUAL 3.1. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Komponen 2019 – 2021

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2019	2020 ²	2021 ³	2019	2020 ²	2021 ³	2019	2020 ²	2021 ³
Emolumen	80,534	82,611	84,532	0.7	2.6	2.3	30.6	36.4	35.7
Bayaran persaraan	25,894	27,055	27,583	2.8	4.5	2.0	9.8	11.9	11.7
Bayaran khidmat hutang	32,933	34,945	39,000	7.8	6.1	11.6	12.5	15.4	16.5
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,574	7,749	7,745	-0.4	2.3	-0.1	2.9	3.4	3.3
Perkhidmatan dan bekalan	31,507	30,101	32,770	-10.7	-4.5	8.9	12.0	13.3	13.9
Subsidi dan bantuan sosial	23,901	20,145	18,853	-13.1	-15.7	-6.4	9.1	8.9	8.0
Pembelian aset	770	650	542	72.1	-15.6	-16.6	0.3	0.3	0.2
Bayaran balik dan hapus kira	893	987	511	1.1	10.5	-48.2	0.3	0.4	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	13,780	14,040	15,430	0.1	1.9	9.9	5.2	6.2	6.5
Lain-lain	45,557 ¹	8,437	9,574	367.3	-81.5	13.5	17.3	3.8	4.0
Jumlah	263,343	226,720	236,540	14.0	-13.9	4.3	100.0	100.0	100.0
Bahagian kepada KDNK (%)	17.4	15.8	15.1						

¹ Termasuk peruntukan bayaran balik cukai secara *one-off*

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

bekalan yang rendah terutamanya pembaikan dan penyelenggaraan serta perkhidmatan profesional dan klasifikasi semula beberapa item berkaitan pembangunan kepada DE.

Peruntukan OE yang telah disemak semula pada 2020 iaitu RM226.7 bilion lebih rendah sebanyak 13.9% (2019: RM263.3 bilion). Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh ketiadaan peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off* sebanyak RM37 bilion. Emolumen dianggarkan meningkat kepada RM82.6 bilion terutamanya disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan. Selain itu, bayaran persaraan juga dijangka meningkat kepada RM27.1 bilion berikutan pemberian bantuan tunai khas kepada pesara dan bagi menampung peningkatan bilangan pesara. Bayaran khidmat hutang dianggarkan meningkat lebih tinggi sebanyak 6.1% kepada RM34.9 bilion pada 2020. Sebaliknya, perkhidmatan dan bekalan diunjurkan lebih rendah iaitu RM30.1 bilion. Perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial dianggarkan berkurang sebanyak 15.7% kepada RM20.1 bilion berbanding RM23.9 bilion pada 2019. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan subsidi bahan api yang lebih rendah akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia. Selain itu, Bantuan Sara Hidup (BSH) dianggarkan berjumlah RM5 bilion (2019: RM4.5 bilion) dan akan memanfaatkan sekitar 5 juta penerima.

Perbelanjaan Pembangunan

Peruntukan DE bagi 2020 disemak semula lebih rendah kepada RM50 bilion berbanding anggaran asal RM56 bilion (2019: RM54.2 bilion). Semakan semula ini disebabkan oleh penanguhan dan kemajuan yang perlahan bagi beberapa projek pembangunan sepanjang tempoh kawalan pergerakan. Walau bagaimanapun, sebahagian DE yang lebih rendah telah diimbangi dengan klasifikasi semula item berkaitan pembangunan daripada OE. Daripada jumlah DE, RM47.5 bilion merupakan peruntukan secara langsung manakala RM2.5 bilion berbentuk pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan. Peruntukan DE dijangka

lebih rendah bagi semua sektor kecuali sektor pentadbiran am berbanding 2019.

Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar DE merangkumi 57.1% diikuti sektor sosial (26.1%), keselamatan (11.1%) dan pentadbiran am (5.7%). Perbelanjaan bagi sektor ekonomi dijangka mencatatkan RM28.5 bilion terutamanya untuk menaik taraf infrastruktur pengangkutan awam dan komunikasi, menambah baik kemudahan awam, mempergiat pertanian dan pembangunan luar bandar serta meningkatkan aktiviti perdagangan dan perindustrian. Subsektor pengangkutan diperuntukkan RM10.2 bilion terutamanya untuk membiayai pembinaan Lebuh raya Pan Borneo, projek landasan berkembar elektrik, Transit Aliran Massa 2 (MRT2) dan penambahbaikan infrastruktur serta sistem Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 1 (KVDT1). Subsektor tenaga dan kemudahan awam diperuntukkan RM3.6 bilion manakala subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar sebanyak RM3 bilion. Antara projek dan program utama di bawah subsektor ini termasuk pembinaan dan menaik taraf loji rawatan kumbahan serta sistem bekalan air di luar bandar, program pembangunan peneroka, mengukuhkan produktiviti tanaman padi serta Bantuan Musim Tengkujuh.

Perbelanjaan keseluruhan untuk sektor sosial pada 2020 dijangka berkurang sebanyak 9.8% kepada RM13.1 bilion. Subsektor pendidikan dan latihan serta kesihatan dan perumahan terus menerima peruntukan tertinggi. Peruntukan sebanyak RM5.9 bilion akan disalurkan kepada subsektor pendidikan dan latihan. Perbelanjaan subsektor ini terutamanya untuk pembinaan, menaik taraf dan membaik pulih sekolah, kuarters guru dan institusi tertiar; peluasan infrastruktur dan fasiliti hospital pengajar; pelaksanaan program latihan dan pendidikan; menambah baik program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET); serta pemberian pinjaman pendidikan.

Namun begitu, perbelanjaan untuk subsektor kesihatan dijangka meningkat 57.8% kepada RM2.9 bilion. Perbelanjaan ini terutamanya

JADUAL 3.2. *Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2019 – 2021*

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2019	2020 ¹	2021 ²	2019	2020 ¹	2021 ²	2019	2020 ¹	2021 ²
Ekonomi	31,300	28,525	38,887	-13.3	-8.9	36.3	57.8	57.1	56.4
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	13,750	10,195	15,036	-19.1	-25.9	47.5	25.4	20.4	21.8
Perdagangan dan perindustrian	3,054	2,438	3,121	21.6	-20.2	28.0	5.6	4.9	4.5
Tenaga dan utiliti awam	2,760	3,586	3,330	22.4	29.9	-7.1	5.1	7.2	4.8
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,314	3,016	2,894	8.5	30.3	-4.0	4.3	6.0	4.2
Alam sekitar	1,723	1,734	1,891	3.5	0.6	9.1	3.2	3.5	2.7
Sosial	14,484	13,058	18,369	12.5	-9.8	40.7	26.7	26.1	26.7
<i>antaranya:</i>									
Pendidikan dan latihan	7,629	5,871	8,873	17.3	-23.1	51.1	14.1	11.7	12.9
Kesihatan	1,827	2,883	4,726	3.0	57.8	63.9	3.4	5.8	6.8
Perumahan	2,126	1,491	1,834	65.4	-29.9	23.0	3.9	3.0	2.7
Keselamatan	5,614	5,557	7,780	13.9	-1.0	40.0	10.4	11.1	11.2
Pentadbiran am	2,775	2,860	3,964	26.7	3.1	38.6	5.1	5.7	5.7
Jumlah	54,173	50,000	69,000	-3.4	-7.7	38.0	100	100	100
Bahagian kepada KDNK (%)	3.6	3.5	4.4						

¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

untuk pembinaan dan menaik taraf hospital serta klinik termasuk Hospital Tanjung Karang, Hospital Kemaman dan Pusat Pakar Pergigian Sabah. Perbelanjaan subsektor perumahan pula dijangka berkurang sebanyak 30% kepada RM1.5 bilion berbanding 2019. Program dan projek di bawah subsektor ini termasuk pembinaan rumah mampu milik untuk penjawat awam dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

Sektor keselamatan diperuntukkan RM5.6 bilion pada 2020. Perbelanjaan sektor ini bertujuan untuk memperkukuh dan memperkasakan pertahanan dan keselamatan dalam negeri terutamanya untuk perolehan dan naik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan; projek pembinaan pejabat, kuarters dan kem yang sedang dilaksanakan; serta penyelenggaraan sistem komunikasi bersepadu. Peruntukan bagi sektor pentadbiran am pula dijangka meningkat sebanyak 3.1% kepada RM2.9 bilion. Sebahagian besar perbelanjaan tertumpu

kepada sistem rangkaian yang komprehensif, pengurusan aset serta menaik taraf pejabat Kerajaan dan peralatan.

Kumpulan Wang COVID-19

Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 bagi memastikan pemantauan lebih teratur dan pelaporan yang telus untuk pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Sebanyak RM45 bilion suntikan fiskal telah diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang ini yang merangkumi RM3.2 bilion untuk PRE, RM21.8 bilion untuk PRIHATIN, RM10 bilion untuk PRIHATIN PKS+ dan RM10 bilion untuk PENJANA. Kerajaan juga telah mengumumkan penambahan RM10 bilion pada September 2020 untuk menambah baik

SISIPAN:**Kumpulan Wang COVID-19****Pengenalan**

Penularan wabak COVID-19 yang semakin serius menyebabkan kebanyakan negara melaksanakan pelbagai langkah dan strategi dalam menangani krisis ini. Seperti kebanyakan negara lain, Kerajaan Malaysia dengan pantas telah melaksanakan dasar pengembangan fiskal melalui pelaksanaan beberapa pakej rangsangan dan rancangan pemulihan ekonomi jangka masa pendek. Keseluruhan pakej berjumlah RM295 bilion atau sekitar 20% kepada KDNK merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal dengan suntikan langsung fiskal sebanyak RM45 bilion. Pada September 2020, Kerajaan telah mengumumkan penambahan RM10 bilion sebagai penambahbaikan ke atas program sedia ada iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas PRIHATIN untuk PKS dan Program Subsidi Upah. Akta baharu iaitu Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 (Akta COVID-19) juga telah diluluskan pada September 2020 oleh Parlimen untuk pembiayaan pakej rangsangan ekonomi dilaksanakan dalam kerangka perundangan.

Akta COVID-19 ini memperuntukkan kenaikan sementara had statutori hutang tertunggak Kerajaan Persekutuan dan penubuhan kumpulan wang amanah khusus iaitu Kumpulan Wang COVID-19. Kumpulan Wang tersebut dimasukkan ke dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Akta ini juga membenarkan jumlah wang yang diterima di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pembiayaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dipindahkan kepada Kumpulan Wang COVID-19. Penubuhan Kumpulan Wang COVID-19 menggalakkan ketelusan selaras dengan amalan tadbir urus baik atas keperluan supaya semua langkah yang dilaksanakan serta transaksi Kumpulan Wang dibentang dan dilaporkan kepada Parlimen.


Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 ditubuhkan dengan tempoh kuatkuasa selama tiga tahun berakhir 31 Disember 2022. Peruntukan bagi program dan projek di bawah Kumpulan Wang ini boleh dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut. Kumpulan Wang COVID-19 boleh menerima terimaan pinjaman seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta COVID-19. Langkah ini membolehkan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman dalam negeri.

Setelah tamat tempoh Akta tersebut, sebarang jumlah yang perlu dibayar daripada Kumpulan Wang hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh luput. Baki peruntukan dalam Kumpulan Wang akan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Kumpulan Wang COVID-19 kemudian akan dibubarkan dan Dewan Rakyat boleh mengeluarkan Kumpulan Wang tersebut daripada Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi. Penyata tahunan bagi penerimaan dan perbelanjaan Kumpulan Wang akan disediakan sebagai sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Langkah ini bagi memastikan transaksi Kumpulan Wang direkod dan dilapor dengan teratur.

Program dan peruntukan di bawah Kumpulan Wang COVID-19

Suntikan fiskal Kerajaan bernilai RM45 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 merangkumi RM3.2 bilion untuk Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), RM21.8 bilion untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), RM10 bilion untuk Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) dan RM10 bilion untuk Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

RAJAH 1. Senarai Program dan Peruntukan di bawah Jadual Akta COVID-19

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Daripada jumlah peruntukan, sebanyak RM16.8 bilion diperuntukkan untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja serta Bantuan Latihan. Program ini bertujuan untuk mempromosikan pengekalan dan mengurangkan pemberhentian pekerja serta menggalakkan pengambilan pekerja. Sejumlah RM11.2 bilion disediakan untuk BPN bagi meringankan beban rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. Sebanyak RM4 bilion telah diperuntukkan kepada projek berskala kecil untuk memacu aktiviti ekonomi manakala RM1.6 bilion disalurkan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pembelian peralatan perubatan serta elaun khas kepada petugas barisan hadapan. Sebanyak RM11.4 bilion di bawah Kumpulan Wang ini telah diperuntukkan bagi inisiatif lain termasuk program jaminan bekalan makanan; bantuan tunai, subsidi dan insentif; serta pinjaman untuk PKS dan perniagaan.

Seperti yang telah diperuntukkan di bawah subseksyen 5(1) Akta COVID-19, peruntukan dalam Kumpulan Wang COVID-19 akan diagihkan dan digunakan hanya bagi tujuan program dan projek yang dinyatakan dalam Jadual. Pindahan peruntukan antara program dan projek dibenarkan dalam had yang diberi iaitu RM45 bilion. Di samping itu, Akta juga membenarkan peruntukan bagi sebarang program dalam Jadual ditangguh atau dihadkan. Sekiranya terdapat keperluan untuk program baru atau peruntukan tambahan, Kerajaan perlu membuat pindaan ke atas Jadual kepada Akta COVID-19 untuk dibenteng dan diluluskan Parlimen.

Kesimpulan

Krisis COVID-19 telah mewujudkan keperluan untuk menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 yang membenarkan terimaan daripada pinjaman dipindahkan kepada Kumpulan Wang untuk digunakan bagi inisiatif di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Justeru, Kumpulan Wang tersebut dirangka untuk pelaksanaan yang cepat, pemantauan yang efektif dan pelaporan pakej yang tepat seterusnya menambah baik kebertanggungjawapan dan ketelusan pengurusan kewangan awam. Kumpulan Wang ini juga jelas membezakan antara peruntukan untuk belanjawan tahunan dengan perbelanjaan krisis.

Rujukan

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Pakej Rangsangan Ekonomi 2020*. Dicapai pada 7 Julai 2020 daripada <https://www.treasury.gov.my>.

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020*. Dicapai pada 7 Julai 2020 daripada <https://www.treasury.gov.my>.

Pejabat Perdana Menteri (2020). *Teks ucapan Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+)*. Dicapai pada 7 Julai 2020 daripada <https://www.pmo.gov.my>.

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Booklet Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)*. Dicapai pada 13 Julai 2020 daripada <https://penjana.treasury.gov.my>.

Malaysia (2020). *Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020*.

program rangsangan ekonomi sedia ada iaitu BPN, Geran Khas PRIHATIN dan PSU. Daripada jumlah keseluruhan suntikan fiskal tersebut, sebanyak RM38 bilion dijangka dibelanjakan pada 2020 dengan sebahagian besar perbelanjaan disalurkan untuk BPN dan PSU. Baki peruntukan sebanyak RM17 bilion dijangka dibelanjakan pada 2021 terutamanya untuk PSU, projek infrastruktur berskala kecil, pinjaman mudah PKS dan jaminan makanan. Kumpulan Wang COVID-19 ini merupakan kumpulan wang amanah sementara dan berkuat kuasa bagi tempoh tiga tahun sehingga akhir 2022. Penyata kewangan tahunan yang mencatatkan perbelanjaan sebenar bagi Kumpulan Wang ini akan dibentangkan di Parlimen.

Tinjauan 2021

Tahun 2021 akan menjadi tahun peralihan bagi fasa pemulihan ekonomi untuk merencanakan semula pertumbuhan dan mengembalikan semula keyakinan pelabur serta pengguna. Sehubungan itu, peruntukan belanjawan akan disalurkan bagi menyokong pemulihan antaranya melalui penjana semula aktiviti perniagaan, pembangunan infrastruktur awam serta mempromosikan program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Agihan peruntukan juga akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan daya tahan negara bagi menghadapi kejutan ekonomi pada masa hadapan termasuk kemungkinan peningkatan

semula kes COVID-19. Selain itu, perbelanjaan juga akan memberi keutamaan kepada sektor ekonomi yang bersasar untuk memastikan kesan pengganda yang tinggi dan pelaburan berkualiti di samping terus melindungi kesejahteraan rakyat dan menyokong perniagaan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan perlu mengimbangi keperluan menyokong fasa pemulihan dengan keperluan untuk memastikan kewangan awam yang kukuh. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk terus menyokong agenda pembaharuan fiskal dan meneruskan semula usaha konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana. Usaha ini akan disokong melalui peningkatan amalan terbaik pengurusan perbelanjaan termasuk meminimumkan ketirisan melalui pemantauan rapi pelaksanaan belanjawan dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan.

Sebanyak RM322.5 bilion (20.6% daripada KDNK) akan diperuntukkan dalam Belanjawan 2021. Daripada jumlah ini, RM236.5 bilion (73.3%) akan disalurkan untuk OE, RM69 bilion atau 21.4% untuk DE sementara baki RM17 bilion (5.3%) untuk Kumpulan Wang COVID-19. Bagi peruntukan mengikut sektor yang tidak mengambil kira peruntukan Kumpulan Wang COVID-19, sebanyak 37.7% diperuntukkan untuk program dan projek di bawah sektor sosial diikuti sektor ekonomi (18.3%), keselamatan (11%) dan pentadbiran am (7.7%). Baki peruntukan berjumlah RM77.4 bilion (25.3%) diperuntukkan untuk perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan. Tiga penerima utama merupakan Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kesihatan (KKM) merangkumi 38.5% daripada jumlah perbelanjaan atau RM117.5 bilion.

Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan OE pada 2021 dianggarkan lebih tinggi iaitu RM236.5 bilion (15.1% daripada KDNK). Jumlah ini meningkat sebanyak 4.3% berbanding anggaran disemak RM226.7 bilion

pada 2020. Sebahagian besar OE disalurkan untuk emolumen yang mencakupi 5.4% daripada KDNK diikuti dengan perkhidmatan dan bekalan (2.1%), bayaran khidmat hutang (2.5%), bayaran persaraan (1.8%) serta subsidi dan bantuan sosial (1.2%).

Emolumen kekal sebagai komponen terbesar merangkumi 35.7% daripada jumlah OE. Komponen tersebut dianggarkan meningkat kepada RM84.5 bilion terutamanya berikutan kenaikan gaji tahunan penjawat awam. Bayaran persaraan dianggarkan meningkat 2% kepada RM27.6 bilion iaitu mewakili 11.7% daripada jumlah OE. Jumlah tersebut termasuk bayaran pencen, bayaran ganjaran dan pemberian wang tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Kira-kira 74% daripada bayaran pencen merupakan pembayaran pencen bulanan untuk pesara dan penerima faedah.

Pada 2021, sebanyak RM39 bilion diperuntukkan untuk bayaran khidmat hutang. Daripada jumlah tersebut, 97.7% diperuntukkan untuk pembayaran kupon atas hutang dalam negeri manakala bakinya untuk pinjaman luar pesisir. Nisbah bayaran khidmat hutang kepada OE dianggarkan 16.5%.

Komponen perkhidmatan dan bekalan yang mewakili 13.9% daripada jumlah OE dijangka meningkat sebanyak 8.9% kepada RM32.8 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh anggaran perbelanjaan lebih tinggi bagi pembaikan dan penyenggaraan serta perkhidmatan profesional. KKM dijangka menerima peruntukan tertinggi iaitu 29.2% terutamanya bagi perolehan bekalan perubatan serta pembaikan dan penyenggaraan fasiliti perubatan diikuti KPM iaitu 16% dengan sebahagian besar peruntukan untuk pembaikan dan penyenggaraan kemudahan sekolah.

Subsidi dan bantuan sosial yang terdiri daripada subsidi barangan dan perkhidmatan, insentif dan bantuan sosial dijangka berkurangan sebanyak 6.4% kepada RM18.9 bilion. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh penyatuan program

bantuan tunai dibawah BSH dan BPN. Badan berkanun diperuntukkan pemberian sebanyak RM15.4 bilion. Sebahagian besar peruntukan terutamanya untuk perbelanjaan operasi seperti emolumen serta bekalan dan perkhidmatan universiti awam dan hospital pengajar. Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dianggarkan berjumlah RM7.7 bilion iaitu RM5.7 bilion merupakan pemberian yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Pembangunan

Tahun 2021 dijangka kekal mencabar bagi Kerajaan memandangkan tahun tersebut merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021–2025 (RMKe-12) dalam persekitaran pandemik COVID-19 yang dijangka berterusan. Seiring dengan pemulihan ekonomi, peruntukan DE akan terus disalurkan untuk program dan projek dengan kesan pengganda tinggi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan memelihara kehidupan rakyat. Sebanyak RM69 bilion diperuntukkan pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak 38% berbanding 2020. Peruntukan lebih besar disediakan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta menyediakan kualiti kehidupan dan persekitaran tempat tinggal yang lebih baik. Usaha ini dapat dicapai melalui pelaksanaan program dan projek baharu dan sedia ada terutamanya dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan yang besar bagi sektor perdagangan dan perindustrian untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti, memudahkan urusan menjalankan perniagaan serta menyokong pertumbuhan dan pemulihan perniagaan terutamanya PKS semasa dan selepas krisis COVID-19. Sebanyak RM67.3 bilion daripada jumlah DE merupakan peruntukan langsung manakala RM1.7 bilion berbentuk pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan. Bagi peruntukan mengikut sektor, sektor ekonomi kekal sebagai penerima

terbesar iaitu sebanyak 56.4% daripada DE diikuti sektor sosial (26.7%), keselamatan (11.2%) dan pentadbiran am (5.7%).

Peruntukan bagi sektor ekonomi berjumlah RM39 bilion (2020: RM28.5 bilion) selari dengan usaha untuk memacu dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Fokus utama sektor ini adalah untuk pengangkutan, perdagangan dan perindustrian, tenaga dan projek berkaitan kemudahan awam. Subsektor pengangkutan menerima peruntukan yang terbesar iaitu 21.8% daripada jumlah DE atau RM15 bilion. Projek di bawah subsektor ini termasuk menambah baik, memperluas dan menyenggara lebuhraya, jalan, landasan kereta api, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang seperti projek pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru, Lebuhraya Pan Borneo, KVDT1, Sistem Transit Rapid serta peluasan Pelabuhan Kuantan dan lapangan terbang di Sandakan.

Subsektor tenaga dan kemudahan awam akan diperuntukkan RM3.3 bilion (4.8% daripada jumlah DE) selari dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan persekitaran tempat tinggal yang lebih berkualiti dan menambah baik akses kepada kemudahan awam bagi kawasan luar bandar. Projek di bawah subsektor ini termasuk menyediakan dan menambah baik bekalan elektrik dan air, akses telekomunikasi dan perkhidmatan pembedaan. Sebanyak RM3.1 bilion (4.5% daripada jumlah DE) diperuntukkan untuk subsektor perdagangan dan perindustrian. Program dan projek di bawah subsektor ini tertumpu kepada memperkasakan kemahiran keusahawanan untuk PKS, mempromosi dan meningkatkan penggunaan teknologi dalam perniagaan, menyokong keperluan industri dan program pembangunan usahawan. Antara projek dan program tersebut termasuk Program Pembiayaan Keusahawanan PUNB, pembangunan koridor dan Skim Pinjaman Mudah untuk Automasi dan Modenisasi. Selain itu, subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar akan diperuntukkan sebanyak RM2.9 bilion terutamanya untuk sistem

pengairan padi dan aktiviti penanaman semula kelapa sawit serta getah. Subsektor alam sekitar pula diperuntukkan RM1.9 bilion terutamanya bagi projek mitigasi banjir dan pemulihan sungai. Di samping itu, peruntukan disediakan bagi pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara di bawah subsektor perhubungan.

Peruntukan bagi sektor sosial berjumlah RM18.4 bilion (26.7% daripada jumlah DE) merupakan komponen kedua terbesar DE. Subsektor pendidikan dan latihan diperuntukkan sekitar RM8.9 bilion bagi menyediakan fasiliti pendidikan yang lebih baik untuk rakyat terutamanya melalui pembangunan dan naik taraf infrastruktur sekolah serta institusi pengajian tinggi dan latihan. Sebanyak RM1.8 bilion (2.7% daripada jumlah DE) diperuntukkan untuk subsektor perumahan bagi membina lebih banyak kuarters penjawat awam serta rumah kos rendah dan mampu milik terutamanya di bawah PPR. Selain itu, bantuan *one-off* untuk bina baru rumah sedia uzur juga disediakan di bawah Program Bantuan Rumah.

Subsektor kesihatan kekal sebagai subsektor utama dengan peruntukan sebanyak RM4.7 bilion (6.8% daripada jumlah DE; 0.3% daripada KDNK). Fokus perbelanjaan di bawah subsektor ini bertujuan menambah baik sektor kesihatan dan menyediakan sistem penjagaan kesihatan negara yang efektif. Lebih banyak hospital dan klinik baharu akan dibina terutamanya di daerah kecil bagi memastikan sistem penjagaan kesihatan mampu milik, saksama dan mudah akses. Di samping itu, peruntukan turut disediakan untuk menaik taraf dan menyenggara hospital dan klinik serta perolehan kenderaan perkhidmatan kesihatan dan peralatan perubatan. Antara projek utama subsektor ini termasuk pembinaan Pusat Kardiologi Hospital Serdang, Kompleks Endokrin Hospital Putrajaya dan Hospital Lawas serta naik taraf Hospital Kajang dan Hospital Tawau. Projek dalam pembinaan

lain termasuk pembangunan Pusat Kebangsaan Keselamatan Makanan bagi meningkatkan kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara.

Pertahanan negara dan keselamatan awam kekal menjadi keutamaan kepada Kerajaan. Sehubungan itu, sektor keselamatan yang terdiri daripada pertahanan dan keselamatan dalam negeri akan diperuntukkan RM7.8 bilion. Daripada jumlah ini, RM4.9 bilion akan disalurkan untuk subsektor pertahanan manakala RM2.9 bilion untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Peruntukan ini akan digunakan untuk menambah baik peralatan ketenteraan dan keselamatan, meningkatkan kemahiran anggota keselamatan dan membangunkan perkhidmatan rangkaian bersepadu. Selain itu, perbelanjaan ini bertujuan untuk membina dan membaik pulih balai polis, kem tentera, penjara dan kuarters untuk anggota keselamatan.

Sektor pertadbiran am akan diperuntukkan RM4 bilion selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti sistem penyampaian sektor awam. Peruntukan ini terutamanya untuk meningkatkan pendigitalan di jabatan Kerajaan serta membaik pulih dan menyenggara bangunan Kerajaan serta kemudahan seperti kuarters, mahkamah dan institusi latihan. Antara projek utama termasuk Komunikasi Bersepadu Kerajaan Malaysia dan Perkhidmatan Government Hybrid Cloud.

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan¹ yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM41.9 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Syarikat mencakupi nilai hutang terbesar iaitu RM23.2 bilion atau 55.5% daripada

¹ Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman yang diberikan kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.

keseluruhan pinjaman yang belum dijelaskan manakala pinjaman kerajaan negeri berjumlah RM13.4 bilion atau 32% kepada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan. Pinjaman tertunggak badan berkanun pula berjumlah RM4.9 bilion (11.7%) manakala kerajaan tempatan RM0.2 bilion (0.4%), organisasi lain RM0.2 bilion (0.4%) dan koperasi RM6.8 juta (0.02%).

Pengeluaran pinjaman melalui DE dianggarkan berjumlah RM2.5 bilion pada 2020. Jumlah ini meningkat lebih tinggi sebanyak 19% berbanding 2019 iaitu RM2.1 bilion. Syarikat kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 76.4% daripada jumlah pengeluaran diikuti kerajaan negeri 20%, badan berkanun (2.7%) dan lain-lain (0.9%). Pinjaman kepada syarikat bertujuan membiayai projek fizikal seperti infrastruktur jalan dan projek bekalan air manakala pinjaman kepada kerajaan negeri untuk projek bekalan air dan pembedungan.

Kerajaan dijangka menerima bayaran balik pinjaman sebanyak RM1 bilion pada 2020. Bayaran balik pinjaman daripada kerajaan negeri dianggarkan berjumlah RM704 juta atau 70.4% daripada jumlah keseluruhan bayaran balik pinjaman dengan Sarawak dan Sabah dijangka sebagai penyumbang tertinggi. Sementara itu, sebanyak RM145.5 juta (14.5% daripada jumlah bayaran balik pinjaman) dijangka diterima daripada syarikat. Syarikat seperti Pengurusan Aset Air Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Yayasan Tekun Nasional dijangka menjadi tiga pembayar utama dengan jumlah pembayaran berjumlah RM115.5 juta. Bayaran balik pinjaman daripada badan berkanun dianggarkan berjumlah RM125.3 juta dan kerajaan tempatan RM7.3 juta. Selain itu, bayaran balik pinjaman daripada organisasi lain seperti kelab dan persatuan dijangka RM17.9 juta.

Pada 2021, Kerajaan Persekutuan terus menyediakan pinjaman kepada kerajaan negeri, badan berkanun, syarikat dan organisasi lain


melalui DE dengan tujuan meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan. Jumlah pengeluaran pinjaman dianggarkan berjumlah RM1.7 bilion dengan kerajaan negeri sebagai penerima utama. Pinjaman yang disediakan kepada kerajaan negeri dianggarkan bernilai RM730.8 juta diikuti syarikat (715.5 juta), badan berkanun (RM108.1 juta) dan organisasi lain (RM145.7 juta). Pinjaman yang diterima oleh syarikat akan digunakan terutamanya untuk membiayai program dan projek berkaitan bekalan air dan elektrik, pemuliharaan tanah, penanaman semula kelapa sawit dan pembinaan jalan. Selain itu, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun akan menggunakan pinjaman tersebut terutamanya untuk meningkatkan infrastruktur bekalan air dan pembedungan serta membiayai projek pertanian.

Bayaran balik pinjaman pada 2021 dianggarkan berjumlah RM800 juta. Daripada jumlah tersebut, bayaran balik sebanyak RM436.4 juta (54.5%) dijangka diterima daripada kerajaan negeri. Bayaran balik pinjaman daripada syarikat dijangka sebanyak RM276.9 juta, badan berkanun (RM74.7 juta), kerajaan tempatan (RM6.4 juta) dan organisasi lain (RM5.6 juta).


Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan ketara kepada dasar fiskal Kerajaan terutamanya hasil dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan komited untuk mengurangkan ketirisan perbelanjaan serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan demi mendepani kebiasaan baharu pasca COVID-19. Justeru, Kerajaan Persekutuan akan terus meneroka dan menerapkan amalan terbaik dalam pengurusan perbelanjaan awam serta menekankan kepentingan pelaporan kewangan yang telus.


RAJAH 3.1. Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor¹




RAJAH 3.2. Jumlah Perbelanjaan Mengikut Kementerian dan Agensi¹




RAJAH 3.3. Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen (% kepada OE)




RAJAH 3.4. Perbelanjaan Mengurus Mengikut Sektor



RAJAH 3.5. Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor



RAJAH 3.6. Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Penghutang, Akhir 2019



¹Tidak termasuk Kumpulan Wang COVID-19

²Anggaran disemak

³Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

41 PEMBIAYAAN

44 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sisipan - Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Rencana - Pengurusan Hutang Semasa Krisis dan Pasca-Pemulihan

58 HUTANG LUAR

59 HUTANG SEKTOR AWAM

59 TINJAUAN 2021

60 KESIMPULAN

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

Perspektif Keseluruhan

Dunia kini menghadapi cabaran amat getir akibat pandemik COVID-19 yang telah mengancam nyawa seterusnya menjejaskan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan sosial. Suntikan fiskal yang signifikan telah dilaksanakan untuk menyokong pendapatan isi rumah dan aliran tunai perniagaan berikutan kejatuhan ekonomi global serentak dengan tindakan kerajaan melaksanakan sekatan pergerakan bagi meratakan keluk jangkitan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)¹ menganggarkan pakej rangsangan fiskal global berjumlah USD11.7 trilion atau hampir 12% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global dengan keperluan tambahan jumlah rangsangan sekiranya terdapat penularan semula jangkitan COVID-19.

Dalam sembilan bulan pertama 2020, AS telah meluluskan pakej fiskal berjumlah USD3 trilion manakala Jepun sebanyak USD1.7 trilion untuk mengekang kemelesetan ekonomi. Sementara itu, UK telah memperuntukkan sejumlah USD678 bilion manakala Korea Selatan USD220 bilion bagi mencegah penyakit, menyokong pendapatan isi rumah, menyediakan pinjaman dan jaminan kepada perniagaan serta merangsang ekonomi domestik. Di samping itu, negara serantau seperti Singapura telah mengumumkan pakej rangsangan berjumlah USD70 bilion, Thailand USD64 bilion dan Indonesia USD42 bilion. Secara keseluruhan, hutang awam global mencatatkan kadar purata 80% daripada KDNK dalam tempoh lima tahun yang lalu dijangka melepasi 100% iaitu paras tertinggi dalam catatan sejarah.

Pada peringkat domestik, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 dan

melonggarkan sekatan pergerakan secara berperingkat untuk meneruskan semula aktiviti ekonomi setelah kadar jangkitan semakin terkawal. Krisis ini mendorong Kerajaan melaksanakan empat pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal iaitu pakej terbesar dalam sejarah untuk memastikan keselamatan rakyat dan ekonomi negara kekal berdaya tahan dalam tempoh krisis COVID-19. Daripada jumlah tersebut, suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion atau 3% daripada KDNK. Sehubungan itu, Kerajaan telah meningkatkan had statutori hutang di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] daripada 55% kepada 60% daripada KDNK secara sementara sehingga akhir 2022 bagi menyediakan ruang fiskal dan memastikan kelancaran pelaksanaan pakej rangsangan. Seterusnya, pada 23 September 2020, Kerajaan telah mengumumkan pakej tambahan sebanyak RM10 bilion untuk menambah baik langkah sedia ada iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas PRIHATIN dan Program Subsidi Upah.

Pembiayaan

Kerajaan telah menetapkan sasaran defisit fiskal pada 3.2% daripada KDNK dalam Belanjawan 2020. Walau bagaimanapun, defisit fiskal dijangka meningkat kepada 6% daripada KDNK berikutan pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi, unjuran KDNK yang lebih rendah serta kejatuhan harga minyak mentah dunia pada 2020. Oleh itu, **jumlah pinjaman kasar** Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 31.5% berbanding anggaran asal iaitu kepada RM181.5 bilion atau 12.6% daripada KDNK.

¹ IMF October 2020 Fiscal Monitor.

Walau bagaimanapun, kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik membolehkan Kerajaan mendapatkan pembiayaan dengan segera dan berupaya mengurus keperluan aliran tunai. Penambahbaikan telah dilaksanakan dalam operasi pembiayaan iaitu mengurangkan jumlah kertas hutang sedia ada dan meningkatkan saiz terbitan melalui pembukaan semula kertas hutang penanda aras. Di samping itu, bilangan lelongan dan saiz bil Perbendaharaan akan ditambah untuk meningkatkan kecairan tunai dan memenuhi permintaan pelabur.

Sebanyak RM94.7 bilion daripada jumlah pinjaman kasar digunakan untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM86.5 bilion untuk membiayai defisit. Pembiayaan

JADUAL 4.1. *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2019 – 2020*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020 ³	2019	2020 ³
Pinjaman kasar	134,782	181,496	100.0	100.0
Dalam negeri	127,478	181,466	94.6	99.98
MGS	57,200	73,000	42.5	40.2
MGII ¹	58,500	76,466	43.4	42.1
Bil Perbendaharaan	11,778	32,000	8.7	17.6
Luar pesisir	7,304	30	5.4	0.02
Pinjaman pasaran	7,170	-	5.3	-
Pinjaman projek	134	30	0.1	0.02
Bayaran balik	83,050	94,748	100.0	100.0
Dalam negeri	82,723	94,415	99.6	99.6
Luar pesisir	327	333	0.4	0.4
Pinjaman bersih	51,732	86,748	-	-
Dalam negeri	44,755	87,051	-	-
Luar pesisir	6,977	-303	-	-
Perubahan aset²	-234	-298	-	-
Jumlah pembiayaan defisit	51,498	86,450	-	-

¹ Termasuk Sukuk Prihatin pada 2020

² (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

³ Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

semula hutang yang matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM30.7 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) berjumlah RM40 bilion, bil Perbendaharaan berjumlah RM21 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) sebanyak RM2.7 bilion dan pinjaman luar pesisir berjumlah RM333 juta.

Pinjaman dalam negeri kekal sebagai sumber utama pembiayaan dan dianggarkan berjumlah RM181.5 bilion atau 99.9% daripada jumlah pinjaman kasar manakala baki sebanyak RM30 juta dari pinjaman projek luar pesisir. Hampir keseluruhan pembiayaan termasuk keperluan pakej rangsangan ekonomi diperoleh melalui sumber dalam negeri bagi mengurangkan pendedahan risiko kadar pertukaran asing. Terbitan MGS dijangka mencatat RM73 bilion atau 40.2% daripada jumlah pinjaman kasar pada 2020 manakala MGII sebanyak RM76.5 bilion atau 42.1%. Selain itu, bil Perbendaharaan yang diperoleh bagi pengurusan tunai dan kecairan dijangka meningkat dua kali ganda kepada RM32 bilion berbanding purata terbitan dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Portfolio instrumen hutang Malaysia merangkumi pelbagai tempoh matang yang memenuhi keperluan pelabur dan menyediakan pilihan pembiayaan yang fleksibel kepada Kerajaan. Terbitan kertas hutang Kerajaan dengan tempoh matang antara 3- hingga 30-tahun secara berkala bertujuan memastikan profil kematangan yang terurus. Di samping itu, kertas hutang baharu bertempoh matang 7-, 10- dan 30-tahun diterbitkan untuk mewujudkan keluk kadar hasil penanda aras manakala kertas hutang lain dibuka semula untuk mempromosi kecairan pasaran. Komposisi profil pembiayaan Kerajaan kekal terurus dengan terbitan berjangka pendek dan sederhana diimbangi dengan terbitan berjangka panjang. Kertas hutang bertempoh matang kurang dari setahun dijangka merangkumi 17.6% daripada jumlah terbitan manakala terbitan bertempoh matang antara 3- hingga 7-tahun mencatatkan 32.6% daripada jumlah pembiayaan dalam negeri. Di samping itu, terbitan kertas hutang bertempoh matang 10-tahun ke atas dijangka merangkumi hampir 50% daripada jumlah terbitan tahun

2020 (2019: 57%). Terbitan kertas hutang berjangka pendek pada 2020 diunjurkan meningkat selaras dengan permintaan pasaran dan keperluan risiko pelabur berikutan ketidaktentuan krisis COVID-19 dalam jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, objektif pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana masih bertujuan untuk meminimumkan kos pembiayaan dengan pendedahan risiko yang munasabah.

Dari aspek operasi pembiayaan, lelongan awam kekal sebagai kaedah terbitan utama Kerajaan iaitu merangkumi 90% daripada jumlah terbitan pada 2020. Ciri utama baharu lelongan Kerajaan untuk meningkatkan kecairan dan terbitan yang seimbang bagi memenuhi permintaan pelabur adalah dengan menambah bilangan pembukaan semula kertas hutang penanda aras iaitu 88% daripada 34 lelongan pada 2020 berbanding 63% daripada 32 lelongan pada 2019. Penambahbaikan ini menyumbang kepada saiz terbitan terkumpul yang lebih besar dan dijangka memberi lonjakan kepada kecairan dagangan, mengurangkan jurang bidaan dan memudahkan aktiviti pengesanan indeks.

Di samping itu, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) secara kumulatif sebanyak 125 mata asas kepada 1.75% dalam sembilan bulan pertama 2020. Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah mengumumkan beberapa inisiatif baharu untuk memastikan kecairan mencukupi dalam pasaran. Langkah yang dilaksanakan termasuk mengurangkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas kepada 2.00% pada Mac dan membenarkan langganan MGS dan MGII oleh Peniaga Utama sebagai memenuhi pematuhan SRR mulai Mei 2020. Langkah ini telah menambah sekitar RM46 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan bagi menyokong aktiviti perantaraan kewangan dan seterusnya mengurangkan kadar hasil.

Kerajaan menerima bidaan berjumlah RM229.1 bilion bagi terbitan pasaran sebanyak RM102.3 bilion sehingga suku ketiga menjadikan nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) pada 2.24 kali. Jumlah bidaan tersebut lebih tinggi walaupun aktiviti ekonomi perlahan semasa

tempoh kawalan pergerakan dari Mac hingga Jun 2020. Nisbah BTC ini menunjukkan keupayaan Kerajaan mengurus peningkatan mendadak pembiayaan untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi melalui terbitan instrumen hutang berjangka pendek dan sederhana. Permintaan untuk kertas hutang berjangka pendek dan sederhana (kurang dari 10-tahun) lebih tinggi dengan nisbah BTC pada 2.39 kali berbanding kertas hutang berjangka panjang (10-tahun dan ke atas) pada 2.13 kali. Peningkatan terbitan berjangka pendek menjadi trend pada peringkat global apabila turut dilaksanakan oleh beberapa negara secara sementara dalam ketidaktentuan ekonomi ini.

Langkah monetari juga menyumbang kepada kadar kupon yang lebih rendah. Sehingga akhir September 2020, kadar kupon indikatif untuk MGS 3-tahun berada sekitar 2% sementara kertas hutang 5-tahun mencatat 2.25% dan 10-tahun 2.68%. Kadar faedah yang lebih rendah juga mendorong Kerajaan mendapatkan kos pembiayaan lebih murah seterusnya menyokong aktiviti pinjaman Kerajaan. Secara keseluruhan, kos pembiayaan Kerajaan telah berkurang dengan ketara daripada 4.066% pada 2016 kepada 3.041% pada akhir September 2020.

Dalam pasaran sekunder, kadar hasil untuk semua tempoh matang meningkat sedikit pada pertengahan Mac berikutan pengumuman dan pelaksanaan PKP. Seterusnya, kadar hasil pasaran mulai merosot sejak April hingga akhir September seiring dengan empat kali penurunan OPR berturut-turut dan penurunan nisbah SRR. Sejak awal tahun hingga akhir September 2020, kadar hasil MGS 3-tahun lebih rendah sebanyak 101 mata asas dan 5-tahun sebanyak 94 mata asas. Kadar hasil MGS 10-tahun juga berkurang sebanyak 64 mata asas kepada 2.68%.

Keluk kadar hasil MGS beralih ke bawah dengan purata pengurangan sebanyak 66 mata asas pada akhir September 2020 berbanding akhir 2019. Spread kadar hasil MGS berjangka pendek berkurang paling banyak antara 87 hingga 99 mata asas manakala kadar hasil berjangka panjang mengecil antara 30 hingga 63 mata asas dalam persekitaran

volatiliti aliran modal dan pengelakkan risiko. Sehubungan itu, spread kadar hasil MGS 10-tahun/3-tahun melebar daripada 32 kepada 68 mata asas dan 10-tahun/20-tahun daripada 45 kepada 71 mata asas yang membentuk keluk kadar hasil yang lebih curam.

Dalam suku pertama 2020, pasaran hutang domestik Kerajaan mencatat aliran keluar dana asing bersih sebanyak RM16.6 bilion disebabkan oleh ketidaktentuan domestik berikutan pertukaran Kerajaan, impak pandemik COVID-19 terhadap ekonomi serta kebimbangan krisis ekonomi global. Walau bagaimanapun, pemegangan asing menunjukkan trend positif mulai suku kedua dengan aliran masuk bersih sebanyak RM11.4 bilion iaitu aliran masuk tertinggi sejak suku terakhir 2019 (RM14.4 bilion). Trend positif ini disumbangkan oleh faktor peningkatan kecairan global, kestabilan harga minyak, keyakinan pelabur terhadap langkah rangsangan ekonomi, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan dasar monetari akomodatif. Jumlah bersih aliran masuk asing dalam sembilan bulan pertama 2020 merekodkan RM6.7 bilion dengan aliran masuk bersih pemegangan asing MGS sebanyak RM5.3 bilion. Di samping itu, Bil Perbendaharaan mencatat aliran masuk bersih berjumlah RM2.3 bilion berbanding aliran keluar bersih sebanyak RM1.1 bilion bagi tempoh yang sama pada 2019 menunjukkan keutamaan pelabur kepada kertas berjangka pendek dalam menguruskan portfolio pelaburan.

Bagi instrumen patuh Syariah, terbitan sukuk Kerajaan dijangka meningkat 49% pada 2020. Terbitan MGII dijangka mencapai 42.1% daripada jumlah pinjaman kasar manakala Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) pada 10.5%. Spread kadar hasil antara terbitan konvensional dengan sukuk Kerajaan semakin mengecil sejak awal 2020 dengan kadar hasil MGII berkurang lebih cepat berbanding kadar hasil MGS. Pada akhir September 2020, kadar hasil MGII 5-tahun lebih rendah dalam lingkungan 3 mata asas manakala 10-tahun sebanyak 4 mata asas berbanding dengan kadar hasil MGS bagi tempoh matang yang sama. Di samping itu, bidaan kertas hutang MGII mencatat nisbah BTC lebih tinggi

sebanyak 2.37 kali berbanding MGS 2.13 kali. Permintaan kukuh kertas hutang patuh Syariah Kerajaan disebabkan oleh terbitan sukuk sektor swasta yang berkurang dalam pasaran domestik. Keadaan pasaran semasa menyokong strategi Kerajaan untuk mengimbangi antara terbitan konvensional dengan Islamik di samping memberi keutamaan terhadap kos yang efektif dan memenuhi permintaan pelabur.

Pada 22 September 2020, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan Sukuk Prihatin bertempoh matang 2-tahun dengan kadar kupon tahunan sebanyak 2%. Penerbitan ini menyediakan platform kepada pelabur runcit dan korporat untuk turut menyumbang dalam membiayai inisiatif mitigasi krisis COVID-19. Sukuk ini telah mencatat lebihan langganan sebanyak 1.3 kali iaitu RM666.4 juta berbanding tawaran asal sebanyak RM500 juta. Terimaan terbitan akan disalurkan kepada Kumpulan Wang COVID-19 yang ditubuhkan bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi.

Pinjaman luar pesisir kasar pada 2020 diunjur rendah berikutan ketiadaan terbitan pasaran baharu. Sebanyak RM30 juta dijangka diperoleh daripada pinjaman projek bilateral sedia ada oleh Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun bagi membiayai program kerjasama teknikal dengan universiti awam.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Tadbir urus hutang Kerajaan Persekutuan berasaskan perundangan utama iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Akta khusus yang mengawal selia pembiayaan dan hutang. Dari segi instrumen domestik, kertas hutang konvensional merangkumi MGS yang ditadbir di bawah Akta 637 dan Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Sementara itu, instrumen pembiayaan Islamik iaitu MGII dan MITB ditadbir di bawah Akta 275. Pinjaman luar pesisir Kerajaan Persekutuan pula dikawal selia di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

JADUAL 4.2. *Garis Panduan Perundangan dan Pentadbiran Hutang*

PERATURAN	AKTA
Pinjaman adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19 Baki Akaun Semasa perlu sentiasa dalam lebihan bagi memastikan perbelanjaan mengurus dibiayai melalui hasil	Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 Akta Pendanaan Kerajaan 1983 Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020
Siling hutang dalam negeri (MGS, MGII, MITB) tidak melebihi 60% daripada KDNK [Akhir September 2020: 56.6% daripada KDNK]	Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020
Siling MTB tidak melebihi RM10 bilion [Akhir September 2020: RM6.5 bilion]	Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946
Siling pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion [Akhir September 2020: RM29.3 bilion]	Akta Pinjaman Luar Negeri 1963
Had bayaran khidmat hutang (DSC) \leq 15% daripada hasil [2020: RM34.9 bilion (15.4% daripada hasil)]	Garis Panduan Pentadbiran Perlembagaan Persekutuan Perkara 98 (1)(b) - Peruntukan bayaran khidmat hutang adalah item tanggungan

Kesemua Akta ini menyediakan garis panduan berkenaan terbitan, penggunaan terimaan dan had statutori ke atas hutang terkumpul Kerajaan serta berperanan sebagai peraturan dan disiplin fiskal bagi memastikan pengurusan hutang yang berhemat dan mampan.

Semasa Krisis Kewangan Global, Kerajaan telah meminda had statutori hutang daripada 45% pada 2008 kepada 55% daripada KDNK pada 2009 bagi memenuhi keperluan pelaksanaan langkah rangsangan fiskal. Nisbah hutang kepada KDNK ini kekal terurus di bawah had statutori menerusi langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat dalam tempoh sedekad yang lalu. Semasa pembentangan Belanjawan 2020, anggaran asal hutang Kerajaan Persekutuan ialah sekitar 53% daripada KDNK dengan sasaran defisit 3.2% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah menyebabkan Kerajaan melaksanakan pakej rangsangan fiskal sebagai langkah kitaran balas bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berdaya tahan. Oleh itu, Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus

2019 (COVID-19)) 2020 telah diluluskan Parlimen untuk membolehkan Kerajaan meningkatkan had statutori hutang daripada 55% kepada 60% daripada KDNK. Had statutori baharu ini menyediakan ruang fiskal yang diperlukan bagi pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi.

Pada akhir September 2020, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM874.3 bilion atau 60.7% daripada KDNK. Hutang ini merangkumi 96.7% sekuriti berdenominasi ringgit manakala baki berdenominasi mata wang asing, menunjukkan tahap kecairan domestik yang mencukupi disokong oleh kemajuan pasaran hutang tempatan dan kekukuhan pelabur institusi. Situasi ini membolehkan Kerajaan Persekutuan mendapatkan keperluan pembiayaan dalam negara seterusnya mengurangkan pendedahan ke atas risiko tukaran asing. Berdasarkan had statutori hutang yang merangkumi instrumen MGS, MGII dan MITB, nisbah hutang kepada KDNK mencatat 56.6% berikutan unjuran KDNK yang lebih rendah berbanding unjuran asal semasa Belanjawan 2020.

SISIPAN

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Pengenalan

Malaysia mempunyai peraturan dan disiplin fiskal komprehensif berlandaskan kepada kerangka undang-undang sedia ada iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Akta berkaitan pinjaman. Selain daripada peraturan yang digariskan dalam undang-undang, Malaysia juga menetapkan peraturan secara pentadbiran sebagai sebahagian daripada kerangka fiskal negara. Dalam situasi normal, peraturan dan disiplin fiskal menjadi panduan kepada Kerajaan dalam menguruskan kewangan awam secara berhemat sejajar dengan amalan terbaik dan standard antarabangsa. Namun begitu, dalam menangani krisis, terdapat keperluan untuk membuat pengecualian kepada peraturan dan disiplin tertentu atau klausa pengecualian khusus bagi melaksanakan langkah kitaran balas untuk merangsang kembali ekonomi.

Amalan Terbaik Antarabangsa

Kerangka dasar fiskal yang baik membenarkan fleksibiliti ke atas peraturan fiskal terutamanya semasa krisis ekonomi. Kaedah ini boleh dilaksanakan dalam bentuk klausa pengecualian apabila tindak balas responsif dan berkesan diperlukan ketika situasi kecemasan. Fleksibiliti tersebut membenarkan Kerajaan mengecualikan peraturan fiskal secara sementara seperti meningkatkan paras hutang dan perbelanjaan melebihi nilai ambang atau sasaran yang ditetapkan untuk melaksanakan pakej rangsangan. Namun, berdasarkan amalan terbaik antarabangsa, klausa pengecualian perlu wujud berdasarkan kriteria berikut:

- i. Definisi situasi krisis yang jelas bagi membenarkan pengecualian peraturan fiskal;
- ii. Punca kuasa khusus bagi mengaktifkan klausa pengecualian seperti perintah Yang di-Pertuan Agong, parlimen, kabinet atau menteri;
- iii. Garis masa yang jelas untuk kembali mematuhi peraturan fiskal;
- iv. Sistem kawalan dan tadbir urus yang baik dalam tempoh pengecualian; dan
- v. Strategi komunikasi berkesan dalam melaksanakan langkah berkaitan.

Kerajaan telah menggubal suatu akta baharu iaitu Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 berdasarkan amalan terbaik antarabangsa serta sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan. Akta COVID-19 ini memberikan fleksibiliti fiskal kepada Kerajaan untuk melaksanakan langkah rangsangan dalam menangani impak negatif sosioekonomi akibat pandemik COVID-19 dengan pantas dan berkesan. Akta COVID-19 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24 Ogos 2020 dan Dewan Negara pada 21 September 2020.

Inti Pati Akta COVID-19

Akta ini digubal bagi memberi ruang kepada Kerajaan untuk melaksanakan langkah sementara bagi mengurangkan impak pandemik COVID-19 seperti berikut:

- i. meningkatkan had siling jumlah hutang di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] daripada 55% sehingga 60% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);
- ii. menubuhkan kumpulan wang amanah khusus iaitu Kumpulan Wang COVID-19 dengan suntikan fiskal sebanyak RM45 bilion;

RAJAH 1. Ringkasan Akta



- iii. membenarkan terimaan daripada pinjaman di bawah Akta 637 dan Akta 275 untuk membiayai Kumpulan Wang COVID-19; dan
- iv. membenarkan wang yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang COVID-19 diguna dan diagihkan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi.

Secara umumnya, Akta ini digubal berdasarkan lima prinsip utama seperti berikut:

i. Kerangka Perundangan

Kerangka perundangan Malaysia sentiasa dirujuk dan dipatuhi supaya sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta 61, Akta 637 dan Akta 275.

ii. Outcome

Program dan projek yang disenaraikan dalam Jadual Akta merupakan langkah fiskal di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA serta dijangka memberi kesan penganda yang besar ke atas ekonomi dalam jangka masa pendek dan sederhana. Hampir 90% daripada langkah dalam Jadual merupakan bantuan dan sokongan langsung kepada rakyat dan perniagaan serta perbelanjaan berkaitan kesihatan dan perubatan bagi menangani pandemik COVID-19.

iii. Kemampuan

Saiz pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi ditetapkan berdasarkan kepada kemampuan Kerajaan untuk menanggung obligasi kewangan tambahan bagi membiayai suntikan fiskal. Tambahan pula, peningkatan paras hutang hanya bersifat sementara bagi tempoh tiga tahun sehingga 31 Disember 2022. Tempoh ini menyediakan masa yang mencukupi untuk Kerajaan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan mematuhi had siling hutang asal.

iv. Ketelusan

Jadual Akta secara khusus menyenaraikan program dan projek berserta amaun yang diperuntukkan. Akta ini juga memerlukan Kerajaan menyediakan penyata terimaan dan perbelanjaan tahunan yang akan dibentangkan kepada Parlimen. Oleh itu, perbelanjaan yang dibuat di bawah Akta ini akan dimasukkan dalam pengiraan kedudukan fiskal Kerajaan sebagai sebahagian daripada belanjawan dan bukan perbelanjaan di luar belanjawan (*off-budget*).

v. Tadbir Urus Baik

Perbelanjaan yang dibuat di bawah Akta ini hanya boleh digunakan bagi membiayai program dan projek yang disenaraikan dalam Jadual. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan dibenar mengagihkan semula peruntukan bagi program sedia ada dalam Jadual mengikut keperluan selagi tidak melebihi jumlah RM45 bilion. Sebarang penambahan program baharu atau jumlah keseluruhan peruntukan memerlukan pindaan Akta dan kelulusan Parlimen.

Kesimpulan

Kerajaan yang bertanggungjawab perlu sentiasa proaktif dan pantas dalam menyediakan ruang fiskal untuk melaksanakan langkah bagi melindungi keselamatan dan memastikan kesejahteraan rakyat dalam tempoh krisis. Penggubalan Akta COVID-19 ini merupakan inisiatif Kerajaan menangani impak negatif sosioekonomi akibat pandemik COVID-19 dalam kerangka perundangan dengan tambahan fleksibiliti dan tadbir urus baik. Memandangkan Akta ini bersifat sementara, Kerajaan perlu meneruskan semula langkah konsolidasi fiskal setelah krisis ini berakhir bagi memastikan kemampuan kewangan awam dalam jangka masa panjang.

Rujukan

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2020). *Special Series on Fiscal Policies to Respond to COVID-19*. International Monetary Fund, Publication Services.

Parlimen Malaysia. *Laporan Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua.*

Parlimen Malaysia. *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua.*

Hutang dalam negeri meningkat kepada RM845 bilion pada akhir September 2020 (akhir 2019: RM764.2 bilion) yang meliputi MGS sebanyak RM436.6 bilion dan MGII RM360.3 bilion. Kertas MGS kekal sebagai instrumen utama pinjaman merangkumi 49.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan manakala MGII juga merekodkan bahagian yang signifikan sebanyak 41.2%. Kerajaan komited untuk menggalakkan pembiayaan patuh

Syariah dalam usaha merancakkan pasaran kewangan Islam seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju hab kewangan Islam global.

Bil Perbendaharaan yang merangkumi MTB dan MITB merupakan sekuriti jangka masa pendek bertempoh matang antara 90 hingga 365 hari. Instrumen ini diterbitkan secara berkala pada harga diskaun melalui lelongan kompetitif

JADUAL 4.3. *Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen 2019 – 2020*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2019	2020 ²	2019	2020 ²	2019	2020 ²
Hutang dalam negeri	764,233	845,026	96.4	96.7	50.6	58.7
Bil Perbendaharaan	4,500	24,000	0.6	2.8	0.3	1.7
MGS	394,133	436,660	49.7	49.9	26.1	30.3
MGII ¹	338,800	360,266	42.7	41.2	22.4	25.0
SPK	26,800	24,100	3.4	2.8	1.8	1.7
Pinjaman luar pesisir	28,765	29,250	3.6	3.3	1.9	2.0
Pinjaman pasaran	23,347	23,895	2.9	2.7	1.5	1.6
Pinjaman projek	5,418	5,355	0.7	0.6	0.4	0.4
Jumlah	792,998	874,276	100.0	100.0	52.5	60.7
<i>Item memorandum:</i> Pemegang hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	186,493	193,212	24.4	22.9	12.3	13.4

¹ Termasuk Sukuk Prihatin pada 2020

² Akhir September 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

bagi membiayai keperluan aliran tunai. Pada akhir September 2020, bil Perbendaharaan terkumpul mencatat RM24 bilion iaitu 2.8% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dengan MTB sebanyak RM6.5 bilion manakala MITB RM17.5 bilion. Selain itu, SPK diterbitkan oleh Kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan penjawat awam. Instrumen ini diterbitkan sebelum penubuhan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) iaitu entiti yang diasingkan saraan. Sehingga akhir September 2020, baki SPK mencatat RM24.1 bilion atau 2.8% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

Pinjaman luar pesisir yang terdiri daripada pinjaman pasaran dan projek mencatat RM29.3 bilion, masih di bawah had statutori RM35 bilion. Pinjaman berdenominasi mata wang asing ini meliputi dolar AS (54.6%) dan yen (44.8%). Instrumen pinjaman pasaran yang merangkumi sukuk global dan bon Samurai ialah sebanyak RM23.9 bilion. Selain itu, pinjaman projek terkumpul melalui perjanjian bilateral dan multilateral sedia ada mencatat RM5.4 bilion bagi membiayai program dan projek universiti, pementangan dan infrastruktur penyaluran air.

Dari aspek profil kematangan hutang Kerajaan Persekutuan, bahagian kertas hutang berjangka panjang meningkat dengan perlahan berbanding kertas hutang berjangka pendek memanfaatkan kadar faedah yang kompetitif dan keutamaan pelabur. Ketidaktentuan akibat pandemik COVID-19 telah mengubah keutamaan pelabur kepada instrumen berjangka pendek. Sehubungan itu, jumlah terkumpul bagi kertas hutang dengan baki tempoh matang lima tahun dan ke bawah meningkat kepada 39% pada akhir September 2020 (akhir 2019: 37.5%). Walau bagaimanapun, kertas hutang dengan baki tempoh matang melebihi 15 tahun meningkat kepada 17.1% (akhir 2019: 15.9%) seterusnya memanjangkan purata tempoh matang kepada 8.6 tahun pada 2020 (2019: 8.1 tahun).

Bayaran khidmat hutang kekal terurus pada RM34.9 bilion atau 15.4% daripada jumlah hasil pada 2020 meskipun lebih tinggi berbanding unjuran asal 14.3% semasa Belanjawan 2020. Peningkatan nisbah ini disebabkan oleh jangkaan penurunan kutipan hasil berikutan pandemik COVID-19 dan harga minyak mentah yang rendah. Kos pembiayaan bagi pinjaman domestik mewakili jumlah terbesar iaitu 97.7%

JADUAL 4.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang 2019 – 2020*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2019	2020 ³	2019	2020 ³	2019	2020 ³
Pemastautin	582,483	647,793	73.5	75.8	38.6	45.0
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	233,223	230,159	29.4	26.9	15.4	16.0
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	24,894	24,259	3.1	2.8	1.6	1.7
Syarikat insurans	35,494	36,418	4.5	4.3	2.4	2.5
Institusi perbankan	229,465	295,494	28.9	34.6	15.2	20.5
Institusi kewangan pembangunan	18,852	12,690	2.4	1.5	1.3	0.9
Lain-lain ¹	40,555	48,773	5.2	5.7	2.7	3.4
Bukan pemastautin	210,515	206,275	26.5	24.2	13.9	14.3
Pengurus dana	81,407	72,192	10.2	8.5	5.4	5.0
Bank pusat, supranasional dan kerajaan	55,396	63,693	7.0	7.5	3.7	4.4
Institusi perbankan	26,029	25,920	3.3	3.0	1.7	1.8
Dana persaraan	33,820	30,732	4.2	3.6	2.2	2.1
Syarikat insurans	6,207	6,359	0.8	0.7	0.4	0.5
Lain-lain ²	7,656	7,379	1.0	0.9	0.5	0.5
Jumlah	792,998	854,068	100.0	100.0	52.5	59.3

¹ Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

² Termasuk syarikat penamaan/pemegang amanah, individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

³ Akhir Jun 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

manakala baki kos untuk pembiayaan luar pesisir. Kadar faedah purata berwajaran² ke atas instrumen pasaran hutang domestik lebih rendah pada 4.030% berbanding 4.097% pada 2019 berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah dan kecairan mencukupi dalam pasaran.

Sehingga akhir Jun 2020, pemegang sekuriti hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pegangan pemastautin sebanyak RM647.8 bilion atau 75.8% daripada jumlah hutang dan bukan pemastautin RM206.3 bilion atau 24.2%. Institusi kukuh dan berjangka panjang kekal sebagai pelabur utama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai pemegang domestik terbesar iaitu 26.9% diikuti syarikat insuran (4.3%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2.8%). Di samping itu, bahagian pemegang sektor kewangan yang

merangkumi institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan meningkat daripada 31.3% pada 2019 kepada 36.1% manakala baki 5.7% terdiri daripada institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan, syarikat amanah, syarikat kerjasama dan sekuriti.

Pemegang bukan pemastautin kekal teguh pada RM206.3 bilion atau 24.2% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan walaupun dunia mengalami krisis ekonomi yang getir. Pelabur institusi dan berjangka panjang terus menjadi pemegang utama pada 12.7% (RM108.2 bilion) manakala baki 11.5% (RM98.1 bilion) terdiri daripada pengurus dana dan institusi perbankan. Di samping itu, sokongan bukan pemastautin dalam pemegang MGS kekal stabil pada 37.3% daripada jumlah MGS yang diterbitkan (akhir 2019: 41.6%).

² Pengiraan kadar faedah purata berwajaran hanya merangkumi MGS, MGII dan bil Perbendaharaan.

RENCANA

Pengurusan Hutang Semasa Krisis dan Pasca-Pemulihan

Pengenalan


Dalam tempoh empat dekad yang lalu, ekonomi global telah berkembang pesat didorong oleh peningkatan arus globalisasi, kemajuan teknologi, liberalisasi perdagangan serta integrasi pasaran kewangan. Selaras dengan keterbukaan ekonomi, Malaysia turut menerima manfaat perkembangan global ini lantas menjadi pemangkin utama pembangunan negara seterusnya mengubah landskap ekonomi Malaysia daripada negara berasaskan pertanian kepada negara berorientasikan perindustrian dan perkhidmatan. Negara berupaya mencapai kemakmuran dipacu usaha pembaharuan struktur melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik dalam pelan ekonomi jangka masa sederhana dan panjang.

Dasar fiskal dan pengurusan hutang sentiasa menyokong perkembangan pesat Malaysia untuk terus maju dalam persekitaran yang dinamik dengan berpandukan disiplin fiskal yang diuruskan secara fleksibel dan pragmatik. Di samping itu, dasar monetari yang responsif dan akomodatif menyediakan asas ekonomi yang kukuh. Kombinasi dasar ini menyumbang kepada kestabilan makroekonomi negara.


Episod Krisis dan Tindak Balas Dasar

Dalam setiap dekad terdapat sekurang-kurangnya satu episod krisis yang membawa kepada suasana tidak menentu mengakibatkan kemelesetan ekonomi dan gangguan pasaran kewangan global. Magnitud kemelesetan ekonomi berbeza di setiap negara dan rantau seterusnya memaksa negara tersebut melaksanakan langkah agresif bagi menangani impak akibat krisis. Langkah kitaran balas dasar utama meliputi pelaksanaan pakej rangsangan fiskal, pelonggaran dasar monetari, menyelamatkan sektor perbankan dan perniagaan serta pembaharuan sistem kawal selia kewangan. Pakej rangsangan fiskal yang besar telah dilaksanakan semasa tempoh pemulihan bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan. Kesan tindak balas dasar yang diambil telah meningkatkan hutang awam global kepada sekitar 80% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2019 terutamanya oleh negara maju berbanding purata 50% pada 1980an.

RAJAH 1. Pertumbuhan KDNK dan Hutang Global 1980 – 2019



Sumber: Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

RAJAH 2. Pertumbuhan KDNK Malaysia dan Hutang Kerajaan Persekutuan 1980 – 2019

Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia mudah terjejas kepada kitaran ekonomi dunia. Seperti negara lain, Malaysia juga terdedah kepada setiap episod krisis yang unik serta memberi kesan berlainan kepada setiap sektor ekonomi. Krisis ekonomi juga memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan fiskal dan paras hutang menyebabkan Kerajaan memberi keutamaan dalam mendepani cabaran ini.

a. Krisis Komoditi – 1985/86

Dalam tempoh separuh pertama dekad 80-an, kebergantungan tinggi Malaysia kepada perlombongan dan pertanian komoditi menyebabkan ekonomi terdedah kepada ketidakpastian permintaan komoditi global. Pada 1985, negara telah mengalami kemelesetan dengan KDNK benar menguncup 1% berikutan kemerosotan perdagangan komoditi dunia. Indeks harga eksport menjunam sebanyak 30% antara 1984 dengan 1986 didorong kejatuhan mendadak harga timah dan minyak sawit. Kadar pengangguran juga kekal tinggi pada 5.6% dalam 1985 dan terus meningkat kepada 7.4% pada 1986. Akibatnya, paras defisit Kerajaan Persekutuan meningkat kepada 10.3% daripada KDNK.

b. Krisis Kewangan Asia – 1997/98

Krisis Kewangan Asia 1997/98 memberi kesan buruk kepada ekonomi Malaysia dengan KDNK benar meleset 7.4% pada 1998 berbanding pertumbuhan 7.3% pada 1997. Agregat permintaan domestik juga menguncup pada 1998 buat kali pertama sejak 1986 disebabkan oleh kemerosotan ketara pelaburan swasta. Pelaburan modal asing juga jatuh pada kadar membimbangkan berikutan pengaliran keluar dana pelaburan daripada negara. Malah, transaksi jualan singkat secara spekulatif menyebabkan nilai ringgit jatuh ke paras terendah RM4.90 berbanding dolar AS pada Januari 1998. Pasaran saham pula mengalami kemerosotan terburuk sebanyak 80% dalam tempoh 18 bulan dengan indeks jatuh kepada hanya 263 mata pada September 1998 berbanding sekitar 1,272 mata pada Februari 1997.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah ditubuhkan untuk segera menyediakan pelan pemulihan ekonomi negara. Seterusnya, langkah monetari telah diambil dalam bentuk kawalan modal dan tambatan ringgit pada RM3.80 kepada dolar AS. Kadar dasar juga diturunkan sebanyak sembilan kali daripada 11% pada 1998 kepada 5.5% pada 1999. Bagi memulihkan ekonomi, Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal berkembang melalui pakej rangsangan bernilai RM2 bilion pada Julai 1998. Antara strategi yang dilaksanakan untuk terus menyokong ekonomi termasuk penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad bagi membeli pinjaman tidak berbayar daripada institusi kewangan serta memaksimumkan pemulihan nilai aset. Selain itu,

pelaksanaan projek strategik melibatkan pembangunan Putrajaya dan Koridor Raya Multimedia (MSC) disegerakan bagi merencanakan semula pelaburan. Berikutan itu, langkah kitaran balas fiskal telah mengubah kedudukan lebih belanjawan dalam tempoh 5 tahun berturut-turut kepada defisit fiskal 1.8% pada 1998 dan 3.2% pada 1999.

c. Krisis Kewangan Global – 2008/09

Krisis Kewangan Global 2008/09 berpunca daripada hutang subprima pasaran perumahan AS yang hampir melumpuhkan sistem kewangan global. KDNK Malaysia menguncup 1.5% pada 2009 manakala jumlah rizab antarabangsa yang mencapai paras tertinggi pada Jun 2008 berjumlah RM410 bilion telah jatuh ke paras RM320 bilion pada penghujung 2008. Kedudukan ini semakin teruk dengan kejatuhan harga saham sekitar 45% dalam tempoh 10 bulan pertama 2008 yang menyaksikan aliran keluar modal jangka pendek secara besar-besaran serta kejatuhan eksport sebanyak 45% antara Julai 2008 dengan Januari 2009.

Namun begitu, Kerajaan lebih bersedia berhadapan dengan krisis ini berbanding semasa krisis kewangan Asia. Situasi ini membolehkan Kerajaan memperkenalkan dua pakej rangsangan fiskal komprehensif bernilai RM67 bilion atau sekitar 10% daripada KDNK. Dana yang disediakan bagi pakej rangsangan ini telah diperuntukkan kepada projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan tindak balas segera kepada ekonomi. Oleh yang demikian, pelaksanaan dasar ini menyebabkan defisit fiskal melonjak ke paras 6.7% daripada KDNK pada 2009. Pada masa yang sama, antara November 2008 dengan Februari 2009, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak tiga kali berturut-turut berjumlah 150 mata asas kepada serendah 2.00% manakala Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikurangkan sebanyak 200 mata asas kepada 1.00%. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Danajamin Nasional Berhad bagi menggalakkan sektor swasta mendapatkan dana daripada pasaran bon dan sukuk.

Perubahan Dasar Hutang


Langkah Kerajaan melaksanakan pakej rangsangan dengan suntikan fiskal yang besar dalam tempoh krisis bagi membantu memulihkan ekonomi telah menyebabkan pertambahan pinjaman dan bayaran faedah dengan ketara seterusnya meningkatkan paras hutang. Hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada RM23.4 bilion atau 44% daripada KDNK pada 1980 kepada RM74 bilion atau 103.4% pada 1986 disebabkan oleh defisit fiskal yang tinggi pada kadar 10.3% daripada KDNK dalam tempoh krisis. Seterusnya, peningkatan komposisi hutang luar pesisir yang signifikan sebanyak RM28.3 bilion atau 38.3% daripada jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan pada 1986 dengan sebahagian besarnya berdenominasi dolar AS dan yen merangkumi 80.5% daripada jumlah hutang luar pesisir. Oleh yang demikian, pendedahan risiko yang tinggi terhadap mata wang asing telah meningkatkan lagi paras hutang negara berikutan pengukuhan dolar AS dan yen berbanding ringgit setelah pemeteraian Plaza Accord pada 1985.

Hutang Kerajaan Persekutuan telah berkurang daripada paras tertinggi 103.4% daripada KDNK pada 1986 kepada 31.9% pada 1997 disokong pertumbuhan pesat dan pembaharuan ekonomi yang kukuh termasuk langkah penswastan serta inisiatif mesra pasaran. Peralihan dasar yang mengutamakan pertumbuhan dipacu sektor swasta menyumbang kepada persekitaran perniagaan kondusif seterusnya membolehkan Kerajaan mencatat lebihan fiskal selama lima tahun berturut-turut. Namun begitu, paras hutang kembali meningkat selepas Krisis Kewangan Asia bagi membolehkan langkah pemulihan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, usaha konsolidasi pasca-Krisis Kewangan Asia terjejas apabila Kerajaan melaksanakan langkah rangsangan fiskal semasa Krisis Kewangan Global 2008/09. Tambahan pinjaman bagi pakej rangsangan fiskal dibiayai melalui pinjaman domestik mengambil kira kecairan pasaran hutang dan modal Malaysia yang tinggi. Secara keseluruhan, keupayaan Kerajaan kembali mematuhi disiplin fiskal pasca-krisis jelas ketara dengan konsolidasi hutang secara beransur-ansur dalam jangka sederhana setelah ekonomi pulih ke landasan pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu menyemak semula peraturan hutang bagi menyediakan ruang fiskal yang mencukupi memandangkan terdapat keperluan mendesak untuk melaksanakan langkah rangsangan dalam menyokong ekonomi. Dalam hal ini, pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan berpandukan kepada beberapa peruntukan perundangan. Peruntukan dalam akta tersebut yang menetapkan had pinjaman Kerajaan Persekutuan telah disemak beberapa kali melalui pindaan akta dan perintah had statutori pinjaman.

Peraturan had hutang domestik dan luar pesisir ditetapkan secara berasingan. Terbitan hutang melalui instrumen pasaran konvensional merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) bagi sekuriti berjangka panjang dan Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) bagi sekuriti berjangka pendek.

RAJAH 3. Had Statutori Hutang Kerajaan Persekutuan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara


Terbitan patuh Syariah yang setara merupakan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB). Instrumen MGS dan MTB diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] manakala MGII dan MITB diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Sejak awal 1980an, had MGS ditetapkan pada RM15 bilion manakala MGII pada RM1 bilion. Walau bagaimanapun, had MGII telah dinaikkan kepada RM15 bilion pada pertengahan 1990an. Sebelum Krisis Kewangan Global, Kerajaan telah menyemak semula had hutang dengan menggabungkan jumlah hutang terkumpul MGS, MGII dan MITB di bawah Akta 637 dan Akta 275 kepada 45% daripada KDNK pada Jun 2008 dan ditingkatkan lagi kepada 55% mulai Julai 2009. Sementara itu, Akta 188 menetapkan had maksimum bil Perbendaharaan terkumpul tidak melebihi RM10 bilion.

Kerajaan Persekutuan juga dibenarkan membuat pinjaman dalam denominasi mata wang asing. Had pinjaman luar pesisir sebanyak RM30 bilion pada 1985 telah dinaikkan kepada RM60 bilion pada 2002. Walau bagaimanapun, had tersebut telah diturunkan kepada RM45 bilion pada 2006 dan seterusnya disemak semula kepada RM35 bilion semasa Krisis Kewangan Global. Perubahan dasar berkaitan had hutang domestik dan luar pesisir bertujuan menyediakan ruang suntikan fiskal serta menyokong pembangunan pasaran modal yang mendalam dan mudah cair. Tambahan pula, pengurangan kebergantungan ke atas sumber pinjaman luar pesisir dapat mengurangkan risiko pembiayaan semula dan pendedahan risiko pertukaran asing.

Selain perundangan berkaitan had hutang, nisbah bayaran khidmat hutang (DSC) kepada hasil dan KDNK merupakan indikator tambahan yang menunjukkan kemampuan Kerajaan untuk berhutang. Pada 1987, nisbah DSC kepada hasil dan KDNK meningkat dengan ketara kepada 31.8% dan 7.1% pasca-Krisis Komoditi 1985/86. Trend yang sama juga dapat dilihat semasa Krisis Kewangan Asia apabila nisbah DSC meningkat daripada 11.7% dan 3.7% pada 1996 kepada 13.5% dan 4.1% pada 1999. Trend ini selari dengan peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan serta prestasi kutipan hasil yang lebih perlahan dalam tempoh krisis. Walau bagaimanapun, nisbah DSC kepada hasil telah berkurang kepada hampir 10% pasca-Krisis Kewangan Global disokong prestasi kutipan hasil yang stabil melalui inisiatif Kerajaan mempelbagaikan sumber hasil. Oleh itu, peningkatan nisbah ini hanya bersifat sementara dan dapat dikurangkan di bawah had pentadbiran 15% kepada hasil dengan cepat setelah krisis berakhir dan pertumbuhan ekonomi kembali pulih. Nisbah DSC kepada KDNK juga kembali stabil pada kadar purata 2% dalam sedekad yang lalu.

**RAJAH 4. Bayaran Khidmat Hutang
1980 - 2019**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Krisis COVID-19 dan Tindak Balas Dasar

Pandemik COVID-19 memberi kesan ketara ke atas perdagangan dan ekonomi global memandangkan sifat virus yang mudah merebak dan mengancam nyawa. Sehingga pertengahan Oktober 2020, penyebaran virus telah menjejaskan lebih 200 negara dengan kes jangkitan melebihi 37 juta dan kadar kematian sekitar 3%. Krisis ini yang diisytiharkan sebagai krisis terburuk sejak *Great Depression* 1930 memberi cabaran besar kepada penggubal dasar dan pengusaha industri untuk bersedia melaksana kebiasaan baharu dan menetapkan dasar yang ketat bagi mengekang penularan serta meratakan keluk jangkitan.

Pada peringkat global, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menganggarkan jumlah suntikan fiskal oleh negara di seluruh dunia sebanyak USD11.7 trilion atau hampir 12% daripada KDNK global. Kebanyakan negara telah melonggarkan peraturan fiskal serta mengaktifkan klausa pengecualian. Sementara itu, Malaysia telah mengumumkan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal sekitar 20% daripada KDNK dengan suntikan fiskal langsung berjumlah RM45 bilion. Sehubungan itu, Parlimen telah meluluskan suatu akta berkaitan langkah sementara bagi pembiayaan Kerajaan untuk COVID-19 pada September 2020. Akta ini antara lain memperuntukkan peningkatan sementara had statutori hutang meliputi MGS, MGII dan MITB daripada 55% kepada 60% daripada KDNK serta mewujudkan kumpulan wang amanah khusus dalam melaksanakan langkah rangsangan ekonomi bagi tempoh tiga tahun. Peningkatan had hutang ini menyediakan ruang fiskal kepada Kerajaan untuk membiayai pakej rangsangan serta melaksanakan langkah pemulihan ekonomi. Seterusnya, pada 23 September 2020 Kerajaan telah mengumumkan pakej tambahan sebanyak RM10 bilion untuk menambah baik program sedia ada iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas PRIHATIN dan Program Subsidi Upah.

Selain itu, OPR telah dikurangkan sebanyak 125 mata asas kepada 1.75% oleh MPC dalam sembilan bulan pertama 2020. Pengurangan OPR memberi ruang polisi tambahan bagi mempercepat proses pemulihan ekonomi serta mengurangkan kos pinjaman Kerajaan pada masa hadapan. Langkah monetari lain yang diperkenalkan merangkumi bantuan kewangan, perundangan dan pemantauan serta pindaan ke atas SRR pada Mac dan Mei 2020. Secara khususnya, pindaan SRR dan fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan MGS dan MGII sebagai instrumen pematuhan SRR merupakan sebahagian daripada usaha untuk memastikan kecairan pasaran yang mencukupi dalam menyokong aktiviti perantaraan kewangan.

Melangkah ke Hadapan

Kerajaan menggalas tanggungjawab utama untuk melindungi ekonomi dan kesejahteraan rakyat terutamanya dalam tempoh yang sukar. Justeru, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi akan dilaksana dan dipantau sepenuhnya walaupun menjejaskan kedudukan fiskal dan hutang negara. Kerajaan tekad untuk memulihkan ekonomi bagi memastikan negara kembali ke landasan pertumbuhan mampan dan dapat memenuhi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Walaupun negara berada dalam tempoh transisi ke arah era kebiasaan baharu namun agenda pembaharuan akan diberi penekanan dalam memastikan kewangan awam lebih baik dan mampan. Antara agenda ini termasuk memperkenalkan perundangan tanggungjawab fiskal, meluaskan asas hasil, memperkukuh tadbir urus serta mempercepat pendigitalan. Inisiatif ini akan menyokong momentum pertumbuhan serta membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha konsolidasi setelah ekonomi kembali pulih. Selain itu, ketersediaan infrastruktur bertaraf dunia, tenaga kerja mahir dan dinamik serta perkhidmatan awam yang proaktif akan terus melengkapi agenda pembaharuan.

Inisiatif ini berjaya menempatkan Malaysia di kedudukan ke-12 daripada 190 ekonomi dalam laporan *World Bank Doing Business 2020* membuktikan dasar ekonomi Kerajaan yang kompetitif dan mesra perniagaan.

Kesimpulan

Dasar fiskal pragmatik penting untuk menyokong pembangunan negara khususnya dalam situasi ketidaktentuan ekonomi dan krisis kesihatan. Kerajaan telah membuktikan fleksibiliti dan dinamisme dalam menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi melaksanakan langkah kitaran balas selain bersedia untuk meningkatkan keperluan pembiayaan dalam usaha memulihkan ekonomi. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu mengimbangi antara menyediakan sokongan fiskal yang wajar di samping mencapai kemampanan dalam jangka masa panjang. Justeru, semakan semula perundangan berkaitan hutang hanya bersifat sementara, menggambarkan komitmen teguh ke atas usaha konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana. Sebagaimana dibuktikan semasa krisis terdahulu, Kerajaan kekal komited ke arah agenda pembaharuan demi memastikan pengurusan hutang cekap dan kewangan awam yang kukuh.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (1999). *The Central Bank and the Financial System in Malaysia - A Decade of Change 1989-1999*.
- Braga, C. A. P., & Vincelette, G. A. (2011). *Sovereign Debt and the Financial Crisis: Will this Time be Different?* World Bank.
- Eichengreen, B., El-Ganainy, A., Pedro, R., Kris, E., & Mitchener, J., Esteves, R. P., & Mitchener, K. J. (2019). *Public Debt through the Ages*. International Monetary Fund, Publication Services.
- Goh, S. K., & Mah-Hui, M. L. (2010). The Impact of the Global Financial Crisis: The Case of Malaysia. *TWN Global Economy Series*, 26, 1–49.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020a). *Debt Management Responses to the Pandemic*. International Monetary Fund, Publication Services, 1–13.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020b). *Fiscal Monitor Policies for the Recovery*. International Monetary Fund, Publication Services.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020c). *Fiscal Monitor Policies to Support People During the COVID-19 Pandemic*. International Monetary Fund, Publication Services.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020d). *World Economic Outlook: The Great Lockdown*. International Monetary Fund, Publication Services.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2010). *A Historical Public Debt Database*. IMF Working Paper, 10. International Monetary Fund, Publication Services.
- Kose, M. A., Ohnsorge, F., Nagle, P., & Sugawara, N. (2020). Caught by the Cresting Debt Wave. *Finance & Development*, 57(2), 1–4.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *OECD Economic Outlook*. OECD Publishing.
- Tiftik, E., & Mahmood, K. (2020). *Global Debt Monitor: Sharp Spike in Debt Ratios*. Institute of International Finance.

Hutang Luar

Hutang luar merangkumi pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dan lain-lain hutang luar. Sehingga akhir Jun 2020, hutang luar meningkat kepada RM1 trilion atau 69.7% daripada KDNK. Secara keseluruhan, peningkatan hutang terutamanya disebabkan oleh terbitan bersih bon dan nota antarabangsa oleh syarikat awam dan sektor swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh pengeluaran deposit dan pengurangan pemegang sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.

Komponen terbesar hutang luar merupakan pinjaman luar pesisir yang meningkat kepada RM624.3 bilion atau 62.2%. Pinjaman luar

pesisir berjangka sederhana dan panjang berjumlah RM383.2 bilion manakala hutang berjangka masa pendek sebanyak RM241.1 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan pinjaman syarikat bukan kewangan khususnya perolehan aset asing serta pinjaman antara kumpulan oleh bank dan sektor swasta bukan perbankan.

Komponen lain hutang luar merangkumi pemegang hutang dan deposit oleh bukan pemastautin mewakili hutang luar dan deposit dalam institusi perbankan tempatan berdenominasi ringgit. Komponen ini mencatat RM295.4 bilion atau sekitar 30% daripada jumlah hutang luar yang meliputi pemegang bukan pemastautin dalam kertas hutang Kerajaan berjumlah RM181.2 bilion atau 22% daripada jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Pemegang asing ini tidak terdedah kepada kesan penilaian daripada perubahan mata wang ringgit.

JADUAL 4.5. Hutang Luar
2019 – 2020

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2019	2020 ³	2019	2020 ³	2019	2020 ³
Pinjaman luar pesisir	560,708	624,334	59.3	62.2	37.2	43.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	344,322	383,169	36.4	38.2	22.9	26.6
Sektor awam	128,743	154,413	13.6	15.4	8.6	10.7
Kerajaan Persekutuan	24,021	25,077	2.5	2.5	1.6	1.7
Syarikat awam	104,722	129,336	11.1	12.9	7.0	9.0
Sektor swasta	215,579	228,756	22.8	22.8	14.3	15.9
Hutang jangka pendek	216,386	241,166	22.9	24.0	14.3	16.7
Pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	201,015	196,632	21.3	19.6	13.3	13.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	193,270	186,748	20.5	18.6	12.8	13.0
Kerajaan Persekutuan	182,151	176,001	19.3	17.5	12.1	12.2
Lain-lain ¹	11,119	10,747	1.2	1.1	0.7	0.8
Hutang jangka pendek	7,745	9,884	0.8	1.0	0.5	0.7
Deposit bukan pemastautin	102,928	98,821	10.9	9.9	6.8	6.9
Lain-lain²	80,767	83,168	8.5	8.3	5.3	5.8
Jumlah	945,419	1,002,956	100.0	100.0	62.6	69.7

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

³ Akhir Jun 2020

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara amnya, hutang luar Malaysia kekal terurus. Hutang luar berjangka sederhana dan panjang meliputi 58.7% daripada jumlah hutang luar menunjukkan risiko pembiayaan semula yang rendah. Di samping itu, ketersediaan aset luar yang besar dapat mengurangkan impak risiko luaran seterusnya membuktikan daya tahan kewangan negara.

Hutang Sektor Awam

Hutang sektor awam merangkumi hutang disatukan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Syarikat Awam Bukan Kewangan (SABK) serta hutang badan berkanun yang dijamin Kerajaan. Sehingga akhir Jun 2020, hutang sektor awam meningkat kepada RM1.2 trilion atau 85.5% daripada KDNK disebabkan oleh defisit fiskal yang lebih tinggi untuk membiayai langkah rangsangan ekonomi berikutan pandemik COVID-19. Hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM854.1 bilion atau 69.4% merupakan komponen terbesar hutang sektor awam manakala baki hutang merangkumi liabiliti SABK (24.4%) dan badan berkanun (6.2%).

Hutang badan berkanun yang dijamin meningkat kepada RM75.7 bilion terutamanya disebabkan oleh tambahan terbitan sukuk LPPSA bagi membiayai pinjaman perumahan penjawat awam. Selain itu, hutang SABK juga meningkat kepada RM300.4 bilion termasuk tambahan pengeluaran fasiliti pembiayaan untuk perbelanjaan modal berkaitan projek pembangunan transit aliran massa (MRT) serta pelaburan dalam sektor minyak dan gas.

Tinjauan 2021

Keperluan pinjaman kasar dianggarkan masih ketara sekitar 11% daripada KDNK berikutan ketidakpastian persekitaran ekonomi 2021. Kerajaan akan meneruskan langkah rangsangan dalam fasa peralihan pada 2021 untuk memulihkan ekonomi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat, menyokong perniagaan dan merencanakan semula aktiviti ekonomi. Pada masa yang sama, Kerajaan kekal komited melaksanakan strategi pengurusan hutang berhemat dalam jangka sederhana di samping mematuhi peraturan hutang yang ditetapkan.

JADUAL 4.6. *Hutang Sektor Awam 2019 – 2020*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2019	2020 ¹	2019	2020 ¹	2019	2020 ¹
Kerajaan Persekutuan	792,998	854,068	69.8	69.4	52.5	59.3
Dalam negeri	764,233	824,033	67.3	67.0	50.6	57.2
Luar pesisir	28,765	30,035	2.5	2.4	1.9	2.1
Badan berkanun	70,510	75,710	6.2	6.2	4.7	5.3
Dalam negeri	70,510	75,710	6.2	6.2	4.7	5.3
<i>antaranya: Dijamin</i>	70,510	75,710	6.2	6.2	4.7	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	272,992	300,458	24.0	24.4	18.0	20.9
Dalam negeri	171,873	176,744	15.1	14.4	11.3	12.3
<i>antaranya: Dijamin</i>	171,873	176,744	15.1	14.4	11.3	12.3
Luar pesisir	101,119	123,714	8.9	10.0	6.7	8.6
<i>antaranya: Dijamin</i>	23,395	24,565	2.1	2.0	1.5	1.7
Jumlah	1,136,500	1,230,236	100.0	100.0	75.2	85.5

¹ Akhir Jun 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan akan menumpukan terbitan dalam denominasi ringgit dengan memanfaatkan kecairan domestik yang mencukupi bagi memastikan pasaran sekuriti Kerajaan berfungsi dengan baik di samping mengurangkan kos dan pendedahan kepada risiko kadar pertukaran asing. Di samping itu, Kerajaan bersedia untuk menghadapi ketidakpastian masa hadapan disokong oleh ruang monetari mencukupi, pasaran modal domestik yang mendalam serta langkah berkesan bagi mengekang COVID-19 yang merupakan faktor penting untuk meningkatkan keyakinan pelabur. Persekitaran ini dijangka terus menyokong keperluan pembiayaan jangka masa panjang serta mengimbangi profil kematangan hutang dan memenuhi permintaan pelabur terhadap kertas hutang kerajaan.

Pandemik COVID-19 merupakan krisis kemanusiaan dan kesihatan global yang paling getir dalam sejarah. Langkah segera telah dilaksanakan bagi melindungi nyawa, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi negara. Oleh yang demikian, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada sekitar 61% daripada KDNK dengan nisbah hutang statutori sekitar 58% pada 2021 berikutan keperluan untuk menambah pinjaman dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kebanyakan langkah rangsangan ekonomi ini berjangka masa pendek dan tidak mengubah prinsip asas pengurusan hutang negara.


Melangkah ke hadapan, Kerajaan komited untuk meneruskan langkah konsolidasi hutang dalam tempoh jangka masa sederhana

setelah ekonomi kembali pulih daripada krisis ini. Kerajaan juga akan memantapkan lagi fungsi Pejabat Pengurusan Hutang dengan matlamat untuk menambah baik struktur institusi serta mempertingkatkan operasi dan tadbir urus pengurusan hutang ke arah usaha mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan ke paras yang terurus. Pada masa yang sama, komitmen untuk memperkukuh pengumpulan data dan pelaporan secara berkala akan turut menyokong hutang negara yang mampan dalam tempoh jangka masa panjang.


Kesimpulan

Kesan pandemik COVID-19 ke atas kewangan awam telah menekankan keperluan untuk menambah baik pengurusan dan kemampuan hutang. Kerajaan akan mengimbangi keperluan demi memenuhi agenda pembangunan dan konsolidasi hutang kepada KDNK selepas krisis ini beransur pulih. Justeru, keseimbangan ini dapat dicapai melalui pematuhan berterusan kepada kerangka kerja fiskal jangka sederhana, mempelbagaikan asas hasil, meningkatkan kecekapan perbelanjaan serta membantu merencanakan aktiviti sektor swasta melalui pembaharuan struktur dan penambahbaikan tadbir urus. Pembangunan strategi hutang Kerajaan terus menumpukan usaha untuk memastikan kos pembiayaan yang rendah, mengurangkan risiko pembiayaan semula dan menyokong pasaran yang berfungsi dengan baik.


RAJAH 4.1. Terbitan Mengikut Tempoh Matang




RAJAH 4.2. Nisbah BTC MGS dan MGII




RAJAH 4.3. Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS



RAJAH 4.4. Kadar Hasil Indikatif MGS




RAJAH 4.5. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan




¹Akhir September 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


RAJAH 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang, Akhir Jun 2020




RAJAH 4.7. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin




RAJAH 4.8. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Baki Tempoh Matang



RAJAH 4.9. Bayaran Khidmat Hutang



RAJAH 4.10. Profil Kematangan Hutang



¹ Akhir September 2020
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

65 PERSPEKTIF KESELURUHAN

**65 PENDEDAHAN HUTANG DAN
LIABILITI**

66 JAMINAN KERAJAAN

**67 1MALAYSIA DEVELOPMENT
BERHAD**

68 LIABILITI LAIN

68 KESIMPULAN

SEKSYEN 5

RISIKO FISKAL DAN LIABILITI

Perspektif Keseluruhan

Pada 2020, kerajaan di seluruh dunia diuji dengan misi yang amat mencabar untuk membebaskan negara daripada krisis kesihatan dan kemerosotan ekonomi. Pandemik COVID-19 telah melumpuhkan ekonomi global dalam tempoh beberapa bulan selepas penularan pertama dikenal pasti pada penghujung Disember 2019. Kebanyakan kerajaan telah melaksanakan sekatan pergerakan untuk mengekang penularan virus sehingga menjejaskan aktiviti ekonomi dan memberi kesan negatif kepada perniagaan dan kehidupan rakyat.

Walaupun langkah sekatan yang dikenakan berkesan dalam membendung penularan namun impak kepada ekonomi tidak dapat dielakkan dan memerlukan intervensi kerajaan. Risiko fiskal menjadi semakin tinggi berikutan kebanyakan kerajaan telah meningkatkan hutang dan langkah lain untuk membiayai defisit fiskal yang besar dan di luar jangkaan berikutan pelaksanaan pelbagai langkah rangsangan. Sebahagian besar langkah ini merangkumi peningkatan peruntukan kepada sektor kesihatan, bantuan kewangan kepada pekerja yang diberhentikan atau dikenakan pemotongan gaji atau cuti tanpa gaji serta suntikan ekuiti, jaminan dan sokongan kepada perniagaan.

Malaysia juga tidak terkecuali dalam memperkenalkan beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan untuk menangani krisis ini. Sehubungan itu, sasaran defisit semasa pembentangan Belanjawan 2020 telah disemak semula daripada 3.2% kepada 6% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kerajaan telah menggubal perundangan baharu bertujuan meningkatkan

had statutori hutang secara sementara untuk menampung pinjaman tambahan bagi membiayai pakej rangsangan ekonomi. Selain itu, beberapa langkah diperkenalkan untuk menyediakan pinjaman mudah dan jaminan kepada perniagaan yang terjejas terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Langkah ini telah meningkatkan risiko fiskal dari segi pertambahan obligasi dan pendedahan kewangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah mitigasi bagi memastikan pendedahan risiko terkawal.

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Kerajaan telah menerbitkan laporan kedudukan hutang dan liabiliti yang lebih menyeluruh mulai 2018. Langkah ini selaras dengan usaha peralihan kepada piawaian perakaunan akruan

JADUAL 5.1. *Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2019 – 2020*

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2019	2020 ¹	2019	2020 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	793.0	874.3	52.5	60.7
Komitmen jaminan	162.1	177.0	10.7	12.3
1MDB	31.9	32.3	2.1	2.3
Liabiliti lain (PPP, PFI, PBLT)	182.2	173.3	12.1	12.0
Jumlah	1,169.2	1,256.9	77.4	87.3

¹ Akhir September

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

serta laporan statistik di bawah Piawai Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan Public Sector Debt Statistics oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pendedahan hutang dan liabiliti terdiri daripada hutang Kerajaan Persekutuan dan obligasi kewangan lain seperti komitmen jaminan, hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan liabiliti lain termasuk anggaran komitmen tunai Kerajaan. Pada akhir September 2020, pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1,256.9 bilion atau 87.3% daripada KDNK.

Jaminan Kerajaan

Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] membenarkan Kerajaan untuk memberi jaminan ke atas pinjaman, bon, surat janji atau sebarang instrumen pembiayaan yang diterbitkan oleh entiti yang diwartakan sebagai pertubuhan perbadanan di bawah Akta ini. Entiti yang menerima **jaminan Kerajaan** (GG) merangkumi syarikat berkaitan kerajaan, badan berkanun serta agensi di bawah kerajaan negeri. Pada akhir September 2020, GG terkumpul berjumlah RM289.8 bilion atau 20.1% daripada

KDNK (akhir 2019: RM275.4 bilion; 18.2%). Peningkatan ini terutamanya disebabkan terbitan baharu DanaInfra dan Prasarana untuk membiayai projek infrastruktur pengangkutan awam serta pembiayaan yang diterbitkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) untuk membiayai kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam. Sebahagian besar GG diberikan untuk sektor infrastruktur (53.7%) dan perkhidmatan (24.3%). Sepuluh penerima utama GG mewakili lebih daripada 80% jumlah jaminan pinjaman.

Pada akhir September 2020, portfolio keseluruhan GG mencatat purata tempoh matang berwajaran 10.9 tahun. Risiko pembiayaan semula kekal terkawal dengan hampir 20% daripada GG dijangka matang dalam tempoh enam hingga 10 tahun sementara hampir 45% daripada portfolio ini akan matang dalam tempoh lebih daripada 10 tahun. Risiko kadar tukaran mata wang secara relatifnya minimum kerana lebih 90% daripada jumlah GG dalam denominasi ringgit.

Jaminan pinjaman yang memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan diklasifikasikan di bawah **komitmen jaminan**. Entiti yang terlibat diberi jaminan di bawah Akta 96 atau

JADUAL 5.2. Penerima Utama Jaminan Kerajaan, pada akhir September 2020

ENTITI	RM JUTA	BAHAGIAN (%)	BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)
Jumlah jaminan pinjaman	289,808	100.0	20.1
<i>antaranya:</i>			
DanaInfra Nasional Berhad	71,620	24.7	5.0
Prasarana Malaysia Berhad	37,914	13.1	2.6
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	37,300	12.9	2.6
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	27,400	9.4	1.9
Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd.	21,016	7.3	1.4
Khazanah Nasional Berhad	11,300	3.9	0.8
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	3.8	0.8
Pengurusan Air SPV Berhad	10,260	3.5	0.7
GovCo Holdings Berhad	7,200	2.5	0.5
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,904	2.4	0.5
Jumlah penerima utama	241,914	83.5	16.8

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia

**JADUAL 5.3. Komitmen Jaminan,
2019 – 2020**

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020 ²	2019	2020 ²
DanaInfra Nasional Berhad	63,820	71,620	39.4	40.4
Prasarana Malaysia Berhad	32,264	37,914	19.9	21.4
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	18,506	21,016	11.4	11.9
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	19,600	19,600	12.1	11.1
GovCo Holdings Berhad	7,200	7,200	4.4	4.1
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	6,708	6,904	4.1	3.9
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ¹	5,648	5,561	3.5	3.1
MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,500	3,500	2.2	2.0
SRC International Sdn. Bhd.	3,485	2,485	2.2	1.4
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	800	800	0.5	0.4
TRX City Sdn. Bhd.	372	313	0.2	0.2
Asset Global Network Sdn. Bhd.	177	126	0.1	0.1
Jumlah	162,079	177,039	100.0	100.0

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran² Akhir September

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

jaminan di bawah Seksyen 14 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]¹. Sokongan kewangan ini disediakan untuk membantu entiti yang melaksanakan projek terutamanya semasa fasa pembinaan dan permulaan operasi serta entiti yang menghadapi masalah kewangan. Komitmen jaminan terkumpul berjumlah RM177 bilion atau 12.3% daripada KDNK pada akhir September 2020 dengan sebahagian besar untuk membiayai projek infrastruktur pengangkutan sedia ada. Prestasi kewangan dan pelan pembangunan entiti tersebut dipantau secara berkala dan diteliti dalam usaha untuk mengawal risiko negatif kepada Kerajaan.

1Malaysia Development Berhad

Syarikat 1MDB ditubuhkan pada 2009 sebagai syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang bermatlamat membantu Kerajaan

memangkin pertumbuhan strategik. Walau bagaimanapun, 1MDB mengalami masalah kewangan yang serius akibat model operasi perniagaan keterhutangan tinggi yang tidak mampan. Situasi ini memerlukan intervensi Kerajaan untuk menstruktur semula perniagaan serta memikul obligasi kewangan 1MDB. Pada akhir September 2020, baki hutang 1MDB dianggarkan berjumlah RM32.3 bilion.

Kerajaan telah memperuntukkan bantuan kewangan kepada 1MDB bagi tempoh April 2017 sehingga September 2020 dalam bentuk pinjaman dan pendahuluan sebanyak RM9.4 bilion untuk menampung komitmen kewangan dan hutang 1MDB. Sehingga akhir September 2020, aset bernilai RM13.4 bilion berkaitan jejak kewangan 1MDB telah diperoleh semula dan disatukan dalam sebuah akaun amanah khusus yang ditadbir oleh Kementerian Kewangan. Antara aset utama yang diperoleh semula termasuk aset fizikal dan tunai yang disita oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat bernilai RM2.6 bilion serta wang tunai yang

¹ Seksyen 14(1) Akta 61: *No guarantee involving a financial liability shall be binding upon the Federal Government, unless it is entered into with the written authority of the Treasury or in accordance with federal law.*

JADUAL 5.4. Hutang 1MDB, pada akhir September 2020

KOMPONEN	KADAR (%)	TEMPOH MATANG	PRINSIPAL	
			(USD BILION)	(RM BILION)
Jaminan Kerajaan				
Sukuk	5.75	2039	-	5.00
IPIC-MOF Inc.				
1MDB Energy Ltd	5.99	2022	1.75	7.35 ¹
1MDB Energy (Langat) Ltd	5.75	2022	1.75	7.35 ¹
Letter of Support				
Bon global	4.44	2023	3.00	12.60 ¹
Jumlah				32.30

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

diterima daripada Goldman Sachs sebagai sebahagian daripada penyelesaian dengan Kerajaan berjumlah USD2.5 bilion. Di samping itu, Goldman Sachs akan membantu dan menjamin untuk mendapatkan semula aset bernilai sekurang-kurangnya USD1.4 bilion.

Liabiliti Lain

Pendekatan perkongsian awam swasta (PPP) diperkenalkan sebagai model pembangunan yang mengagihkan risiko dan ganjaran antara Kerajaan dengan sektor swasta. Pada akhir September 2020, terdapat 97 projek PPP yang melibatkan komitmen kewangan daripada Kerajaan sehingga 2047 dengan anggaran sebanyak RM119 bilion. Komitmen pelbagai


tersebut terdiri daripada bayaran ketersediaan, caj penyelenggaraan, caj penggantian aset, perbelanjaan lain dan juga bayaran kontrak berdasarkan perkhidmatan yang disediakan.

Inisiatif pembiayaan swasta (PFI) diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memudah cara projek pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan sekolah, hospital, universiti dan pusat latihan serta penyenggaraan dan baik pulih bangunan awam. Liabiliti PFI dianggarkan berjumlah RM49.5 bilion pada akhir September 2020. Sementara itu, PBLT Sdn. Bhd. (PBLT) ditubuhkan pada 2005 sebagai syarikat bertujuan khas milik penuh MKD untuk mendapatkan pembiayaan dan membangunkan infrastruktur pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti kuarters, balai polis dan kemudahan lain. Pada akhir September 2020, liabiliti PBLT dianggarkan berjumlah RM4.8 bilion.


Kesimpulan

Kerajaan akan terus memantau dan meneliti keseluruhan pendedahan fiskal bagi memastikan risiko dapat dikenal pasti dan diurus melalui pelan mitigasi. Sebahagian besar peningkatan liabiliti bertujuan untuk membiayai projek pembangunan infrastruktur sedia ada. Sementara itu, risiko berkaitan komitmen PPP dan obligasi lain telah dikenal pasti dan komitmen tersebut diperuntukkan dalam belanjawan. Kerajaan juga akan memberi penekanan ke arah konsolidasi data yang lebih sistematik dan pelaporan komprehensif untuk menyediakan gambaran terperinci mengenai pendedahan hutang dan liabiliti.


RAJAH 5.1. Jaminan Pinjaman Terkumpul




RAJAH 5.2. Profil Kematangan Jaminan Pinjaman, Akhir September 2020



RAJAH 5.3. Jaminan Pinjaman Mengikut Sektor, Akhir September 2020



RAJAH 5.4. Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor, Akhir September 2020



Sumber: Kementerian Kewangan dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri Malaysia

SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

73 SEKTOR AWAM DISATUKAN

74 KERAJAAN AM

75 KERAJAAN NEGERI

**76 SYARIKAT AWAM BUKAN
KEWANGAN**

SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan (CPS) di Malaysia terdiri daripada unit kerajaan am dan syarikat awam bukan kewangan (SABK). Pelaporan kedudukan kewangan CPS bertujuan menganggar saiz sektor awam, mengukur kesan aktiviti CPS ke atas ekonomi dan mengenal pasti sumber risiko fiskal. Dari segi penilaian global, hanya data kerajaan am dan sektor awam boleh dibandingkan di peringkat antarabangsa. CPS memerlukan semua pindahan dan pinjaman bersih di antara setiap unit sektor awam diasingkan untuk menggambarkan kedudukan kewangan sebagai satu entiti.

Walau bagaimanapun, penilaian prestasi kewangan kerajaan am berbeza dengan SABK. Sebagai unit berorientasikan sosial, defisit lebih tinggi yang disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan (DE) kerajaan am menunjukkan pelaburan modal lebih tinggi

untuk manfaat sosioekonomi. Bagi SABK yang bertujuan memaksimumkan keuntungan pula, peningkatan defisit menggambarkan perbelanjaan modal yang diklasifikasikan sebagai pelaburan dalam pembentukan aset bagi menjana pendapatan dalam penyata kedudukan kewangan.

Kedudukan kewangan CPS pada 2020 dijangka mencatat lebih semasa lebih rendah sebanyak RM65 bilion (2019: RM77.5 bilion). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan lebih semasa SABK sebanyak 33.1% kepada RM85.3 bilion terutamanya disebabkan pengurangan hasil SABK berikutan pandemik COVID-19. Di samping itu, DE sektor awam disatukan diunjur kekal sekitar RM132 bilion. Selepas semua transaksi antara unit diasingkan, defisit keseluruhan CPS dijangka meningkat ketara kepada RM105 bilion atau 7.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 (2019: RM54.9 bilion; 3.6%).

JADUAL 6.1 Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2019 – 2021

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2019	2020 ²	2021 ³	2019	2020 ²	2021 ³
Hasil	248,052	244,153	261,033	2.9	-1.6	6.9
Perbelanjaan mengurus	298,095	264,423	273,614	12.1	-11.3	3.5
Baki semasa	-50,043	-20,270	-12,581	100.1	-59.5	-37.9
Baki semasa SABK	127,548	85,279	86,033	-0.5	-33.1	0.9
Baki semasa sektor awam	77,505	65,009	73,452			
Perbelanjaan pembangunan	132,434	131,987	154,189	-8.3	-0.3	16.8
Kerajaan am	57,089	56,857	75,015	-10.3	-0.4	31.9
SABK	75,345	75,130	79,174	-6.8	-0.3	5.4
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	-	38,000	17,000			-55.3
Baki keseluruhan	-54,929	-104,978	-97,737			
% kepada KDNK	-3.6	-7.3	-6.2			

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan Am

Kerajaan am merujuk kepada unit institusi yang melaksanakan fungsi ekonomi utama kerajaan.¹ Fungsi kerajaan am termasuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada komuniti terutamanya secara bukan komersial, mengagihkan semula pendapatan dan kekayaan serta membiayai aktiviti terutamanya melalui cukai atau pindahan. Sektor kerajaan am di Malaysia merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun Persekutuan.² Pelaporan kedudukan kewangan kerajaan am bertujuan untuk menilai prestasi dan impak keseluruhan operasi kerajaan ke atas ekonomi.

Hasil disatukan kerajaan am pada 2020 dianggar berkurang sebanyak 10.5% kepada RM288.1 bilion. Peruntukan perbelanjaan mengurus (OE) disatukan juga mencatat penurunan sebanyak 11.3% kepada RM264.7 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan hasil dan OE Kerajaan Persekutuan, menyebabkan lebih semasa lebih rendah sebanyak RM23.4 bilion (2019: RM23.7 bilion). Peruntukan DE disatukan juga dijangka berkurang secara marginal

sebanyak 0.7% kepada RM56.9 bilion terutamanya disebabkan DE Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan keseluruhan dijangka meningkat kepada RM359.6 bilion (2019: RM318.6 bilion, tidak termasuk bayaran balik cukai) disebabkan perbelanjaan tambahan Kerajaan Persekutuan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 yang baharu ditubuhkan bagi pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Sehubungan itu, selepas semua pindahan dan pinjaman bersih antara unit diasingkan, defisit keseluruhan kerajaan am dijangka meningkat kepada RM71.5 bilion atau 5% daripada KDNK pada 2020.

Defisit keseluruhan kerajaan am dibiayai terutamanya oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan dan rizab terkumpul. Di bawah peruntukan undang-undang, semua kerajaan negeri³ dan badan berkanun Persekutuan hanya boleh meminjam daripada atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan tempatan⁴ pula hanya boleh meminjam dengan kelulusan kerajaan negeri. Oleh itu, pendedahan terhadap risiko kredit kerajaan am adalah terkawal di peringkat Kerajaan Persekutuan.

JADUAL 6.2. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan, 2019 – 2021*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2019	2020 ²	2021 ³	2019	2020 ²	2021 ³
Hasil	322,020	288,096	297,033	10.4	-10.5	3.1
Perbelanjaan mengurus	298,347	264,710	273,990	12.1	-11.3	3.5
Baki semasa	23,673	23,386	23,043			
Perbelanjaan pembangunan	57,285	56,869	75,409	-10.2	-0.7	32.6
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	-	38,000	17,000			-55.3
Baki keseluruhan	-33,612	-71,483	-69,366			
% kepada KDNK	-2.2	-5.0	-4.4			

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

¹ *Government Finance Statistics Manual (GFSM) 2014* oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Badan berkanun Persekutuan ditadbir urus oleh akta tubuh masing-masing di bawah Kementerian Persekutuan untuk melaksanakan fungsi tertentu Kerajaan dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan dan pertanian. Sebahagian besar hasil diperoleh melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan.

³ Perkara 111 dan 112 Perlembagaan Persekutuan (kecuali Sabah dan Sarawak yang dibenarkan meminjam dengan kebenaran Bank Negara).

⁴ Seksyen 41 dan 42, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Kerajaan Negeri

Hasil disatukan bagi kerajaan negeri⁵ pada 2020 diunjur meningkat sebanyak 10.6% kepada RM33.6 bilion atau 2.3% daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut, 79.9% atau RM26.9 bilion merupakan hasil janaan negeri yang sebahagian besarnya terdiri daripada cukai jualan, royalti petroleum, faedah pelaburan, premium tanah dan cukai tanah. Bakinya terdiri daripada pindahan dan geran oleh Kerajaan Persekutuan. Hasil janaan negeri ini dijangka melonjak 16.3% (2019: -7.1%) terutamanya disumbangkan oleh cukai jualan kerajaan negeri Sarawak ke atas produk petroleum. Sarawak, Sabah, Selangor, Terengganu dan Johor terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah hasil janaan negeri mewakili 83.1% atau RM22.3 bilion.

Hasil cukai dianggar berjumlah RM8 bilion atau 23.9% daripada jumlah hasil disatukan. Cukai langsung yang sebahagian besarnya terdiri daripada cukai ke atas sumber asli seperti tanah, lombong dan perhutanan dijangka menyumbang RM3.4 bilion. Cukai tidak langsung diunjur sebanyak RM4.6 bilion atau 58% daripada hasil cukai terutamanya disumbangkan oleh cukai jualan⁶ di negeri Sarawak berjumlah RM3.5 bilion yang sebahagian besarnya dikenakan ke atas produk petroleum.

Hasil bukan cukai dijangka mencatat RM13 bilion atau 37.5% daripada jumlah hasil disatukan. Komponen utama hasil tersebut termasuk bayaran pampasan ke atas produk berkaitan petroleum berjumlah RM3.5 bilion, faedah pelaburan RM3.5 bilion serta premium tanah RM2.2 bilion. Terimaan bukan hasil pula berjumlah RM12.6 bilion yang sebahagian besarnya merangkumi geran daripada Kerajaan Persekutuan termasuk pemberian ikut kepala yang ditetapkan berdasarkan unjuran kependudukan tahunan, pemberian jalan Negeri, pemberian untuk membiayai perbelanjaan mengurus bagi jabatan di bawah

JADUAL 6.3. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan, 2019 - 2020

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2019	2020 ¹	2019	2020 ¹
Hasil	30,349	33,563	-3.8	10.6
Perbelanjaan mengurus	11,895	14,278	0.2	20.0
Baki semasa	18,454	19,285		
Perbelanjaan pembangunan kasar	10,866	11,612	-17.0	6.9
Kumpulan Wang Pembangunan	10,829	11,421	-17.1	5.5
Kumpulan Wang Bekalan Air	37	191	32.1	416.2
Tolak: Terimaan balik pinjaman	753	990	163.3	31.5
Perbelanjaan pembangunan bersih	10,113	10,622	-21.1	5.0
Baki keseluruhan	8,341	8,663		
% kepada KDNK	0.6	0.6		

¹ Anggaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan, dan bayaran perkhidmatan bagi penglibatan penjawat awam negeri dalam projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Jumlah perbelanjaan disatukan kerajaan negeri pada 2020 dijangka meningkat sebanyak 13.7% kepada RM25.9 bilion disebabkan peningkatan OE dan DE. Peruntukan OE disatukan diunjur bertambah sebanyak 20% kepada RM14.3 bilion (2019: 0.2%; RM11.9 bilion) terutamanya disebabkan oleh jumlah pindahan dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang lebih tinggi. Peruntukan DE disatukan dijangka meningkat sebanyak 6.9% kepada RM11.6 bilion (2019: -17%; RM10.9 bilion).

Projek pembangunan utama yang dilaksanakan pada 2020 antaranya termasuk penyediaan

⁵ Tidak termasuk Wilayah Persekutuan.

⁶ Cukai jualan bagi Sabah dan Sarawak berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan merupakan salah satu sumber hasil negeri tersebut seperti termaktub dalam Bahagian V, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan: Sumber Tambahan Hasil Yang Diserahhkan Kepada Negeri Sabah dan Sarawak.

infrastruktur dan fasiliti awam di kawasan luar bandar Sarawak, pembinaan dan penaiktarafan jalan raya di Selangor, pembaikpulihan dan penaiktarafan loji rawatan air di Terengganu, serta pembangunan projek bekalan air di Terengganu dan Pahang. Projek lain termasuk pembangunan pusat pentadbiran di Terengganu dan pelaksanaan projek tebatan banjir di Pulau Pinang. Berdasarkan prestasi tersebut, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan bagi 2020 dijangka mencatat lebihan semasa sebanyak RM19.3 bilion mewakili 57.5% daripada jumlah hasil disatukan. Baki keseluruhan kerajaan negeri dianggar turut mencatat lebihan RM8.7 bilion atau 0.6% daripada KDNK.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Kedudukan kewangan disatukan bagi SABK dijangka mencatat lebihan semasa yang lebih rendah sebanyak RM41.6 bilion pada 2020 (2019: RM54.1 bilion). Penurunan lebihan semasa ini disebabkan oleh pengurangan yang lebih tinggi dalam kutipan hasil berbanding perbelanjaan semasa berikutan persekitaran pasaran yang lemah dan rasionalisasi kos. Penurunan ini juga susulan kejatuhan harga minyak mentah dunia dan aktiviti ekonomi

JADUAL 6.4. Kedudukan Kewangan SABK¹ Disatukan, 2019 - 2020


	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2019	2020 ²	2019	2020 ²
Hasil	386,490	319,917	-2.2	-17.2
Perbelanjaan semasa	332,439	278,280	4.7	-16.3
Baki semasa	54,051	41,637		
Perbelanjaan modal	75,345	75,130	-6.8	-0.3
Baki keseluruhan	-21,294	-33,493		
% kepada KDNK	-1.4	-2.3		

¹ Merujuk kepada 28 SABK utama

² Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 6.1. Aset dan Liabiliti SABK, Akhir 2019



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

yang lebih perlahan akibat daripada sekatan pergerakan global yang telah memberi kesan ke atas prestasi kewangan SABK. Sehubungan itu, defisit keseluruhan bagi 2020 dianggar mencatat sebanyak RM33.5 bilion (2019: RM21.3 bilion) atau 2.3% daripada KDNK.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan kejatuhan harga minyak mentah dunia merupakan faktor utama yang telah mempengaruhi penurunan jumlah hasil disatukan SABK sebanyak 17.2% kepada RM319.9 bilion atau 22.2% daripada KDNK. Pada 2020, kebanyakan subsektor ekonomi beroperasi di bawah kapasiti akibat ketersediaan pekerja dan bahan mentah yang terhad kesan daripada kawalan pergerakan seterusnya menyebabkan pengeluaran yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, subsektor telekomunikasi dan tenaga dijangka merekodkan hasil yang lebih baik disokong oleh peningkatan permintaan pengguna bagi pembelian barang keperluan dan perkhidmatan dalam talian serta penggunaan internet dan utiliti yang lebih tinggi susulan inisiatif persekitaran kerja jarak jauh dalam norma baharu.

Jumlah perbelanjaan SABK bagi 2020 dijangka mengalami penyusutan kepada RM353.4 bilion atau 24.6% daripada KDNK disebabkan oleh perbelanjaan semasa yang lebih rendah sebanyak 16.3% kepada RM278.3 bilion. Bagi tahun ini, kebanyakan SABK telah mengambil langkah kawalan kewangan yang signifikan dan mengkaji semula strategi perniagaan syarikat akibat jangkaan pengurangan kutipan hasil 2020. Langkah ini termasuk pengurangan kos operasi dan kos input untuk memastikan kelangsungan perniagaan. Antara industri yang paling terjejas termasuk syarikat penerbangan, logistik, pengangkutan, pelancongan, minyak dan gas serta sektor pembinaan. Perbelanjaan

modal pula dianggar stabil pada RM75.1 bilion seiring dengan pelan pelaburan semasa syarikat.

Dalam menghadapi persekitaran pasaran yang mencabar, SABK terus komited untuk memastikan kelangsungan syarikat di samping meneruskan usaha untuk memulihkan prestasi kewangan. Walaupun mendepani pandemik COVID-19, namun SABK akan meneruskan pelaksanaan projek utama seperti projek pembangunan gas di Sabah dan Sarawak, Transit Aliran Massa 2 (MRT2), Transit Aliran Ringan 3 dan peningkatan taraf digital. Pelaksanaan projek ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memulihkan ekonomi.

Statistik Kewangan

Awam

Public Finance

Statistics

SENARAI STATISTIK KEWANGAN AWAM
LIST OF PUBLIC FINANCE STATISTICS

	No. Jadual Table No.
Kewangan Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government Finance</i>	1.1.
Hasil Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government Revenue</i>	2.1.
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen <i>Federal Government Operating Expenditure by Component</i>	3.1.
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor <i>Federal Government Operating Expenditure by Sector</i>	3.2.
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor <i>Federal Government Development Expenditure by Sector</i>	3.3.
Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government Net Borrowings</i>	4.1.
Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang <i>Federal Government Debt by Holder</i>	4.2.
Hutang Luar <i>External Debt</i>	4.3.
Jaminan Pinjaman <i>Loan Guarantees</i>	5.1.
Kewangan Sektor Awam Disatukan <i>Consolidated Public Sector Finance</i>	6.1.
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan <i>Consolidated State Governments Financial Position</i>	6.2.
Kedudukan Kewangan Kerajaan Tempatan Disatukan <i>Consolidated Local Governments Financial Position</i>	6.3.
Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Disatukan <i>Consolidated Statutory Bodies Financial Position</i>	6.4.
Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan <i>Consolidated Non-Financial Public Corporations Financial Position</i>	6.5.

1.1. KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 RM juta

1.1. FEDERAL GOVERNMENT FINANCE
 RM million

	2017	2018	2019	2020 ⁴	2021 ⁵
Hasil Revenue	220,406	232,882	264,415	227,270	236,900
% perubahan % change	(3.8)	(5.7)	(13.5)	(-14.0)	(4.2)
Perbelanjaan mengurus Operating expenditure	217,695	230,960	263,343	226,720	236,540
% perubahan % change	(3.6)	(6.1)	(14.0)	(-13.9)	(4.3)
Baki semasa Current balance	2,711	1,922	1,072	550	360
Perbelanjaan pembangunan kasar Gross development expenditure	44,884	56,095	54,173	50,000	69,000
% perubahan % change	(6.9)	(25.0)	(-3.4)	(-7.7)	(38.0)
Perbelanjaan langsung Direct expenditure	42,277	54,405	52,058	47,468	67,300
% perubahan % change	(5.6)	(28.7)	(-4.3)	(-8.8)	(41.8)
Pinjaman kasar Gross lending	2,607	1,690	2,115	2,532	1,700
Tolak: Terimaan balik pinjaman Less: Loan recovery	1,852	788	1,603	1,000	800
Perbelanjaan pembangunan bersih Net development expenditure	43,032	55,307	52,570	49,000	68,200
% perubahan % change	(5.9)	(28.5)	(-4.9)	(-6.8)	(39.2)
Kumpulan Wang COVID-19¹ COVID-19 Fund¹				38,000	17,000
Baki keseluruhan Overall balance	-40,321	-53,385	-51,498	-86,450	-84,840
% KDNK % of GDP	-2.9	-3.7	-3.4	-6.0	-5.4
Baki primer² Primary balance²	-12,458	-22,838	-18,565	-51,505	-45,840
% KDNK % of GDP	-0.9	-1.6	-1.2	-3.6	-2.9
Sumber pembiayaan Sources of financing					
Pinjaman bersih luar pesisir Net offshore borrowings	-342	-320	6,977	-303	-
Pinjaman bersih dalam negeri Net domestic borrowings	40,732	54,427	44,755	87,051	-
Perubahan aset ³ Change in assets ³	-69	-722	-234	-298	

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

² Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

³ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁴ Anggaran disemak

⁵ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹ A specific trust account established under Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plan

² Excluding debt service charges

³ (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

⁴ Revised estimate

⁵ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

2.1. HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

RM juta

2.1. FEDERAL GOVERNMENT REVENUE

RM million

	2017	%	2018	%	2019	%	2020 ³	%	2021 ⁴	%
Cukai langsung	116,024	52.6	130,034	55.8	134,723	51.0	115,105	50.6	131,870	55.7
<i>Direct tax</i>										
% perubahan	(5.9)		(12.1)		(3.6)		(-14.6)		(14.6)	
<i>% change</i>										
Cukai pendapatan	108,563	49.3	122,486	52.6	126,507	47.8	106,914	47.0	123,103	51.9
<i>Income taxes</i>										
Syarikat	64,465	29.2	66,474	28.5	63,751	24.1	59,385	26.1	64,596	27.3
<i>Companies</i>										
Individu	28,945	13.1	32,605	14.0	38,680	14.6	35,906	15.8	42,439	17.9
<i>Individual</i>										
Petroleum	11,761	5.3	20,082	8.6	20,783	7.9	8,551	3.8	13,000	5.5
<i>Withholding and others</i>										
Pegangan dan lain-lain	3,392	1.5	3,325	1.4	3,293	1.2	3,072	1.3	3,068	1.3
<i>Others¹</i>										
Lain-lain ¹	7,461	3.4	7,548	3.2	8,216	3.2	8,191	3.6	8,767	3.7
<i>Others¹</i>										
Cukai tidak langsung	61,634	28.0	44,026	18.9	45,843	17.3	38,155	16.8	42,500	17.9
<i>Indirect tax</i>										
% perubahan	(3.2)		(-28.6)		(4.1)		(-16.8)		(11.4)	
<i>% change</i>										
Duti eksport	1,355	0.6	1,600	0.7	1,126	0.4	802	0.4	922	0.4
<i>Export duty</i>										
Petroleum	938	0.4	1,513	0.6	1,091	0.4	650	0.3	747	0.3
<i>Others</i>										
Lain-lain	417	0.2	120	0.1	35	0.0	152	0.0	175	0.1
<i>Others</i>										
Duti import	2,784	1.3	2,897	1.2	2,733	1.0	2,035	0.8	2,050	0.9
<i>Import duty</i>										
Duti eksais	10,112	4.6	10,779	4.6	10,511	4.0	8,507	3.6	8,768	3.7
<i>Excise duties</i>										
Cukai jualan	47	0.0	3,971	1.7	15,385	5.8	12,095	5.3	15,200	6.4
<i>Sales tax</i>										
Cukai perkhidmatan	15	0.0	1,473	0.6	12,283	4.6	12,438	5.5	12,700	5.4
<i>Service tax</i>										
Cukai barang dan perkhidmatan	44,290	20.1	20,236	8.7	-	-	-	-	-	-
<i>Goods and services tax</i>										
Lain-lain	3,031	1.4	3,070	1.3	3,805	1.4	2,278	1.2	2,860	1.2
<i>Others</i>										
Hasil bukan cukai²	42,748	19.4	58,821	25.3	83,849	31.7	74,010	32.6	62,530	26.4
<i>Non-tax revenue²</i>										
% perubahan	(-0.8)		(37.6)		(42.5)		(-11.7)		(-15.5)	
<i>% change</i>										
Jumlah	220,406	100.0	232,882	100.0	264,415	100.0	227,270	100.0	236,900	100.0
<i>Total</i>										
% perubahan	(3.8)		(5.7)		(13.5)		(-14.0)		(4.2)	
<i>% change</i>										

¹ Termasuk hasil daripada duti setem dan cukai keuntungan harta tanah

² Termasuk faedah dan hasil daripada pelaburan, lesen, fi perkhidmatan, cukai jalan, denda dan penalti, sewaan, royalti petroleum, hasil daripada Wilayah Persekutuan dan terimaan bukan hasil

³ Anggaran disemak

⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

Nota: Angka dalam kurungan ialah peratus perubahan tahunan

¹ Include revenue from stamp duties and real property gains tax

² Includes interest and returns on investment, licences, services fees, road tax, fines and penalties, rental, petroleum royalties, revenue from the Federal Territories and non-revenue receipts

³ Revised estimate

⁴ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

Note: Figures in parentheses are annual percentage changes

**3.1. PERBELANJAAN MENURUS KERAJAAN
PERSEKUTUAN MENGIKUT KOMPONEN**
RM juta

**3.1. FEDERAL GOVERNMENT OPERATING
EXPENDITURE BY COMPONENT**
RM million

	2017	% ³	2018	% ³	2019	% ³	2020 ⁴	% ³	2021 ⁵	% ³
Emolumen <i>Emoluments</i>	77,036	35.4	79,989	34.6	80,534	30.6	82,611	36.4	84,532	35.7
Bayaran persaraan <i>Retirement charges</i>	22,800	10.5	25,177	10.9	25,894	9.8	27,055	11.9	27,583	11.7
Bayaran khidmat hutang <i>Debt service charges</i>	27,863	12.8	30,547	13.2	32,933	12.5	34,945	15.4	39,000	16.5
Dalam negeri <i>Domestic</i>	27,159	12.5	29,891	12.9	32,239	12.2	34,147	15.1	38,104	16.1
Luar negeri <i>External</i>	704	0.3	656	0.3	694	0.3	798	0.4	896	0.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri <i>Grants and transfers to state governments</i>	7,109	3.3	7,605	3.3	7,574	2.9	7,749	3.4	7,745	3.3
Pemberian di bawah Perlembagaan <i>Constitutional grants</i>	5,101	2.3	5,495	2.4	5,619	2.1	5,659	2.5	5,705	2.4
Pemberian/pindahan lain ¹ <i>Other grants/transfers¹</i>	2,008	1.0	2,110	0.9	1,955	0.7	2,090	0.9	2,040	0.9
Perkhidmatan dan bekalan <i>Supplies and services</i>	34,738	16.0	35,283	15.3	31,507	12.0	30,101	13.3	32,770	13.9
Subsidi dan bantuan sosial <i>Subsidies and social assistance</i>	22,354	10.3	27,516	11.9	23,901	9.1	20,145	8.9	18,853	8.0
Pembelian aset <i>Asset acquisition</i>	516	0.2	447	0.2	770	0.3	650	0.3	542	0.2
Bayaran balik dan hapus kira <i>Refunds and write-offs</i>	973	0.4	883	0.4	893	0.3	987	0.4	511	0.2
Pemberian kepada badan berkanun <i>Grants to statutory bodies</i>	14,044	6.5	13,763	6.0	13,780	5.2	14,040	6.2	15,430	6.5
Lain-lain ² <i>Others²</i>	10,262	4.6	9,750	4.2	45,557	17.3	8,437	3.8	9,574	4.0
Jumlah Total	217,695	100.0	230,960	100.0	263,343	100.0	226,720	100.0	236,540	100.0
% perubahan % change	(3.6)		(6.1)		(14.0)		(-13.9)		(4.3)	

¹ Termasuk pemberian/pindahan selain pemberian yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan

² Termasuk pemberian kepada Kumpulan Wang Terkanun, syarikat awam, pertubuhan antarabangsa, tuntutan insurans dan pampasan serta lain-lain

³ % bahagian

⁴ Anggaran disemak

⁵ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹ Include grants/transfers other than those listed in the Federal Constitution

² Include grants to Statutory Funds, public corporations, international organisations, insurance claims and gratuities as well as others

³ % share

⁴ Revised estimate

⁵ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

**3.2. PERBELANJAAN MENURUS KERAJAAN
PERSEKUTUAN MENGIKUT SEKTOR**
RM juta

**3.2. FEDERAL GOVERNMENT OPERATING
EXPENDITURE BY SECTOR**
RM million

	2017	2018	2019	2020 ³	2021 ⁴
Ekonomi Economic	16,878	14,064	15,605	16,209	17,057
Pertanian dan pembangunan luar bandar <i>Agriculture and rural development</i>	4,480	4,618	3,457	1,818	1,863
Tenaga dan kemudahan awam <i>Energy and public utilities</i>	96	297	243	369	406
Perdagangan dan perindustrian <i>Trade and industry</i>	3,156	2,703	2,936	3,078	3,495
Pengangkutan <i>Transport</i>	6,146	3,448	5,638	6,076	6,294
Perhubungan <i>Communications</i>	96	96	87	94	89
Alam sekitar <i>Environment</i>	99	70	135	126	140
Lain-lain <i>Others</i>	2,805	2,832	3,109	4,648	4,770
Sosial Social	87,409	90,968	93,494	91,933	96,942
Pendidikan dan latihan <i>Education and training</i>	54,227	56,233	56,546	56,321	59,139
Kesihatan <i>Health</i>	24,054	26,435	27,873	26,123	27,504
Perumahan <i>Housing</i>	715	13	10	-	-
Lain-lain <i>Others</i>	8,413	8,287	9,065	9,489	10,299
Keselamatan Security	26,006	27,229	23,429	24,654	25,834
Pertahanan <i>Defence</i>	11,683	16,283	10,633	10,681	11,355
Keselamatan dalam negeri <i>Internal security</i>	14,323	10,946	12,796	13,973	14,479
Pentadbiran am¹ General administration¹	12,048	17,597	16,901	17,194	19,323
Lain-lain² Others²	75,354	81,102	113,914	76,730	77,384
Jumlah Total	217,695	230,960	263,343	226,720	236,540
% perubahan % change	(3.6)	(6.1)	(14.0)	(-13.9)	(4.3)

¹ Termasuk perkhidmatan am, bayaran balik dan bayaran ganti serta perkhidmatan luar negeri

² Termasuk bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan dan bayaran pindahan

³ Anggaran disemak

⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹ Includes general services, refund and reimbursement, and foreign affairs services

² Include debt service charges, retirement charges and transfer payments

³ Revised estimate

⁴ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

**3.3. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN MENGIKUT SEKTOR**
RM juta

**3.3. FEDERAL GOVERNMENT DEVELOPMENT
EXPENDITURE BY SECTOR**
RM million

	2017	% ³	2018	% ³	2019	% ³	2020 ⁴	% ³	2021 ⁵	% ³
Ekonomi Economic	24,186	53.9	36,103	64.4	31,300	57.8	28,525	57.1	38,887	56.4
% perubahan % change	(-3.7)		(49.3)		(-13.3)		(-8.9)		(36.3)	
Pertanian dan pembangunan luar bandar <i>Agriculture and rural development</i>	2,219	4.9	2,133	3.8	2,314	4.3	3,016	6.0	2,894	4.2
Tenaga dan kemudahan awam ¹ <i>Energy and public utilities¹</i>	2,475	5.5	2,254	4.0	2,760	5.1	3,586	7.2	3,330	4.8
Perdagangan dan perindustrian <i>Trade and industry</i>	3,800	8.5	2,512	4.5	3,054	5.6	2,438	4.9	3,121	4.5
Pengangkutan <i>Transport</i>	10,429	23.2	17,004	30.3	13,750	25.4	10,195	20.4	15,036	21.8
Perhubungan <i>Communications</i>	126	0.3	68	0.1	71	0.1	347	0.7	600	0.9
Alam sekitar <i>Environment</i>	2,061	4.6	1,665	3.0	1,723	3.2	1,734	3.5	1,891	2.7
Lain-lain <i>Others</i>	3,076	6.9	10,467	18.7	7,628	14.1	7,209	14.4	12,015	17.5
Sosial Social	12,425	27.7	12,873	22.9	14,484	26.7	13,058	26.1	18,369	26.7
% perubahan % change	(19.1)		(3.6)		(12.5)		(-9.8)		(40.7)	
Pendidikan dan latihan <i>Education and training</i>	6,306	14.0	6,505	11.6	7,629	14.1	5,871	11.7	8,873	12.9
Kesihatan <i>Health</i>	1,470	3.3	1,773	3.2	1,827	3.4	2,883	5.8	4,726	6.8
Perumahan <i>Housing</i>	785	1.7	1,285	2.3	2,126	3.9	1,491	3.0	1,834	2.7
Lain-lain <i>Others</i>	3,864	8.7	3,310	5.8	2,902	5.3	2,813	5.6	2,936	4.3
Keselamatan Security	5,334	11.9	4,929	8.8	5,614	10.4	5,557	11.1	7,780	11.2
% perubahan % change	(10.4)		(-7.6)		(13.9)		(-1.0)		(40.0)	
Pertahanan <i>Defence</i>	4,315	9.6	3,262	5.8	2,931	5.4	2,665	5.3	4,860	7.0
Keselamatan dalam negeri <i>Internal security</i>	1,019	2.3	1,667	3.0	2,683	5.0	2,892	5.8	2,920	4.2
Pentadbiran am² General administration²	2,939	6.5	2,190	3.9	2,775	5.1	2,860	5.7	3,964	5.7
% perubahan % change	(81.3)		(-25.5)		(26.8)		(3.1)		(38.6)	
Jumlah Total	44,884	100.0	56,095	100.0	54,173	100.0	50,000	100.0	69,000	100.0
% perubahan % change	(6.9)		(25.0)		(-3.4)		(-7.7)		(38.0)	

¹ Sebahagian besarnya bekalan elektrik dan air

² Termasuk perkhidmatan am, penyenggaraan dan pengubahsuaian

³ % bahagian

⁴ Anggaran disemak

⁵ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹ Mainly electricity and water supply

² Includes general services, maintenance and renovations

³ % share

⁴ Revised estimate

⁵ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

**4.1. PINJAMAN BERSIH
KERAJAAN PERSEKUTUAN**
RM juta

**4.1. FEDERAL GOVERNMENT
NET BORROWINGS**
RM million

	2016	2017	2018	2019	2020 ¹
Pinjaman bersih dalam negeri Net domestic borrowings	37,682	40,732	54,427	44,755	87,051
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>					
Terbitan kasar <i>Gross issuances</i>	43,500	60,416	51,030	57,200	73,000
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	26,141	53,166	35,327	43,412	30,715
Bersih <i>Net</i>	17,359	7,250	15,703	13,788	42,285
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>					
Terbitan kasar <i>Gross issuances</i>	42,500	53,500	64,305	58,500	76,466 ²
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	22,000	20,000	27,500	24,000	40,000
Bersih <i>Net</i>	20,500	33,500	36,805	34,500	36,466
Bil Perbendaharaan <i>Treasury bills</i>					
Terbitan kasar <i>Gross issuances</i>	7,876	15,269	16,229	11,778	32,000
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	8,053	15,287	14,310	13,711	21,000
Bersih <i>Net</i>	-177	-18	1,919	-1,933	11,000
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>					
Terbitan kasar <i>Gross issuances</i>	-	-	-	-	-
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	-	-	-	1,600	2,700
Bersih <i>Net</i>	-	-	-	-1,600	-2,700
Pinjaman bersih luar pesisir Net offshore borrowings	835	-342	-320	6,977	-303
Projek <i>Project</i>					
Terimaan <i>Receipts</i>	145	63	36	134	30
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	477	405	356	327	333
Bersih <i>Net</i>	-332	-342	-320	-193	-303
Pasaran <i>Market</i>					
Terimaan <i>Receipts</i>	5,837	-	-	7,170	-
Bayaran balik prinsipal <i>Principal repayments</i>	4,670	-	-	-	-
Bersih <i>Net</i>	1,167	-	-	7,170	-
Jumlah Total	38,517	40,390	54,107	51,732	86,748

¹ Anggaran

² Termasuk Sukuk Prihatin pada 2020

¹ Estimate

² Including Sukuk Prihatin in 2020

**4.2. HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN
MENGIKUT PEMEGANG**
RM juta

**4.2. FEDERAL GOVERNMENT DEBT
BY HOLDER**
RM million

	2016	2017	2018	2019	2020 ⁵
Hutang dalam negeri <i>Domestic debt</i>	624,822	665,572	719,545	764,233	824,033
Bil Perbendaharaan <i>Treasury bills</i>	4,500	4,500	6,500	4,500	24,500
Institusi perbankan <i>Banking institutions</i>	2,673	855	2,481	2,989	20,729
Pemilik asing <i>Foreign holders</i>	1,776	3,331	3,733	1,511	3,757
Lain-lain <i>Others</i>	51	314	286	-	14
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	234,500	268,000	304,300	338,800	352,100
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja <i>Employees Provident Fund</i>	76,663	91,350	105,281	118,676	120,531
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) <i>Retirement Fund (Incorporated)</i>	11,916	11,163	8,968	9,273	8,583
Syarikat insurans <i>Insurance companies</i>	9,534	9,395	10,861	11,858	11,963
Bank Negara Malaysia	2,606	4,040	3,569	1,549	2,467
Institusi perbankan <i>Banking institutions</i>	83,477	100,760	125,432	138,829	150,547
Institusi kewangan pembangunan <i>Development financial institutions</i>	18,265	17,638	17,869	17,459	11,357
Pemilik asing <i>Foreign holders</i>	21,528	18,496	15,893	21,095	20,532
Lain-lain ¹ <i>Others¹</i>	10,511	15,158	16,427	20,061	26,120
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	357,422	364,672	380,345	394,133	420,633
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja <i>Employees Provident Fund</i>	66,446	90,969	99,791	100,876	95,907
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) <i>Retirement Fund (Incorporated)</i>	13,511	10,729	14,559	14,742	14,759
Syarikat insurans <i>Insurance companies</i>	22,888	21,544	24,153	23,002	23,841
Bank Negara Malaysia	6,066	4,616	6,715	2,680	9,525
Institusi perbankan <i>Banking institutions</i>	61,194	55,995	75,074	68,926	97,632
Institusi kewangan pembangunan <i>Development financial institutions</i>	1,278	796	1,256	530	470
Pemilik asing <i>Foreign holders</i>	168,460	164,399	146,152	163,888	156,909
Lain-lain ² <i>Others²</i>	17,579	15,624	12,645	19,489	21,590
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	28,400	28,400	28,400	26,800	26,800

**4.2. HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN
MENGIKUT PEMEGANG (samb.)**
RM juta

**4.2. FEDERAL GOVERNMENT DEBT
BY HOLDER (cont'd.)**
RM million

	2016	2017	2018	2019	2020 ⁵
Pinjaman luar pesisir <i>Offshore borrowings</i>	23,653	21,265	21,504	28,765	30,035
Pinjaman pasaran³ <i>Market loans³</i>	17,211	15,580	15,907	23,347	24,482
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja <i>Employees Provident Fund</i>	1,223	1,107	1,130	1,118	1,168
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) <i>Retirement Fund (Incorporated)</i>	906	820	837	828	866
Syarikat insurans <i>Insurance companies</i>	251	227	232	230	240
Bank Negara Malaysia	45	41	42	41	43
Institusi perbankan <i>Banking institutions</i>	1,730	1,566	1,599	1,582	1,653
Pemilik asing <i>Foreign holders</i>	12,022	10,883	11,111	18,603	19,524
Lain-lain ⁴ <i>Others⁴</i>	1,034	936	956	945	988
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	6,442	5,685	5,597	5,418	5,553
Pemilik asing <i>Foreign holders</i>	6,442	5,685	5,597	5,418	5,553
Jumlah <i>Total</i>	648,475	686,837	741,049	792,998	854,068

¹ Termasuk institusi kewangan bukan bank; badan berkanun; syarikat penamaan dan pemegang amanah; syarikat kerjasama dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

² Termasuk sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat.

³ Pegangan dikenal pasti semasa terbitan

⁴ Termasuk institusi kewangan bukan bank; orang perseorangan; syarikat bukan kewangan dan sektor yang tidak dapat dikenal pasti

⁵ Akhir Jun 2020

¹ Include non-bank financial institutions; statutory bodies; nominees and trustee companies; co-operatives and unclassified items

² Include securities placed by institutional investors at the central bank

³ Holders were identified at time of issuance

⁴ Include non-bank financial institutions; individuals; non-financial corporations and unidentified sectors

⁵ End-June 2020

4.3. HUTANG LUAR¹

RM juta

4.3. EXTERNAL DEBT

RM million

	2016	2017	2018	2019	2020 ⁶
Pinjaman luar pesisir¹ Offshore borrowings¹	530,931	508,583	565,800	560,708	624,334
Hutang jangka sederhana dan panjang² Medium- and long-term debt²	322,855	321,094	331,973	344,322	383,169
Sektor awam <i>Public sector</i>	130,679	132,464	138,238	128,743	154,413
Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government</i>	18,464	16,567	16,708	24,021	25,077
Syarikat awam ³ <i>Public corporations³</i>	112,215	115,897	121,531	104,722	129,336
Sektor swasta <i>Private sector</i>	192,176	188,630	193,735	215,579	228,756
Sektor perbankan <i>Banking sector</i>	52,936	46,284	47,980	53,949	57,315
Sektor bukan perbankan <i>Non-bank sector</i>	139,240	142,346	145,754	161,630	171,441
Hutang jangka pendek⁴ Short-term debt⁴	208,076	187,489	233,827	216,386	241,166
Sektor perbankan <i>Banking sector</i>	170,977	172,199	204,759	199,505	223,941
Sektor bukan perbankan <i>Non-bank sector</i>	37,099	15,290	29,068	16,881	17,225
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin Non-resident holdings of ringgit- denominated debt securities	212,767	207,389	180,228	201,015	196,632
Hutang jangka sederhana dan panjang² Medium- and long-term debt²	201,859	196,074	169,158	193,270	186,748
Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government</i>	189,988	182,855	158,406	182,151	176,001
Lain-lain <i>Others</i>	11,871	13,220	10,752	11,119	10,747
Hutang jangka pendek⁴ Short-term debt⁴	10,908	11,314	11,066	7,745	9,884
Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government</i>	1,776	3,331	3,733	1,511	3,757
Lain-lain <i>Others</i>	9,131	7,983	7,333	6,234	6,127
Deposit bukan pemastautin Non-resident deposits	86,274	92,025	98,109	102,928	98,821
Lain-lain⁵ Others⁵	84,492	77,221	78,896	80,767	83,168
Jumlah Total	914,464	885,218	923,029	945,419	1,002,956

¹ Bersamaan dengan hutang luar negeri di bawah definisi terdahulu terutamanya merangkumi hutang mata wang asing diperoleh dan nota serta bon terbitan luar pesisir

² Hutang jangka sederhana dan panjang merujuk kepada hutang yang bertempoh matang melebihi satu tahun

³ Terdiri daripada hutang syarikat awam yang dijamin dan tidak dijamin

⁴ Hutang jangka pendek merupakan hutang yang bertempoh matang setahun atau kurang

⁵ Merangkumi kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan lain-lain

⁶ Akhir Jun 2020

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

¹ Equivalent to the external debt as previously defined, comprise mainly foreign currency loan raised, and bonds as well as notes issued offshore

² Medium- and long-term debt refers to debt with tenure of more than one year

³ Includes both guaranteed and non-guaranteed debt of public corporations

⁴ Short-term debt refers to debt with tenure of one year and below

⁵ Comprise trade credits, IMF allocation of SDRs and miscellaneous

⁶ End-June 2020

Note: Total may not add up due to rounding

Source: Bank Negara Malaysia

5.1. JAMINAN PINJAMAN¹

RM juta

5.1. LOAN GUARANTEES¹

RM million

	2015	2016	2017	2018	2019
1Malaysia Development Berhad	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
Asset Global Network Sdn. Bhd.	1,012	658	556	455	354
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	13,670	6,560	6,400	6,350	5,900
DanaInfra Nasional Berhad	17,600	29,700	42,180	52,740	63,820
GovCo Holdings Berhad	3,000	4,600	8,800	7,300	7,200
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	3,554	7,395	6,318	5,751	5,648
Johor Corporation	3,000	3,000	2,600	2,600	1,800
K.L. International Airport Berhad	2,560	339	181	94	-
Khazanah Nasional Berhad	20,000	18,000	17,000	15,000	12,500
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	4,859	4,150	4,100	4,000	3,900
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	-	4,000	11,500	17,750	22,450
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,300	1,200	900	930	1,200
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	-	-	14,493	18,862	18,506
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	12	5	-	-	-
MKD Kencana Sdn. Bhd.	-	-	1,000	3,500	3,500
Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	2,053	1,925	1,840	1,995	1,910
Penerbangan Malaysia Berhad	4,386	661	530	469	388
Pengurusan Air SPV Berhad	10,650	12,710	13,110	13,310	12,210
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	200	200	120	120	60
Perbadanan PR1MA Malaysia	-	-	3,718	5,000	5,000
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	35,200	40,350	40,200	37,700	37,300
Prasarana Malaysia Berhad	15,614	18,700	26,614	31,414	32,264
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	13	8	2	-	-
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	5,995	1,000	1,000	1,000	1,000
Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.	330	330	330	330	330
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	400	650	800	800	800
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	2,317	2,310	2,600	2,600	2,500
SRC International Sdn. Bhd.	4,000	4,000	3,900	3,600	3,485
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	-	2,940	7,925	6,708
Syarikat Perumahan Negara Berhad	-	-	-	530	530
Tenaga Nasional Berhad	2,380	2,866	2,555	2,547	2,434
TRX City Sdn. Bhd.	800	699	595	485	372
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310	5,310	5,310	5,310	5,310
Jumlah Total	176,215	187,324	238,191	266,468	275,379
% KDNK % of GDP	15.0	15.0	17.4	18.4	18.2

¹Jaminan yang diluluskan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

¹Guarantees approved under the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965

Note: Total may not add up due to rounding

6.1. KEWANGAN SEKTOR AWAM DISATUKAN
 RM juta

6.1. CONSOLIDATED PUBLIC SECTOR FINANCE
 RM million

	2017	2018	2019	2020 ²	2021 ³
Hasil Revenue	230,569	240,976	248,052	244,153	261,033
Perbelanjaan mengurus Operating expenditure	251,521	265,987	298,095	264,423	273,614
Baki semasa <i>Current balance</i>	-20,952	-25,011	-50,043	-20,270	-12,581
Baki semasa syarikat awam bukan kewangan <i>Non-financial public corporations' current balance</i>	103,342	128,174	127,548	85,279	86,033
Jumlah baki semasa sektor awam Total public sector current balance	82,390	103,163	77,505	65,009	73,452
Perbelanjaan pembangunan Development expenditure	131,759	144,494	132,434	131,987	154,189
Kerajaan am <i>General government</i>	49,179	63,672	57,089	56,857	75,015
Syarikat awam bukan kewangan <i>Non-financial public corporations</i>	82,580	80,822	75,345	75,130	79,174
Kumpulan Wang COVID-19¹ COVID-19 Fund¹				38,000	17,000
Baki keseluruhan Overall balance	-49,369	-41,331	-54,929	-104,978	-97,737
% KDNK % of GDP	-3.6	-2.9	-3.6	-7.3	-6.2

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹ A specific trust account established under Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plan

² Revised estimate

³ Budget estimate, excluding 2021 Budget measures

**6.2. KEDUDUKAN KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DISATUKAN**
RM juta

**6.2. CONSOLIDATED STATE GOVERNMENTS
FINANCIAL POSITION**
RM million

	2016	2017	2018	2019	2020 ⁴
Hasil¹ Revenue¹	19,898	21,767	31,537	30,349	33,563
% perubahan % change	(-5.9)	(9.4)	(44.9)	(-3.8)	(10.6)
Janaan negeri <i>State-generated</i>	15,355	16,994	24,837	23,073	26,828
Pemberian Persekutuan <i>Federal grants</i>	4,507	4,724	6,649	7,228	6,694
Bayaran balik Persekutuan <i>Federal reimbursements</i>	36	49	51	48	41
Perbelanjaan mengurus² Operating expenditure²	10,273	12,300	11,870	11,895	14,278
% perubahan % change	(-5.1)	(19.7)	(-3.5)	(0.2)	(20.0)
Baki semasa Current balance	9,625	9,467	19,667	18,454	19,285
Perbelanjaan pembangunan Development expenditure	8,883	9,457	13,098	10,866	11,612
% perubahan % change	(4.7)	(6.5)	(38.5)	(-17.0)	(6.9)
Kumpulan Wang Pembangunan <i>Development Fund</i>	8,733	9,344	13,070	10,829	11,421
Kumpulan Wang Bekalan Air <i>Water Supply Fund</i>	150	113	28	37	191
Tolak: Terimaan balik pinjaman <i>Less: Loan recovery</i>	275	280	286	753	990
Perbelanjaan pembangunan bersih Net development expenditure	8,608	9,177	12,812	10,113	10,622
Baki keseluruhan Overall balance	1,017	290	6,855	8,341	8,663
Sumber pembiayaan Sources of financing					
